

Jilid III
Bil. 15



Hari Isnin
15hb Julai, 1985

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 2845]

Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 2846]

Cuti Y.B. Datin Paduka Chow Poh Kheng dan Y.B. Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed—Kebenaran [Ruangan 2848]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2848]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Skandal Pinjaman BMF—Membawa Pengadilan Pesalah-pesalah—Tuan Lim Kit Siang [Ruangan 2912]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 2915]

USUL-USUL:

Ulang Tahun 25 Parlimen Malaysia —Tuan Lim Kit Siang [Ruangan 2917]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 2977]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Flat UDA di Tanjong Tokong, Pulau Pinang [Ruangan 2977]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

.. Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

.. Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Renggam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK, (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG @ ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim—Bandar Baru).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TEMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (Silam).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD, (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos,
TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- .. DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- .. TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- .. TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- .. DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- Yang Berhormat DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- .. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- .. DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- .. TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL @ MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. DATO' JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- .. DATO LEE BOON PENG, D.S. S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- .. DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

Yang Berhormat TUAN LING SIE MING (Sibu).

- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB, (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

Yang Berhormat TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

- .. TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- .. TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- .. WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- .. TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 15hb Julai, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

PEMASYHURAN TUAN
YANG DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan memersetujui Akta-akta yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu seperti berikut:

1. Akta Syarikat (Pindaan) 1985;
2. Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985;
3. Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1985;
4. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1985;
5. Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) (Pindaan) 1985;
6. Akta Kewangan 1985;
7. Akta Kanun Keseksan (Pindaan) 1985;
8. Akta Takaful (Pindaan) 1985;
9. Akta Perikanan 1985;
10. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985;
11. Akta Perbekalan Tambahan (1984) 1985;
12. Akta Kemajuan Petroleum (Pindaan) 1985;

13. Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1985;
14. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1985;
15. Akta Hakmilik Strata 1985; dan
16. Akta Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing 1985.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“24hb April, 1985

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan);

2. Rang Undang-undang Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia;
3. Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Pembantu Hospital (Pendaftaran) (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Kewangan;
7. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Takaful (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Perikanan;
10. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas);
11. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1984);
12. Rang Undang-undang Kemajuan Petroleum (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan);
14. Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Hakmilik Strata; dan
16. Rang Undang-undang Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbangtara Asing.

Yang ikhlas,
t.t.

**YANG DI-PERTUA DEWAN
NEGARA."**

**CUTI Y.B. DATIN PADUKA
CHOW POH KHENG DAN Y.B.
PUAN SHARIFFAH DORAH
BINTI DATO' SYED
MOHAMMED—KEBENARAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Y.B. Datin Paduka Chow Poh Kheng @ Rosemary Chong bagi Kawasan Ulu Langat dari 15hb Julai, 1985 hingga 21hb Julai, 1985; dan
2. Y.B. Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed bagi Kawasan Semerah dari 15hb Julai, 1985 hingga 26hb Julai, 1985.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**KAJIAN PENGANGKUTAN
LEMBAH KELANG**

1. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan Kajian Pengangkutan Lembah Kelang yang dijalankan oleh Japan International Corporation Agency telah mengenalpasti beberapa masalah dan merekomenkan supaya beberapa projek diberi keutamaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, apakah masalah-masalah ini dan projek-projek yang akan dilaksanakan. Adakah pengangkutan awam di antara daerah dalam Kuala

Lumpur akan dibaiki dan laluan bas diatur semula bagi memudahkan penumpang-penumpang bas.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, kajian pengangkutan Lembah Kelang yang dijalankan dengan bantuan oleh Japan International Corporation Agency (JICA) telah bermula pada bulan Disember 1984 dan dijangka berakhir pada bulan Mei 1987. Draft Laporan Jangka Pendek (Interim Report) pula diselesaikan untuk penelitian Jawatankuasa Pemandu di APU pada awal Julai 1985. Laporan akhir dijangka akan disiapkan pada bulan Mei 1987.

Antara masalah-masalah yang telah dikenalpasti dalam Laporan Jangka Pendek di peringkat awal adalah seperti berikut:

Masalah pengangkutan jalan iaitu kesesakan lalulintas jalan dan persimpangan.

Masalah pengangkutan awam—kekuatan bas umpamanya tidak memenuhi dan memuaskan dari segi harapan ataupun reliability perkhidmatan, tempoh masa perjalanan, liputan laluan yang terhad, headway yang lama dan perkhidmatan yang tidak mencukupi, perkhidmatan pengangkutan awam tidak mencukupi di kawasan luar bandar, beberapa kawasan masih tidak mempunyai pengangkutan awam, perkhidmatan keretapi tidak menyediakan kemudahan pengguna berulang-alik (commuter service).

Masalah juga ada kaitan dengan penyelarasan antara agensi-agensi pelaksanaan. Pelbagai agensi adalah terlibat dalam perancangan, pelaksanaan, pelesenan, pengurusan dan pengesanan, kemudahan dan sistem pengangkutan di Lembah Kelang. Keadaan ini menimbulkan masalah penyelarasan dan perancangan yang berkesan.

Beberapa projek-projek telah dikenalpasti oleh Pasukan Perunding di peringkat awal ini tetapi keputusan dari pihak Kerajaan Persekutuan belum dibuat.

Antara projek-projek penting adalah seperti berikut:

Pembaikan jalan-jalan, pembaikan beberapa pusing keliling, pembinaan lebuh raya baru Lembah Kelang dan jalan lengkaran tengah dua, pembinaan sistem transit laju ringan (LRT) dan aerobus, mengadakan perkhidmatan commuters di laluan KTM, memperbanyakkan perkhidmatan bas yang sedia ada, mengubahsuaikan aliran laluan bas dan pembesaran laluan bas, membina semula dan mengubahsuaikan operasi terminal bas Kelang dan Pudu Raya, pembinaan terminal barangan (freight).

Sistem pengangkutan awam di Lembah Kelang akan diperbaiki dengan mengadakan sistem-sistem pengangkutan baru seperti Sistem Transit Laju Ringan (LRT), aerobus dan pembinaan terminal-terminal pengangkutan bagi pertukaran pelbagai jenis pengangkutan bagi kemudahan pengguna-pengguna.

Penyelarasan yang berkesan di antara pelbagai jenis pengangkutan di antara perkhidmatan bas, bas mini, sistem transit laju ringan, aerobus dan keretapi adalah amat penting.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berapa banyak yang hendak dibelanja untuk membolehkan Japan International Corporation Agency ini bagi tujuan untuk menjalankan kajian pengangkutan Lembah Kelang ini.

Soalan yang kedua yang saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah memandangkan bahawa negara kita sedang mengalami masalah resesi, adakah pihak Kerajaan

bercadang untuk menanggukkan projek aerobus dan akan memberi keutamaan kepada sistem yang lain. Misalnya sistem untuk memperbaiki bas-bas dari melaksanakan projek-projek lain yang akan menelan belanja yang begitu banyak.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi laporan akhir dijangka siap hanya pada bulan Mei 1987. Segala implikasi termasuk implikasi kewangan yang ada kaitan dengannya tidaklah dapat dijangkakan.

Yang kedua, mengenai masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi saya juga telah menyatakan bahawa keputusan muktamad belum lagi dibuat oleh Kerajaan dan sudah tentu sekiranya kita menghadapi masalah termasuk masalah resesi sekiranya perlu rancangan ini boleh diubahsuaikan.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat menyebut tadi mengenai South Kelang By-pass termasuk di dalam rancangan yang ditetapkan. Kalau ada, bilakah projek ini akan dilaksanakan.

Kedua, pernahkah JICA menyentuh soal plaza-plaza tol yang diadakan di dalam bandar-bandar kerana mungkin ini akan menjadikan kesesakan itu lebih serius.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Pelaksanaan nama-nama projek yang saya sebutkan tadi akan ditentukan setelah kita menerima secara keseluruhan saranan yang dibuat oleh laporan daripada JICA. Dari segi sama ada plaza-plaza tol telah diambil kira, ini merupakan perkara yang terperinci, sudah tentu termasuk juga di dalam kajian yang dibuat.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE EROPAH

2. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah wang yang telah dibelanjakan oleh Perdana Menteri dan ahli-ahli rombongannya untuk lawatan resmi beliau selama 3 minggu ke lima buah negara Eropah pada bulan April tahun ini;
- (b) apakah keputusan-keputusan konkrit yang telah dicapai dalam lawatan ke lima buah negara dari segi kemajuan perdagangan dan pelancongan, menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia dan mencari lebih banyak pasaran asing bagi barang-barang buatan Malaysia; dan
- (c) semasa perbincangan beliau dengan bakal-bakal pelabur, adakah pelabur-pelabur ini menyatakan keraguan mereka terhadap Dasar Ekonomi Baru dalam hubungannya dengan pelaburan asing dan selepas perbincangan beliau dengan para pengusaha-pengusaha ini adakah beliau yakin bahawa patutkah diadakan suatu penyemakan ke atas dasar-dasar pelaburan bagi menarik lebih banyak lagi pelabur-pelabur di Malaysia.

18. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menyatakan apakah kesan-kesan positif terhadap peluang-peluang perdagangan ekonomi dan politik negara hasil dari lawatan serta dialognya dengan pemimpin-pemimpin dan usahawan-usahawan negara-negara yang dilawatnya di Semenanjung Scandinavia dan Austria selama 21 hari baru-baru ini.

25. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Perdana Menteri menyatakan perhatiannya mengenai lawatannya ke

negara Eropah baru-baru ini dan juga menyatakan sama ada kemahiran, teknologi, sistem pengurusan atau kelakuan dan perangai yang mana rakyat kita dapat mempelajari dari mereka.

17-7-85

22. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil kejayaan yang telah didapati daripada lawatan beliau ke Negara Scandinavia baru-baru ini dalam hubungan politik dan Ekonomi.

25-7-85

4. Tuan Tan Kok Hooi minta Perdana Menteri menyatakan lawatan Yang Amat Berhormat ke 5 buah negara di Eropah baru-baru ini, sejauh manakah hasil telah dicapai khasnya yang dapat membawa manfaat kepada negara kita.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas iaitu soalan 18. Ahli Yang Berhormat dari Beruas soalan nombor 25 pada hari ini serta soalan Ahli Yang Berhormat dari Bachok pada 17hb Julai dan soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai pada 25hb Julai oleh kerana soalan-soalan tersebut adalah bertujuan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Terima kasih.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta semua ahli-ahli rombongan rasminya telah diberi taraf tetamu Kerajaan semasa lawatan ke Sweden dan Austria manakala di Finland, Norway dan Denmark pula beliau serta separuh dari ahli-ahli rombongan rasmi diberi taraf tetamu Kerajaan. Oleh itu kebanyakan daripada perbelanjaan yang terlibat

dalam lawatan ini ialah hanya tiket kapal terbang dan kos penginapan bagi separuh dari ahli-ahli rombongan rasmi ketiga-tiga buah negara tersebut.

Ingin saya memaklumkan juga bahawa bagi lawatan ke lima-lima negara tersebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggunakan penerbangan awam sebagai langkah berjimat-cermat.

Kelima buah negara yang telah dilawati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Sweden, Austria, Finland, Norway dan Denmark kesemuanya mempunyai lebih kurang 30 juta orang penduduk. Walaupun kelima-lima negara ini tidaklah besar dari segi jumlah penduduk namun mereka mempunyai purata pengeluaran negara kasar (GNP) serta pendapatan purata yang tinggi. Mereka adalah juga antara negara-negara yang paling maju di dunia. Oleh yang demikian, negara-negara tersebut merupakan suatu pasaran yang penting bagi barang-barang keluaran Malaysia dan masih belum dieksploitasi dengan sepenuhnya.

Oleh itu satu dari tujuan utama lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara-negara tersebut ialah untuk memperkenalkan negara kita kepada Kerajaan dan rakyat negara tersebut serta menggalakkan mereka agar dapat meningkatkan dan memperbagaikan import barangan buatan Malaysia. Sehingga kini kita sering mengalami kadar imbalan perdagangan yang berkurangan dalam perdagangan kita dengan negara-negara tersebut. Hari ini Kerajaan sentiasa berusaha untuk mencapai perseimbangan dalam perdagangan kita dengan negara-negara lain demi untuk memupuk hubungan ekonomi yang mesra.

Dari segi pelaburan pula, kelima-lima negara tersebut telah mencapai taraf pembangunan yang tinggi dan

mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang pengurusan, pemasaran dan teknikal di dalam beberapa sektor perindustrian tertentu. Umpamanya, dalam sektor kejuruteraan, elektronik, sains komputer, industri berat, pengeluaran minyak dan gas, perkapalan, perabot dan lain-lain lagi.

Semenjak dahulu lagi pasaran tradisional bagi barangan keluaran negara-negara tersebut ialah Eropah Barat dan Amerika Syarikat. Namun demikian, sekarang mereka sedang berusaha untuk memperluaskan pasaran mereka secara menubuhkan kilang-kilang dengan melabur di tempat-tempat yang baru disebabkan oleh kemerosotan ekonomi rakan perdagangan tradisional mereka di Eropah Barat.

Negara-negara di rantau Asia Tenggara khususnya Malaysia telah dicam sebagai negara yang sesuai untuk pelaburan mereka.

Semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara-negara tersebut beliau telah berpeluang untuk memberi ucapan dasar (keynote address) mengenai dasar pembangunan Malaysia serta dasar Kerajaan mengenai pelaburan asing di seminar-seminar yang telah dikelolakan oleh pihak MIDA. Seramai 680 pemimpin-pemimpin pihak swasta di negara-negara tersebut telah menghadiri seminar-seminar tersebut. Beliau juga telah melawat sebanyak 19 buah kilang dan perusahaan tertentu. Dalam pada itu beliau juga berpeluang untuk bertemu dengan beberapa orang para usahawan yang telah membuat cadangan-cadangan yang konkrit untuk meneliti peluang-peluang perniagaan. Ahli-ahli rombongan pihak swasta yang juga turut bersama telah mengadakan sebanyak 225 pertemuan kesemuanya dengan rakan-rakan perdagangan mereka di negara-negara tersebut

untuk membincangkan peluang-peluang usahasama dalam berbagai bidang.

Antara bidang-bidang tersebut ialah pengeluaran bahan-bahan kereta, alat-alat telekomunikasi, alat-alat "die-cast", perusahaan gas, perabot, peralatan-peralatan hospital dan lain-lain lagi.

Semenjak lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebanyak 18 buah syarikat serta dua rombongan pelaburan dan perdagangan telah melawat Malaysia untuk menjalankan kajian kemungkinan serta mengadakan perbincangan-perbincangan lanjut. Pihak MIDA juga telah mengambil tindakan susulan untuk menentukan bahawa projek-projek ini dapat dilaksanakan.

Dari segi pelancongan pula adalah didapati bahawa pada tiap-tiap tahun beratus ribu rakyat negara-negara tersebut melancong ke Timur Jauh. Namun demikian, tidak begitu ramai pelancong-pelancong tersebut tiba di Malaysia. Bagi mengatasi keadaan ini, Kerajaan bercadang mengadakan kempen publisiti mengenai Malaysia di negara-negara tersebut melalui beberapa cara iaitu dengan memulakan rancangan pertukaran filem-filem pengiklanan secara langsung, menggalakkan syarikat pelancongan tempatan mengadakan rancangan pelancongan yang lengkap dan lain-lain lagi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke negara-negara tersebut telah juga mencadangkan supaya dimulakan perkhidmatan penerbangan sewa khas untuk membawa para pelancong ke Malaysia.

Semasa berucap di seminar-seminar yang telah dikelolakan oleh pihak MIDA, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyentuh soal-soal dasar pelaburan kita, serta galakan dan peluang-peluang yang ada untuk pelaburan. Ucapan oleh Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri telah diikuti dengan perbincangan oleh para peserta di mana soal-soal mengenai Malaysia termasuk soal-soal mengenai Dasar Ekonomi Baru telah dijawab oleh beliau. Tidak seorang peserta pun yang menyatakan apa-apa perasaan keraguan terhadap Dasar Ekonomi Baru Malaysia.

Mengenai soal penyemakan ke atas dasar pelaburan kita, ingin saya menegaskan bahawa Kerajaan sentiasa mengkaji, meneliti dan mengubahsuai dasar-dasar dan prosedur-prosedur tertentu untuk menentukan bahawa dasar-dasar tersebut sejajar dengan perkembangan yang berlaku di dunia perniagaan di dalam dan di luar negeri. Perlu ditegaskan bahawa perubahan hanya boleh dilakukan setelah kajian teliti dibuat ke atas kesan atau implikasi perubahan tersebut terhadap ekonomi negara.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Mulia Menteri yang berkenaan, bagi ahli-ahli rombongan, bolehkah beliau menyatakan apakah garis panduan yang digunakan untuk melantik ahli-ahli tersebut? Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada mengatakan sebahagian daripada ahli-ahli rombongan yang melawat ke negara yang di katakan tadi tidak membuat "follow up". Jika begitu, adakah pihak kerajaan bercadang mengkaji semula garis panduan yang digunakan untuk melantik ahli-ahli untuk menyertai segala lawatan rasmi perdagangan ke luar negeri?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, pada kebiasaannya yang kita memerlukan supaya ahli-ahli rombongan yang mengikuti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada kaitan-kaitan perhubungan perdagangan atau perhubungan ekonomi seperti

pelaburan dan sebagainya. Kita berkehendakkan mereka yang turut ikut sama ada perhubungan ataupun perbincangan satu-satu projek yang diadakan. Inilah satu daripada garis panduan bagi pihak swasta untuk dipilih mengikut Yang Amat Berhormat, oleh sebab kita tidak mahu mereka pergi ke sana baru hendak berbincang. Mereka perlu mengadakan perbincangan ataupun dialog sebelum berangkat ke negara-negara yang dilawati oleh Yang Amat Berhormat itu.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama saya telahpun disoal. Walau bagaimanapun saya minta bertanya kepada Yang berhormat Mulia Menteri iaitu apakah impression kita dalam perjumpaan kita dengan pelabur-pelabur dan usahawan-usahawan di negara-negara tersebut tentang kedudukan negara kita di rantau ini sebagai satu tempat melabur berbanding dengan Singapura, Thailand dan sebagainya?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Pada pandangan saya, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, jikalau dibandingkan dengan kesan lawatan Menteri sahaja, tidak Perdana Menteri, adalah lebih berkesan oleh sebab beliau dianggap sebagai Ketua Eksekutif Negara dan apa yang beliau kata adalah muktamad (conclusive). Pada fikiran saya kesan lawatan ini boleh dikatakan memberikan gambaran yang lebih baik lagi kepada negara-negara yang berkenaan yang telah dilawati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini.

Jikalau kita bandingkan dengan negara-negara di rantau ini, sambutan ke negara kita adalah saya rasa sangatlah begitu cerah pada mereka yang hendak ke sini oleh sebab jikalau dibandingkan dengan negara-negara

membangun yang lain, banyakkah kemudahan-kemudahan yang dapat diberi oleh Malaysia untuk pelabur-pelabur asing datang melabur ke Malaysia ini.

KEJADIAN LETUPAN BOM DAN KEBAKARAN DI SABAH

3. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah perkembangan terbaru akibat penyiasatan polis terhadap kejadian-kejadian letupan bom dan kebakaran di Sabah baru-baru ini;
- (b) berapa orang telah ditahan bersabit dengan kejadian-kejadian itu;
- (c) apakah kejadian-kejadian itu ada motif-motif politik; dan
- (d) apakah si banduan-banduan tertentu mempunyai keahlian parti politik atau hubungan rapat dengan politikus-politikus tertentu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berikutan dari berlakunya kejadian-kejadian letupan bom dan kebakaran di Sabah baru-baru ini, pihak polis telah memulakan siasatan pada 25-5-85 dan sehingga ini siasatan tersebut masih belum selesai.
- (b) Setakat ini 4 orang telah ditahan berhubung dengan kejadian-kejadian letupan bom. Usaha untuk mengesan seorang lagi yang dipercayai terlibat masih dijalankan.

Berhubung dengan kejadian kebakaran, seramai 7 orang telah ditahan oleh polis. Walau bagaimanapun hanya seorang sahaja

yang masih ditahan dan djangka dituduh di Mahkamah di bawah Seksyen 436 Kanun Keseksaan.

- (c) Sehingga hari ini siasatan awal polis tiada membuktikan adanya motif-motif politik.
- (d) Setakat ini mengikut siasatan awal polis, mereka yang ditahan itu tidak menjadi mana-mana ahli parti politik mahupun mempunyai hubungan rapat dengan mana-mana pemimpin parti politik.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sebelum penangkapan dibuat mengenai insiden-kejadian letupan bom di Kota Kinabalu, pihak polis sudah membuat pengumuman bahawa insiden-kejadian tersebut tidak ada sangkut paut dengan unsur-unsur politik. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu apa tujuan politik pihak polis membuat kenyataan itu apabila sebelum ada penangkapan dan sebelum siasatan dihabiskan atau dijalankan?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan oleh pihak Polis ataupun pihak keselamatan berkenaan dengan kejadian letupan bom di Sabah adalah semata-mata untuk meredakan keadaan sebenarnya.

Yang kedua mengikut siasatan awal Polis—initial investigation, dengan izin, tidak terdapat motif-motif politik, sebab itulah kenyataan dibuat oleh pihak keselamatan bahawa kejadian itu tidak ada kena mengena dengan isu-isu politik.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, apakah fikiran Kementerian Dalam Negeri tentang bagaimana letupan-letupan ini berlaku selepas pilihanraya tidak di masa yang lain. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya letupan itu?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya terangkan tadi kejadian letupan yang berlaku selepas pilihanraya ini masih dalam siasatan Polis, jadi tidaklah boleh saya menyatakan kenapakah berlakunya letupan selepas pilihanraya itu. Tunggalah siasatan Polis selepas selesai, bolehlah pihak keselamatan mengumumkannya.

SISTEM EJAAN JAWI— PELAKSANAAN

4. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerianya akan menerima dan seterusnya melaksanakan sistem ejaan Jawi sebagaimana yang diputus dan dipersetujui di dalam Konvensyen Tulisan Jawi di Kuala Terengganu dalam tahun 1984. Sekiranya tidak; sistem ejaan Jawi yang manakah yang digunakan dan akan digunakan selanjutnya di sekolah-sekolah dan juga kegunaan awam.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran masih mengkaji sistem ejaan jawi yang diputuskan dan dipersetujui di dalam Konvensyen Tulisan Jawi di Kuala Terengganu dalam tahun 1984. Sistem ejaan Jawi Zaaba dan Dewan Bahasa dan Pustaka masih digunakan di sekolah-sekolah sekarang.

PROTON SAGA—EDARAN KE SABAH/SARAWAK

5. Tuan Andrew Janggi Muiyng minta Perdana Menteri menyatakan bilakah kereta nasional Proton Saga akan diedarkan ke Sabah dan Sarawak dan berapa anggaran harga seunit yang akan dikenakan di kedua-dua buah negeri itu; adakah pengedar atau wakil penjual akan dilantik dari syarikat Bumiputera.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamad Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, kereta nasional Proton Saga akan mula diedar dan dijual ke Sabah dan Sarawak pada 1hb September, 1985 sama seperti di Semenanjung Malaysia. Harga yang akan dikenakan di kedua-dua buah negeri itu belum lagi ditentukan tetapi ianya akan diumumkan sedikit masa lagi. Syarikat bumiputera juga akan ditimbang untuk dilantik menjadi wakil penjual.

Tuan Mamat Ghazali bin Abdul Rahman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sungguhpun belum diumumkan harga jualannya kereta ini, saya minta supaya dapat tahu berapa kos per yunit pengeluaran kereta Proton Saga ini dan nantinya adakah akan diberi harga jualan subsidi dan berapa subsidi.

Adakah benar Kerajaan akan mengadakan kawalan harga terhadap kereta ini dan ketiganya. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, apakah strategi yang akan dipakai untuk memastikan kereta kita ini akan diberi harga yang kompetitive terutamanya untuk kita menembusi menambahkan pasaran luar negeri.

Dato' Mohamad Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kawalan harga sudah tentu kita terpaksa menimbang semua faktor termasuk mereka yang assemble kereta-kereta yang ada supaya ianya juga memberi leverage kepada mereka ataupun perniagaan mereka tidak terjejas. Sambil pada itu kita juga mengharapkan ada cukup leverage bagi Proton Saga ini dapat pasaran dan penerimaan. Dari segi strategi-strategi tertentu, ini sebenarnya sedang diatur oleh syarikat Kereta Nasional dan kita menjangka melalui satu pemasaran yang agresif, kita akan juga akhirnya dapat mengedarkan kereta ini di pasaran-pasaran luar. Mengenai kos, soalan pertama tadi, sudah tentu

diperingkat pengeluaran awal ini jika dikira dari segi yunit ianya sudah tentu tinggi seperti yang telah dinyatakan tetapi dalam jangka panjangnya kos ini akan turun dan pada peringkat itu sudah tentu kita akan menerima ruang keuntungan.

PEMBAKARAN MASJID/LETUPAN BOM DI SABAH

6. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau bercadang mengisytiharkan darurat di negeri Sabah berpunca dari pembakaran Masjid-masjid dan letupan bom menyebabkan kematian rakyat di negeri itu baru-baru ini sepertimana pihak Kerajaan Malaysia telah mendaruratkan negeri Kelantan dalam tahun 1977 dahulu walaupun tidak belaku pembakaran Masjid dan letupan bom tetapi hanya pembakaran tayar-tayar buruk; dan
- (b) mengapa kenyataan Ketua Menteri dengan pihak Keselamatan berlainan dan adakah ini menunjukkan ada muslihat politik di sebalik kenyataan-kenyataan tersebut.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, suka saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan setakat ini belum lagi bercadang untuk mengisytiharkan darurat di negeri Sabah sungguhpun ada kejadian membakar masjid-masjid serta kematian kerana letupan bom. Sungguhpun demikian Kerajaan sentiasa meneliti sebarang perkembangan di negeri itu dan Kerajaan tidak teragak-agak akan mengambil langkah-langkah termasuk mengisytiharkan darurat di negeri itu sekiranya keselamatan dan ketenteraman awam tidak terkawal.

(b) Kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah adalah satu kenyataan dari seorang tokoh politik berdasarkan suasana politik di Sabah, walhal kenyataan oleh Pengarah Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia berdasarkan hasil siasatan Polis yang bersandarkan kepada kenyataan-kenyataan yang diperolehi oleh mereka. Tidak ada apa-apa muslihat politik disebalik kenyataan yang pada anggapan Ahli Yang Berhormat itu berbeza di antara kenyataan yang dibuat oleh Ketua Menteri Sabah dengan kenyataan yang dibuat oleh pihak berkuasa keselamatan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata bahawa letupan bom tidak ada unsur tujuan politik daripada siasatan awal pihak Polis. Bolehkah beliau memberitahu Dewan ini daripada siasatan awal Polis atau initial investigation, apa tujuan letupan bom itu, adakah ini semua kejadian perbuatan orang-orang, dengan izin, mad bombers sahaja dan kedua, tadi Yang Berhormat ada kata bahawa kenyataan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang bercanggah dengan kenyataan pihak berkuasa keselamatan oleh kerana itu kenyataan politik sebelum Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah membuat kenyataan itu, adakah beliau merujuk atau membincang perkara itu dengan pihak Polis di Sabah.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya terangkan tadi mengikut Laporan Polis dalam siasatan awal mereka tidak terdapat unsur-unsur politik. Walau bagaimanapun untuk menjawab soalan Yang Berhormat dengan tepat, adakah perkara itu dilakukan oleh orang-orang mad bombers dan sebagainya, saya tidaklah dapat hendak menjawab dengan tepat hanya menyatakan tidak ada unsur-unsur politik dari siasatan

awal. Mungkin kesudahannya terbukti bahawa ada mad bombers dan seterusnya.

Untuk menjawab soalan yang kedua tidak ada perbincangan di antara pihak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dan juga dengan pihak Polis sebelum kenyataan itu dibuat di dalam akhbar. Walau bagaimanapun sepertimana yang saya terangkan tadi dan menegaskan sekali lagi bahawa tidak ada muslihat politik disebalik kenyataan yang di dalam anggapan Yang Berhormat yang bertanya soalan asal tadi itu ada bezanya. Pihak Polis membuat kenyataan berpandukan kepada siasatan awal dan pihak Yang Amat Berhormat membuat kenyataan berpandukan kepada asas pengalaman seorang tokoh politik.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Soalan tambahan. Bolehkan difahamkan bahawa setelah perisytiharan darurat di Kelantan itu tidak menimbulkan sebarang masalah atau pun memusnahkan parti Pembangkang di Kelantan dahulu iaitu PAS. Maka adakah bererti Kerajaan sekarang telah sedar bahawa perisytiharan darurat di Sabah tidak memberi apa-apa kesan baik kepada Kerajaan walaupun kemenangan PBS di Sabah ini benar-benar memeningkan Kerajaan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah jawab tadi Kerajaan sekarang ini tidak berniat untuk mengisytiharkan darurat di negeri Sabah walaupun terdapat beberapa kejadian yang tidak diinginkan. Dan sepertimana saya terangkan juga Kerajaan tidak akan teragak-agak mengisytiharkan darurat sekiranya keadaan ketenteraman awam dan keselamatan negara tidak terkawal di sana. Ini tidak bersangkutan paut dengan pengisytiharan darurat di negeri Kelantan dahulu. Walau bagaimanapun pengisytiharan darurat di negeri Kelantan dahulu. Walau bagaimanapun perisytiharan darurat di

negeri Kelantan telah pun membawa kesan yang amat berguna kepada negara.

RUMAH KOS RENDAH— PEMBINAAN

7. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, di sepanjang tahun 1984 dan sehingga bulan Jun 1985, berapa banyakkah projek-projek rumah kos rendah yang telah dapat dilaksanakan oleh Kerajaan di seluruh negara. Sejauh manakah skim ini telah dapat menyelesaikan masalah tempat tinggal kepada golongan-golongan rakyat yang terlibat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, jumlah rumah kos rendah yang telah dibina oleh Kerajaan di bawah skim perumahan awam kos rendah dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat sehingga 31-12-84 adalah sebanyak 57,090 unit atau 32.4%. Bilangan unit yang disiapkan dalam tahun 1984 sahaja ialah sebanyak 12,588.

Bagi keseluruhan tempoh Rancangan Malaysia Keempat iaitu dari 1981 hingga 1985 setakat 31-3-85 sebanyak 62,223 unit rumah awam kos rendah telah dapat dibina, iaitu merupakan kira-kira 35% daripada jumlah sasaran Rancangan Malaysia Keempat sebanyak 176,500 unit. Sementara itu setakat tahun yang sama sejumlah 18,999 unit atau 11% adalah dalam peringkat binaan bangunan dan sejumlah 75,133 unit lagi atau 43% berada dalam peringkat awal pelaksanaan.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat sahaja sejumlah kira-kira 71,300 unit rumah di bawah program perumahan awam kos rendah dijangka akan dapat dibina menjelang akhir tahun 1985.

Pembinaan rumah-rumah awam kos rendah oleh Kerajaan telah secara langsung membantu golongan rakyat yang berpendapatan rendah yang menikmati kemudahan perumahan yang selesa dengan paras harga jualan yang dikawal oleh Kerajaan. Dalam hal ini Kerajaan akan terus meningkatkan usaha untuk menentukan lebih ramai lagi golongan yang berpendapatan rendah di negara ini dapat menikmati kemudahan perumahan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah beliau sedar bahawa hanya separuh daripada sasaran perumahan kos rendah di bawah Rancangan Malaysia yang Keempat akan dapat siap dibina menjelang penghujung tahun 1985, dan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan lagi pembinaan rumah kos rendah pada jangka pendek untuk memenuhi sasaran Rancangan Malaysia yang Keempat dan juga pada jangka panjang supaya dapatlah menampung keperluan perumahan rakyat yang begitu mendesak?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa dari jumlah sasaran yang telah ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Keempat cuma sebanyak 40% akan dapat disiapkan dalam tempoh tertentu. Ini adalah diakibat oleh beberapa sebab, satu di antaranya ialah kemerosotan ekonomi yang telah menimbulkan masalah kewangan. Ada juga beberapa masalah-masalah yang lain iaitu dari segi tapak yang dikehendaki mengenalpastikan dan juga masalah-masalah yang berkaitan dengan kontraktor-kontraktor yang telah meninggalkan kerja di atas projek-projek.

Walau bagaimanapun suka saya menerangkan bahawa jumlah ini adalah lebih 100% daripada jumlah

unit rumah yang telah kita dapat siapkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Walaupun demikian Kementerian sedang menggubal beberapa strategi-strategi untuk menambahkan pembinaan rumah awam kos rendah dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Kementerian masih membincangkan strategi-strategi untuk jangka masa pendek dan panjang dan di antaranya ialah untuk menambahkan jumlah peruntukan yang akan diberi oleh Kerajaan bagi rumah awam kos rendah dan juga memberi beberapa galakan-galakan kepada pihak sektor swasta.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa projek-projek rumah kos rendah Kerajaan ini yang mana hanya bukan lagi dipanggil rumah kos rendah kerana harganya terlalu tinggi, yang mana harganya di antara \$100-\$120 bayarannya pada tiap-tiap bulan, ini bererti terlalu tinggi kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Jadi apakah langkah-langkah Kementerian supaya Kerajaan dapat benar-benar menolong membantu rakyat yang berpendapatan di antara \$300-\$500 sebulan?

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ramai di antara rakyat tidak boleh membayar bagi rumah-rumah kos rendah yang berharga \$25,000. Tetapi sukalah saya menerangkan bahawa di bawah rancangan awam kos rendah beberapa skim yang telah dibina telah pun dijual kepada rakyat kita dengan harga yang kurang daripada \$25,000 iaitu dari \$18,000 sehingga \$25,000. Walaupun demikian Kementerian kita sedang mengkaji langkah-langkah untuk mengurangkan harga rumah kos rendah. Satu di antaranya ialah untuk membina "core house" atau "shell house" yang berharga kurang dan kemudiannya bolehlah mereka yang berjaya mendapat rumah itu

menambah ruang rumah itu dengan membina bilik tambahan dan sebagainya.

AMANAH SAHAM NASIONAL— PENYERTAAN PELAJAR

8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah perkembangan ASN dalam menggalakkan para pelajar menyertai skim itu, berapa ramaikah setakat ini pelajar-pelajar pengajian tinggi telah menyertai ASN dan berapa banyakkah borang ASN dikirimkan kepada pelajar-pelajar sama ada melalui Unit Pusat Universiti (UPU) atau Unit Hal Ehwal Pelajar di universiti-universiti dan di Institusi berkenaan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penglibatan Amanah Saham Nasional Berhad dalam menarik pelaburan dari golongan pelajar ke dalam skim ASN telah bermula sejak tahun 1983 lagi. Golongan pelajar yang menjadi tumpuan kempen ialah pelajar-pelajar di institusi-institusi pelajaran tinggi, politeknik, maktab-maktab perguruan, pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke luar negeri dan pelajar-pelajar Tingkatan VI di sekolah-sekolah menengah.

Sehingga 31-5-1985 seramai 58,865 orang pelajar telah menyertai skim ASN, ini merupakan penyertaan sebanyak 42.1% daripada 139,781 orang pelajar-pelajar yang layak melabur. Nilai pelaburan terkumpul mereka ialah \$39.5 juta atau pegangan purata sebanyak \$671 setiap orang. Jumlah borang dihantarkan melalui Unit Hal Ehwal Pelajar Universiti adalah berdasarkan jumlah pelajar bumiputera yang ditawarkan tempat pengajian. Setakat ini jumlah borang-borang yang dihantarkan melalui Unit

Pusat Universiti (UPU) dan melalui Unit Hal Ehwal Pelajar Universiti ialah seperti berikut:

<i>ITM</i>	<i>UTM</i>	<i>UPM</i>	<i>USM</i>
3,000	2,000	1,000	800
borang	borang	borang	borang

Datin Paduka Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Kerajaan bercadang hendak mewajibkan pemegang-pemegang biasiswa Kerajaan dan badan-badan berkanun Kerajaan melabur dalam ASN?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada cadangan hendak mewajibkan berbuat demikian kerana kita takut juga nanti dia minta banyak lagi biasiswa.

KAPAL SELAM—PEMBINAAN DI LABUAN

9. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan Negeri Berjaya yang dahulu di Sabah telah berunding dengan Kerajaan Persekutuan mengenai pembinaan kapal-kapal selam oleh Syarikat Sabah Shipyard di Labuan; sama ada Kerajaan Persekutuan juga membiayai projek tersebut dan setakat mana; nyatakan sama ada negara-negara lain juga menyertai projek tersebut dan nyatakan nama-nama negara-negara tersebut dan namakan negara-negara yang telah pun memeterai perjanjian untuk membeli kapal-kapal selam yang bakal dibina itu; sama ada kita mempunyai kepakaran untuk membina kapal-kapal selam dan jika tidak, daripada manakah pakar-pakar digaji untuk projek tersebut dan sama ada projek tersebut akan membahayakan dasar pengecualian negara kita, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengkaji semula projek tersebut.

16-7-85

39. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pertahanan menyatakan butir lengkap bagi projek kapal selam dan kereta perisai di Limbungan Kapal Sabah Sdn. Bhd. Apakah peranan Kerajaan Persekutuan di dalam perkara ini. Sejak bilakah rancangan ini dibuat. Memandangkan bahawa projek ini akan mempunyai pengaruh yang meluas ke atas dasar berkecuali Malaysia, adakah projek ini akan menjejaskan dasar ini dan bahawasanya Kerajaan Pusat dilaporkan bersedia untuk mencapai tempat lain yang sesuai bagi meneruskan projek ini, bukannya ini memberi implikasi bahawa Kerajaan Pusat sememangnya sedar tentang projek ini dan berhasrat untuk mengadakan projek tersebut. Adakah Kerajaan Negeri yang lain yang sedang menjalankan projek-projek serupa dengan rahsianya tanpa pengetahuan Dewan Undangan Negeri mahupun Parlimen. Berapakah jumlah wang yang telah dilaburkan ke dalam projek ini, iaitu termasuk jumlah "beratus-ratus ribu ringgit" yang telah digunakan untuk mengkaji kesesuaian projek tersebut.

19-7-85

42. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pertahanan memberi butir-butir lanjut mengenai rancangan asal untuk membina sebuah limbungan pembinaan kapal selam di Labuan dan nyatakan sama ada satu pengkajian kemungkinan telah dijelaskan sebelum itu dan sama ada Kabinet Persekutuan bersetuju dengan cadangan projek tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 16-7-85 dan Ahli

Yang Berhormat dari Bandar Kuching pada 19-7-85 kerana ketiga-tiga soalan ini adalah mengenai perkara yang sama

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, cadangan membina kapal selam oleh Syarikat Sabah Shipyard di Labuan adalah untuk tujuan perniagaan, dengan izin, purely a commercial venture dan tidak ada kena-mengena dengan Kerajaan Persekutuan atau Kementerian Pertahanan. Oleh itu soalan mengenai pembinaan kapal selam di Labuan adalah tidak berkaitan langsung dengan Kementerian Pertahanan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya anggap jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai "passing the buck" dan saya ingin tahu daripada Yang Berhormat apakah kuasa telah diberikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam perkara licencing kepada sesiapa peniaga yang mahu membuat dan mengeluarkan senjatapi.

Yang kedua, oleh kerana jikalau kita membuat, mengeluarkan senjatapi, kita akan menjual dan memasarkan senjatapi itu kepada negara lain dan menggalakkan peperangan antarabangsa dan menjadi "a component" kepada satu "world of conflict", dengan izin. Oleh yang demikian, adakah Kerajaan sebagai "matter of policy" bertujuan untuk mengelakkan pengeluaran pembuatan semua jenis senjatapi sebagai satu langkah untuk menghormati prinsip ZOPFAN, iaitu Zone of Peace, Freedom and Neutrality? Terima kasih.

Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya Kementerian Pertahanan tidak mempunyai kuasa untuk

mengeluarkan lesen kepada sesiapa hendak berniaga ataupun hendak membuat senjata.

Kedua, oleh kerana resources negara ini terhad, kita tidak mempunyai keupayaan untuk membuat semua alat-alat pertahanan di negara kita ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kenapa Kementerian Pertahanan merahsiakan perkara ini? Kenapa dalam reaction yang pertama apabila perkara pembinaan kapal-kapal selam dibuat oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, reaction ialah bahawa Kementerian Pertahanan tidak tahu langsung mengenai perkara ini tetapi kemudiannya Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri kata bahawa beliau ada dihubungi. Bolehkah beliau kata adakah baru satu, dua, tiga orang dalam Kementerian Pertahanan sahaja tahu dalam masalah ini?

Kedua, bukankah pembinaan kapal-kapal selam ini ada bersangkutan-paut dengan masalah pertahanan oleh kerana negara Perancis, negara Amerika Syarikat pun ada terlibat dan adakah ini ada apa-apa perhubungan dengan usaha untuk menjadikan Pulau Keraman di Labuan sebagai satu station bunkering, sebagai satu pelan apabila Americano di Subic Bay di Filipina paksa undur diri boleh digantikan?

Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Pertama, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan tidak bercadang untuk merahsiakan berkenaan dengan projek submarine itu, hanya pada ketika itu pemberita-pemberita hanya berhubung dengan seorang Pegawai Perhubungan Raya di Kementerian yang mana tidak tahu berkenaan dengan projek ini. Sebenarnya saya ketika itu tidak ada di Kuala Lumpur.

Kedua, berkenaan dengan Labuan menjadi satu bunkering station untuk kapal-kapal navy dari Amerika itu tidak timbul sekali.

KURSUS MATRIKULASI/ASASI SAINS DI UNIVERSITI KEBANGSAAN/UNIVERSITI MALAYA

10. Tuan Khadir bin Sabran minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya tidak memberi peluang kepada pelajar-pelajar dari jurusan Sains Sosial yang mempunyai kelulusan baik di peringkat SPM dalam mata pelajaran Matematik, Matematik Tambahan, Prinsip Akaun, Perdagangan dan Ilmu Alam untuk memasuki Kursus Matrikulasi dan Asasi Sains dengan tujuan untuk melanjutkan pengajian dalam Fakulti-fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Ekonomi, Perakaunan dan Ekonomi dan Pentadbiran. Sebaliknya UKM dan UM hanya memberi peluang kepada pelajar-pelajar dari aliran Sains Tulin sahaja untuk memasuki kursus tersebut. Pada hal universiti-universiti di sebarang laut telah lama mengambil pelajar-pelajar dari jurusan sains sosial ini kerana asas dan kombinasi mata pelajaran mereka lebih sesuai untuk mengikuti pengajian di fakulti-fakulti tersebut. Jika sedar tentang perkara ini adakah syarat-syarat dan dasar ini akan diubah segera, jika tidak mengapa.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan, diadakan Kursus Matrikulasi dan Asasi Sains di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia ialah untuk menampung kekurangan calon-calon bumiputera dalam aliran sains di peringkat STPM bagi mengikuti kursus-kursus di Fakulti Sains, Kejuruteraan dan Perubatan. Oleh sebab itulah hanya pelajar-pelajar

daripada aliran Sains Tulin sahaja diambil untuk mengikuti kelas Matrikulasi dan Asasi di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna pelajar aliran Sains Sosial di peringkat SPM, tidak berpeluang langsung untuk memasuki Kelas Matrikulasi. Universiti-universiti lain seperti UUM, UIA dan UTM sendiri menyediakan Kelas Matrikulasi bagi pelajar daripada aliran Sains Sosial untuk membolehkan mereka mengikuti kursus-kursus Ijazah Pertama dalam bidang perakaunan, perusahaan perniagaan, Ekonomi dan Pentadbiran Awam serta kursus Undang-undang.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar atau tidak bahawa terdapat ramai juga pelajar-pelajar yang mengambil kombinasi matapelajaran Matematik dan Ekonomi bersama-sama dengan dua matapelajaran Sastera yang lain yang tidak dapat diterima masuk ke mana-mana universiti dan di samping itu terdapat juga pelajar-pelajar yang mengambil kombinasi Matematik dan Ekonomi bersama-sama dengan matapelajaran-matapelajaran Sains yang lain, iaitu Fizik dan Kimia tidak dapat diterima masuk? Sekiranya ini telah berlaku, saya ingin tahu sama ada Kerajaan akan mengubahkan garis panduan untuk kemasukan ke universiti supaya pelajar-pelajar ini tidaklah mengambil kombinasi kursus yang tidak diiktirafkan oleh pihak universiti-universiti yang berkenaan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memang ada pemohon-pemohon untuk masuk universiti yang mempunyai kombinasi yang telah disebutkan. Namun demikian, kita mempunyai rancangan iaitu kalau kita fikirkan bahawa pelajar-pelajar itu mempunyai apa

yang diperolehi mereka itu tidak bersesuaian dengan kehendak universiti dan juga dari segi jangka panjang dianggap sebagai satu perkara yang tidak akan menambahkan keuntungan sama ada bagi dia sendiri ataupun negara keseluruhannya maka kita terpaksa memikirkan dua kali untuk mengambil mereka.

Yang kedua ialah sebagaimana kita sedia maklum sekarang kita memastikan supaya penempatan pelajar-pelajar itu dapat disesuaikan dengan apa yang diperlukan oleh universiti kerana pertamanya ialah kita kekurangan tempat dan dalam membolehkan mereka untuk mendapat tempat kita terpaksa mengambil kira semua aspek, termasuklah aspek-aspek kombinasi matapelajaran dan sebagainya.

FIVE-POWER DEFENCE PACT— KEDUDUKAN

11. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengenai dengan kedudukan "the 5-power defence pact" di antara Britain, Australia, New Zealand, Malaysia dan Singapura memandangkan ada perselisihan faham di antara USA dan New Zealand baru-baru ini di mana USA tidak mahu memberi rahsia (share intelligence) kepada New Zealand. Adakah benar bahawa Britain telah menyebelahi USA dalam perkara ini dan jika ya, adakah kerjasama Britain dan New Zealand dalam "5-power defence pact" ini terjejas. Jika ya, apakah implikasi ini terhadap pertahanan dan keselamatan negara kita dan rantau ASEAN.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, perselisihan faham antara New Zealand dengan Amerika Syarikat adalah dalam konteks pakatan ANZUS. Di sini haruslah saya jelaskan bahawa tidak ada kaitan di antara pakatan ANZUS dengan Rancangan

Pertahanan Lima Negara yang mana New Zealand adalah salah satu ahlinya. Oleh yang demikian perselisihan faham di antara New Zealand dan Amerika Syarikat tidak akan menjejaskan tanggungjawab New Zealand terhadap Pertahanan Lima Negara, malah Perdana Menteri New Zealand sendiri, Encik David Lange telah memberi jaminan ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

IMPORT SUSU DAN DAGING

12. Tuan Haji Seroji bin Haji Harun minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa aliran wang negara kita di bidang mengimport susu dan daging berjumlah berjuta-juta ringgit setahun; berapakah kadar sebenar bagi tahun 1982 sehingga 1984; dan apakah usaha yang bersungguh bagi mengurangkan pengimportan susu dan daging di samping menggalakkan penggunaan hasil tempatan dan memberi pekerjaan tambahan kepada rakyat kita.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, nilai import daging dan bahan-bahannya sejumlah \$198.3 juta pada tahun 1982, \$193.2 juta pada tahun 1983 dan dianggarkan sebanyak \$210.5 juta pada tahun 1984.

Nilai import susu dan bahan-bahan susu ialah \$321.5 juta pada tahun 1982, \$340.0 juta pada tahun 1983 dan dianggarkan sebanyak \$303.2 juta pada tahun 1984.

Untuk menambahkan pengeluaran daging lembu, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan sedang berusaha memperkembangkan penternakan lembu secara sistem "feedlot".

Peningkatan pengeluaran susu tempatan terhad kepada pengeluaran susu segar melalui perkembangan program tenusu di kalangan

penternak. Di bawah program ini penternak digalakkan memelihara lembu kacukan tenusu yang lebih berproduktif dan di dalam bilangan unit yang lebih besar serta bercorak commercial. Segala perkhidmatan teknikal untuk memodenkan sistem penternakan disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

MAGNUM—JUMLAH CABUTAN EMPAT NOMBOR EKOR

13. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Kewangan menyatakan jenis-jenis kriteria yang digunakan ketika meluluskan permohonan MAGNUM untuk menambahkan jumlah cabutan empat nombor ekor dari 2 kali kepada 3 kali seminggu

22-7-85

18. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan membetulkan cabutan tambahan kepada tiga (4 ekor) kerana ianya hanya akan menguntungkan Magnum Corporation sementara menyebabkan kesusahan kepada orang ramai terutama sekali dalam masa kemelesetan ekonomi kita; dan nyatakan justifikasi untuk meluluskan cabutan tambahan meningkat kepada 4 ekor.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, dua soalan yang sama tujuannya telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Tan Kok Hooi dan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang. Dengan itu, saya mohon menjawab kedua-dua soalan tersebut sekali gus.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa memang terdapat tambahan sebanyak 29 cabutan setahun apabila Kerajaan

membenarkan Magnum Corporation Berhad menjalankan cabutan sendiri pada tiap-tiap hari Khamis, Sabtu dan Ahad bagi menggantikan 2 cabutan seminggu berdasarkan cabutan, dengan izin, Unlimited Sweep Kelab-kelab Lumba Kuda, 19 cabutan Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan dan 4 cabutan istimewa lain. Kelulusan menjalankan cabutan sendiri diberi adalah antara lain kerana bagi mengelakkan berlakunya kesulitan kepada orang ramai yang membeli Nombor Empat Ekor apabila cabutan yang dijalankan oleh Kelab-kelab Lumba Kuda dibatalkan dengan tiba-tiba atau notis yang pendek dan juga cabutan sendiri 3 kali seminggu memberi lebih peluang kepada orang ramai untuk cuba membeli nombor pilihan mereka apabila gagal untuk membelinya pada satu-satu cabutan. Ini, Tuan Yang di-Pertua, akar mengelakkan mereka membeli Empat Nombor haram. Dengan ini kegiatan Empat Ekor haram dapat dikurangkan.

Juga, Tuan Yang di-Pertua, cabutan sendiri Magnum Corporation Berhad terbuka kepada orang ramai, tidak seperti cabutan yang dijalankan oleh Kelab-kelab Lumba Kuda yang dijalankan dan disaksikan oleh ahli-ahli kelab sahaja. Cabutan sendiri Magnum Berhad dibuat di hadapan orang ramai. Kerajaan sedang mengkaji implikasi cabutan sendiri Magnum Corporation Berhad terhadap ekonomi rakyat dan tindakan yang sewajarnya akan diambil dari semasa ke semasa.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa perniagaan Empat Nombor Ekor ini lebih banyak merugikan rakyat dan negara kalau kita bandingkan dengan keuntungan yang akan didapati oleh negara dan

rakyat kita. Di dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang ini, apakah Kerajaan bercadang mengurangkan lagi (bukan menambah), tetapi mengurangkan penjualan nombor ekor dan kalau boleh menutupkan terus perniagaan ini kerana ini akan menjejaskan ekonomi negara kita.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya pun telah sebutkan dan menerangkan ada masalah yang dihadapi oleh Kerajaan berkenaan dengan sindiket-sindiket yang mengadakan Empat Nombor Ekor haram dan ini dikurangkan dan sudahpun dikawal apabila kita mengadakan lesen untuk operator-operator yang berlesen. Pada pendapat saya sendiri dan juga pihak Kerajaan, jikalau kita tutup semua agensi-agensi Empat Nombor Ekor, mesti ada sebilangan rakyat, kalau tidak ada agensi yang berlesen, barangkali mereka cari cara lain untuk main judi.

DASAR PENGAMBILAN PEKERJA ASING

14. Dato Mohamed bin Rahmat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah dasar pengambilan pekerja asing seperti yang ada sekarang ini akan dikaji semula menimbangkan ribuan pekerja-pekerja tempatan dibuang kerja akibat kemelesetan ekonomi yang melanda negara sekarang ini dan puluhan ribu pekerja Malaysia yang bekerja di Singapura akan kehilangan kerja dan akan memerlukan pekerjaan di sini akibat keputusan Kerajaan Singapura menghantar balik pekerja-pekerja itu.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bersetuju pada dasarnya untuk mengambil buruh dari beberapa negara asing bagi bekerja dalam industri perladangan dan pembinaan dengan tujuan mengurangkan masalah kekurangan tenaga buruh di negara ini. Bagi

menemui matlamat ini, Kerajaan telah mengadakan Perjanjian Buruh dengan Indonesia sebagai permulaan. Perjanjian Buruh yang ditandatangani di antara Malaysia dan Indonesia pada bulan Mei, 1984 membolehkan buruh-buruh Indonesia dibawa masuk ke negara ini hanya di atas permintaan dari Malaysia. Permintaan ini adalah bergantung kepada permohonan yang dikemukakan oleh majikan-majikan berkenaan.

Buruh-buruh dari Indonesia hanya dibawa masuk mengikut perjanjian ini semata-mata bagi mengisi kekurangan tenaga buruh dalam industri perladangan dan pembinaan. Kemasukan mereka bukanlah untuk mengambil tempat atau menggantikan buruh tempatan yang sedia ada dan juga bukannya untuk merampaskan peluang pekerjaan buruh-buruh tempatan di negara ini. Oleh yang demikian, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula dasar pengambilan buruh asing yang diamalkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 45 adalah diberi di bawah ini).

JALANRAYA YANG DIBINA— KAJIAN PEMBINAAN

15. Tuan Ibrahim Azmi Hassan minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) mengapakah jalanraya-jalanraya yang dibina di zaman ini tidak begitu kukuh seperti jalanraya-jalanraya yang dibina pada zaman-zaman yang silam seperti zaman penjajah dulu, contohnya ada di antara jalanraya yang dibina di zaman penjajah dahulu di Malaysia ini masih elok dan boleh dipakai dibina di zaman ini sentiasa pecah-pecah dan diperbaiki;

(b) adakah kajian-kajian baru dijalankan supaya jalanraya yang dibina di zaman ini tahan dan kukuh seperti binaan-binaan jalanraya yang dulu kala juga; dan

(c) berapakah anggaran peruntukan memperbaiki jalanraya yang rosak dalam setahun tidak termasuk binaan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):

- (a) Adalah tidak tepat menyatakan bahawa jalanraya-jalanraya yang dibina di zaman ini tidak begitu kukuh seperti yang dibina pada zaman silam. Adalah juga tidak tepat jika dinyatakan bahawa jalanraya-jalanraya yang dibina masa zaman penjajah dahulu tidak mengalami kerosakan. Kerosakan-kerosakan juga telah berlaku ke atas jalanraya-jalanraya itu, dan berada seperti keadaannya sekarang hasil daripada penyelenggaraan dan pembaikan yang sentiasa dilakukan ke atas jalanraya-jalanraya itu daripada zaman silam sehinggalah ke sekarang. Di samping itu kebanyakan aliran-aliran yang lebih lurus dan sesuai. Oleh kerana tindakan-tindakan yang diambil itu ke atas jalanraya-jalanraya tersebut, maka keadaan jalanraya-jalanraya itu sekarang telah menjadi lebih stabil, dan tidak mengalami kerosakan yang kerap seperti di masa awal-awal jalanraya-jalanraya tersebut dibina.

Di antara sebab-sebab mengapa jalanraya yang baru dibina sekarang mengalami kerosakan ialah kerana jalanraya-jalanraya itu masih belum stabil, dan juga jalanraya-jalanraya itu, sesudah sahaja dibuka, telah digunakan serta-merta oleh banyak

kenderaan-kenderaan, termasuk kenderaan-kenderaan berat dan juga kenderaan-kenderaan yang berlebihan muatan. Adalah diharapkan bahawa dengan penyelenggaraan dan pembaikan yang lebih teliti dan kerap dilakukan ke atas kerosakan-kerosakan tersebut, maka jalanraya-jalanraya itu akan menjadi lebih stabil, di mana kerosakan akan dapat dikurangkan pada masa-masa hadapan.

Saya yakin, oleh kerana jalanraya-jalanraya yang dibina sekarang telah/akan dibina dengan taraf yang lebih tinggi dan juga menggunakan teknologi baru, masalah kerosakan dan tidak kesetabilan yang terdapat sekarang akan dapat diatasi.

- (b) Kajian-kajian baru memang telah diadakan pada masa sekarang, yang mana tidak dilakukan pada zaman silam. Berasaskan kepada matlamat-matlamat hasil daripada kajian-kajian baru ini, maka rekabentuk-rekabentuk jalanraya-jalanraya sekarang adalah lebih kukuh, sempurna dan selamat jika dibandingkan dengan rekabentuk jalan pada masa dahulu.

Sukalah saya menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jika cara rekabentuk zaman dahulu digunakan untuk membuat jalanraya-jalanraya pada masa sekarang, nescaya jalanraya-jalanraya itu tidak akan tahan dan mungkin akan rosak dalam masa yang lebih singkat dari apa yang terdapat di setengah-setengah jalanraya yang telah dibina pada masa sekarang.

- (c) Anggaran peruntukan membaiki jalanraya yang rosak ialah antara \$300,000 hingga \$500,000 se kilometer.

SEKATAN JALANRAYA MENCEGAH PENYELUDUPAN JENAYAH

16. Tuan Mamat Ghazali bin Abd. Rahman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyak sekatan jalanraya dibuat dalam setahun; apa tujuan-tujuan dan hasil-hasilnya. Setakat mana sekatan jalanraya dapat mencegah penyeludupan dan jenayah-jenayah utama.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Sekatan jalanraya sentiasa diadakan dari masa ke semasa bergantung kepada keadaan dan keperluan dalam memelihara ketenteraman orang ramai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata sekatan jalanraya yang diadakan di seluruh negara pada tahun-tahun kebelakangan ini berjumlah kira-kira 1,400 kali.

Di antara tujuan Jabatan Polis mengadakan sekatan jalanraya tersebut ialah untuk mencegah jenayah, penyeludupan dan mengurangkan kemalangan jalanraya serta mempunyai tujuan-tujuan yang khusus seperti berlakunya pesalah-pesalah lari tahanan dan penjara.

Berikutan dari sekatan jalanraya yang diadakan itu, secara keseluruhannya telah mendatangkan hasil yang memuaskan dalam usaha memelihara keamanan dan ketenteraman orang ramai. Sekatan jalanraya tersebut telah memberi kesedaran kepada orang ramai supaya sentiasa mematuhi undang-undang dan dapat mengurangkan perbuatan jenayah serta penyeludupan dari berterusan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Ops Roca umpamanya sebanyak 3,965 buah

motosikal/skuter telah dapat dirampas kembali oleh polis dari tahun 1981 hingga Jun 1984.

PENSWASTAAN—PELAKSANAAN DASAR

17. Dr George Chan Hong Nam minta Perdana Menteri menyatakan sejak dasar penswastaaan dilaksanakan apakah jenis-jenis kerja atau perkhidmatan yang telah diswastakan ataupun agensi-agensi Kerajaan yang diswastakan dan berikutan dasar tersebut, sebutkan kategori dan bilangan pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai yang telah dipindahkan dari sektor awam ke sektor swasta.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Pada masa ini belum ada perkhidmatan atau agensi Kerajaan yang diswastakan mengikut konsep penswastaaan. Walaupun begitu 2 projek penswastaaan adalah dalam timbangan tetapi belum sampai ke peringkat menyerahkan projek itu kepada pihak swasta untuk mengambil alih pengendalian projek itu kerana ada beberapa perkara yang belum selesai. Projek-projek itu adalah penswastaaan terminal kontena Pelabuhan Kelang dan penswastaaan Jabatan Talikom Malaysia.

(Soalan No. 18. Sila lihat Jawapan No. 2)

KEMENTERIAN HAL EHWAL AGAMA—PENUBUHAN

19. Tuan Baharom bin Haji Bakar minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menubuhkan sebuah Kementerian Khas yang menjalankan Hal Ehwal Agama Islam di Malaysia. Ini adalah kerana sekarang cuma terdapat satu bahagian sahaja iaitu Bahagian Agama di bawah Jabatan Perdana Menteri yang mengendalikan hal-hal tersebut sedangkan Agama Islam adalah Agama Rasmi Negara

dan bersesuaian dengan cita-cita Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohammad Nor): Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Kementerian khas untuk mengendalikan urusan hal ehwal agama Islam. Walaupun Islam adalah agama Negara urusan mengenai hal ehwal agama Islam adalah terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan-Kerajaan negeri.

INDUSTRI GETAH BAGI LADANG- LADANG KECIL

20. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah langkah-langkah diambil dan apakah insentif-insentif akan diberi kepada ladang-ladang getah kecil (small holders) supaya negara kita dapat menegaskan status kita dalam perindustrian getah. Juga apakah tindakan-tindakan pihak Kementerian akan ambil untuk mengatasi kekurangan pekerja-pekerja ladang-ladang getah.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Untuk makluman Dewan dan Yang Berhormat, langkah-langkah serta insentif-insentif yang diberi kepada pekebun-pekebun kecil sebagai tanggungjawab Kerajaan untuk menentukan status kita dalam perindustrian getah buat masa ini adalah seperti berikut:

- (i) memberi galakan dan insentif kepada pekebun kecil supaya menanam semula getah di mana sesuai melalui Skim Penggalak Tanaman Semula (SEPENTAS). Di bawah skim ini pekebun-pekebun kecil diberi elaun sara hidup sementara menunggu kebun

masing-masing berhasil, di samping pemberian geran untuk tanaman semula.

- (ii) memberi peruntukan tambahan kepada Tabung Wang Ses untuk menampung kekurangan Tabung tersebut dalam melaksanakan program penanaman semula getah.
- (iii) memberi subsidi berupa input-input pertanian seperti baja kepada pekebun-pekebun kecil yang ingin menanam semula kebun masing-masing.
- (iv) memberi kemudahan-kemudahan pengurusan dengan percuma sekiranya pekebun-pekebun kecil ingin membangunkan tanah masing-masing secara berkelompok atau mini estet.
- (v) melaksanakan program pembelian getah dari pekebun kecil untuk menentukan harga di peringkat ladang (farm gate price) adalah memuaskan.

Mengenai langkah-langkah untuk mengatasi masalah pekerja ladang, masalah ini sebenarnya lebih dialami oleh sektor swasta. Agensi-agensi di bawah Kementerian ini tidak banyak mengalami masalah ini kerana pemilik-pemilik tanah itu sendiri adalah digalakkan untuk melibatkan diri dalam pembangunan tanah masing-masing.

PEDAGANG KE CHINA— MELONGGARKAN SEKATAN

21. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau bercadang melonggarkan sekatan-sekatan terhadap pedagang-pedagang yang sebenarnya untuk pergi ke Negeri China berdagang agar memberi faedah kepada ekonomi negara kita.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Oo Gin Sun):

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat telah pun bersetuju untuk melonggarkan sekatan-sekatan ke atas pengusaha-pengusaha atau pedagang-pedagang Malaysia yang ingin melawat negeri China bagi maksud kegiatan-kegiatan perdagangan dan ekonomi.

Kategori-kategori mereka yang dibenarkan membuat lawatan-lawatan perdagangan dan ekonomi adalah seperti berikut:

- (1) delegasi-delegasi yang diketuai oleh mana-mana agensi Kerajaan Persekutuan.
- (2) semua syarikat perdagangan yang diluluskan oleh Kerajaan (approved trading companies) untuk menyertai perdagangan dua hala dengan kebenaran Kerajaan;
- (3) delegasi-delegasi ke pesta perdagangan di RRC yang diketuai oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian;
- (4) syarikat-syarikat yang terlibat dalam mengeksport bahan-bahan utama dan barangan buatan Malaysia; dan
- (5) warganegara Malaysia yang berkhidmat dengan syarikat-syarikat asing mengikut sesuatu kes.

Tiap-tiap permohonan mereka akan ditimbang dengan teliti untuk menentukan bahawa lawatan-lawatan mereka itu akan menguntungkan negara.

DOKTOR SWASTA MENJUAL UBAT YANG TERLARANG

22. Tuan Omar bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa ramai doktor-doktor swasta telah dikenakan tindakan kerana menjual atau menggunakan ubat-ubat yang

terlarang atau terkawal penggunaannya, bagaimanakah sistem kawalan yang digunakan oleh Kementerian sekarang dan adakah sistem ini dapat dikuatkuasakan sepenuhnya.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Undang-undang yang mengawal pengimpotan, pegekspotan, pembuatan, penyimpanan, penjualan, pembekalan, pengangkutan, penggunaan, penyimpanan rekod dan pengiklanan ubat adalah:

Akta Dadah berbahaya 1952;

Ordinan Racun 1952;

Ordinan Jualan Makanan & Dadah 1952; dan

Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956.

Sistem Kawalan yang dijalankan oleh Kementerian adalah sepertimana yang ditetapkan oleh undang-undang tersebut. Sebuah pasukan kawalan telah juga diwujudkan di bawah Bahagian Farmasi untuk menjalankan kawalan dan penyiasatan. Pegawai-pegawainya adalah ditempatkan di beberapa negeri.

57 klinik pengamal perubatan swasta, setelah diperiksa, telah didapati tidak menyimpan rekod-rekod pembekalan dan penjualan sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang. Pengamal-pengamal perubatan ini telah diberi surat-surat amaran.

INDUSTRI GAS CECAIR

23. Tuan Ling Sie Ming minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah akan dijalankan oleh Kerajaan untuk meningkatkan industri gas cecair untuk menggantikan industri minyak petroleum dan untuk kegunaan perdagangan.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sumber gas asli sekarang ini terdapat di luar pantai empat kawasan di Malaysia, iaitu di luar pantai Paka-Kerteh-Telok Kalong di Terengganu. Selain dari digunakan untuk menjana tenaga elektrik di kawasan-kawasan tersebut, gas yang terdapat di tempat-tempat tersebut pada masa ini juga digunakan sebagai bahan bakar dan bahan asas dalam pengeluaran besi, metanol dan gas asli cecair yang kemudiannya dieksport. Dengan bermulanya operasi loji baja ASEAN Bintulu Fertilizer (ABF) di Bintulu pada penghujung tahun ini, gas asli juga akan digunakan dalam pengeluaran ammonia dan urea.

Di Semenanjung Malaysia, PETRONAS merancang untuk membekalkan gas ke kawasan-kawasan berhampiran Johor Bahru, Port Dickson dan Port Kelang menjelang tahun 1989, dengan menyiapkan saluran paip gas menyeberangi Semenanjung. Stesen-stesen janakuasa di Pasir Gudang, Port Dickson dan Port Kelang akan bertukar menggunakan gas, dengan ini menggantikan penggunaan minyak. Selain dari penukaran dari penggunaan minyak ke gas dalam penjanaan kuasa elektrik, industri-industri yang banyak menggunakan tenaga seperti industri-industri simen, tembikar, penapisan minyak sawit dan projek-projek lain di mana haba wap ("steam") diperlukan juga akan digalakkan untuk menukar dari menggunakan minyak kepada gas.

Dalam sektor perumahan, PETRONAS sedang menggalakkan penggunaan gas asli dan gas petroleum cecair (GPC) untuk kegunaan memasak dan lain-lain kegunaan di rumah. Satu sistem retikulasi gas asli telah pun disiapkan di bandar baru Paka dan Kawasan Perumahan PETRONAS yang berhampiran untuk membolehkan gas disalurkan ke tempat-tempat tersebut. Di Pasir

Gudang satu sistem retikulasi gas petroleum cecair telah pun siap dan beroperasi. Sistem-sistem retikulasi GPC juga sedang dipasangkan di beberapa projek-projek perumahan yang pada masa ini masih dalam peringkat pembinaan di dalam dan sekitar Kuala Lumpur dan Tampoi, Johor. Apabila siap kelak penduduk-penduduk di kawasan-kawasan tersebut akan menikmati penyaluran gas petroleum cecair terus ke rumah-rumah mereka.

Dalam sektor komersial, PETRONAS menawarkan pembekalan secara pukal gas petroleum cecair kepada pelanggan-pelanggannya. Satu contoh di mana PETRONAS membekalkan gas petroleum cecair pukal kepada pelanggannya ialah kilang PROTON.

Dalam sektor pengangkutan, PETRONAS dan syarikat-syarikat minyak yang lain-lain, dengan sokongan dari Kerajaan, sedang menggalakkan para pemandu untuk bertukar kepada gas petroleum cecair dari penggunaan minyak petrol/disel.

BELI BARANGAN BUATAN MALAYSIA—KEMPEN

24. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia yang dianjurkan oleh pihak Kementerian mendapat sambutan dari rakyat.

Datuk Oo Gin Sun: Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia dilancarkan dengan tujuan menyedarkan dan menarik perhatian pengguna-pengguna sama ada orang persendirian, atau pengguna industri kepada wujudnya barang-barang dan perkhidmatan yang dibuat atau dibekal oleh pengeluar/pembekal dalam negeri. Ia juga bertujuan menyedar

dan menggalakkan pengusaha atau pekilang-pekilang tempatan supaya meningkatkan mutu keluaran masing-masing dan menjualnya dengan harga yang berpatutan.

Untuk mencapai objektif ini, beberapa aktiviti telah disusun dan dijalankan, seperti aktiviti-aktiviti penerangan, publisiti, pameran, pendidikan dan peningkatan mutu. Kesemua aktiviti itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Melalui aktiviti seranta yang dijalankan menerusi media massa kita telah disedarkan tentang kempen ini, seperti yang dapat dilihat daripada laporan-laporan berita, rencana-rencana khas dalam akhbar. Kementerian saya juga menerima maklumbalas berupa pandangan, ulasan dan cadangan dari pelbagai pihak tentang kempen ini dan bagaimana mereka dapat memberi sumbangan menjayakan kempen ini.

Pekilang-pekilang tempatan juga telah memberikan sambutan positif kepada seruan supaya meningkatkan mutu keluaran masing-masing. Suatu usaha ke arah menggalakkan pekilang-pekilang tempatan meningkatkan mutu barangan dan menggunakan bahan dan teknologi tempatan berupa pertandingan untuk merebut "Anugerah Barangan Cemerlang" mendapat sambutan dan penyertaan yang baik daripada pihak pekilang. Sementara itu, pasaraya-pasaraya atau "supermarket" di seluruh negara mengadakan promosi dan pameran barangan buatan Malaysia.

Manakala dari segi pendidikan pula yakni membentuk nilai-nilai kepenggunaan dan semangat kebanggaan terhadap nilai barangan tempatan, usaha-usaha ditumpukan kepada penuntut-penuntut sekolah. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti pertandingan melukis poster, mengarang essei dan syarahan telah

membangkitkan kesedaran para penuntut sekolah mengenai Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia ini.

Oleh yang demikian, setakat ini saya berpuashati bahawa berdasarkan "response" yang kita terima, objektif kita menimbulkan kesedaran tentang perlunya membeli barangan buatan Malaysia tercapai.

(Soalan No. 25. Sila lihat Jawapan No. 2)

SISTEM JALAN BESAR PERTAMA SARAWAK

26. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kerjaraya memberi butir-butir lanjut berhubung dengan kerja-kerja "sealing" dan mentar sistem Jalan Besar Pertama Sarawak yang bermula dari Bahagian Satu ke Bahagian Kelima, Sarawak, dan beri tarikh sasaran bagi penyiap seluruh projek tersebut.

Dato' S. Samy Vellu: Kerajaan memang telah memberi keutamaan bagi rancangan untuk membaiki dan membuat kerja-kerja "sealing" dan mentar sistem jalan raya utama Sarawak yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kelima-lima bahagian jalan raya utama itu adalah meliputi jalan-jalan raya berikut:

1. Jalan Raya Miri/Bintulu (220 km).
2. Jalan Raya Sibu/Ulu Batang/Mukah/Bintulu (219 km).
3. Jalan Raya Kuching/Sibu 478 km).
4. Jalan Raya Kuching/Batu Kawa/Bau/Lundu (103 km).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan sebanyak \$666 juta telah pun dipohon bagi Rancangan Malaysia Kelima untuk kerja-kerja itu, di mana permohonan itu sekarang adalah dalam pertimbangan oleh Kerajaan Pusat.

Oleh kerana peruntukan-peruntukan untuk Rancangan Malaysia Kelima masih belum diluluskan oleh Parlimen, maka tarikh bagi penyiapan seluruh Rancangan tersebut tidak dapat ditentukan sekarang oleh kerana tarikh itu adalah bergantung kepada jumlah peruntukan yang akan diluluskan.

SISTEM KEJARA—PELAKSANAAN

27. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kesan Sistem Kejara yang dilaksanakan sehingga hari ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Pertanyaan yang serupa telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 10hb April, 1985.

Sebagai tambahan, suka saya menerangkan di sini bahawa sejumlah 53 surat notis telah dihantar kepada mereka yang telah memperolehi 20 mata kesalahan atau lebih meminta mereka memberikan sebab-sebab secara bertulis kenapa lesen memandu mereka tidak perlu digantung sehingga 3 bulan. Sejumlah 17 jawapan telah diterima dan jawapan-jawapan lain masih ditunggu.

KONSEP KAMPUNG TERSUSUN

28. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa baru-baru ini Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) telah menyatakan akan memperkenalkan konsep "Kampung Tersusun" bagi menggantikan projek "In-Situ", yang diperkenalkan beberapa tahun lalu.

Jika sedar, adakah beliau bercadang supaya sebuah kampung yang diberi nama Kampung Jelapang, dalam Daerah Larut dan Matang dalam Negeri Perak, yang luasnya lebih kurang 200 ekar dan telah diterokai oleh lebih 100 keluarga Bumiputera, yang mana tanah ini telah diresab oleh Kerajaan Negeri Perak sebagai Tanah Simpanan Melayu, dimasukkan dalam senarai Kampung Tersusun dalam Rancangan Malaysia Kelima nanti, jika tidak mengapa? Dan apakah langkah-langkah beliau bagi mengatasi masalah kampung Jelapang ini?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Untuk makluman Yang Berhormat konsep Kampung Tersusun dan Pembangunan In-Situ atau Pembangunan Setempat adalah merupakan kaedah bagi melaksanakan program pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar, terutamanya kampung-kampung tradisional yang terkebelakangan dalam segi ekonomi dan prasarananya. Sebenarnya kedua-dua konsep ini adalah berkaitan dan perlaksanaan Kampung Tersusun bukanlah sebagai pengganti Projek In-Situ yang dijalankan beberapa tahun dahulu. Pelaksanaan konsep Kampung Tersusun ini merupakan langkah Kerajaan untuk membentuk sebuah kampung yang teratur dengan menyusun kembali kampung mundur yang bertaburan menjadi sebuah perkampungan yang selesa yang dilengkapi dengan asas ekonomi (economic base) dan prasarana yang memperkuatkan lagi konsep In-Situ/ Pembangunan Setempat yang telah dan sedang dilaksanakan.

Mengenai Kampung Jelapang dalam Daerah Larut dan Matang di Negeri Perak, FELCRA telah mengenalpasti kawasan seluas 313 hektar yang berpotensi untuk dimajukan dan buat masa ini kajian dan penelitian untuk memajukan kawasan tersebut sedang dilaksanakan.

PERJALANAN KE CHINA— KELONGGARAN

29. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan butir-butir lengkap berkenaan kelonggaran had-had perjalanan ke Republik Rakyat China bagi tujuan perdagangan yang diumumkan baru-baru ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Izinkan saya menjawab kepada soalan Yang Berhormat dan juga pengumuman Kerajaan khususnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai kelonggaran melawat ke Republik Rakyat China.

Untuk makluman Yang Berhormat peraturan-peraturan yang ada dan diamalkan dalam perhubungan perdagangan dengan Republik Rakyat China masih terus dikekalkan. Walau bagaimanapun, berasaskan kepada peluang-peluang perdagangan yang kian meningkat di antara kedua negara khususnya akibat daripada dasar modenisasi yang dijalankan di negeri China sekarang, Kerajaan telah bersetuju menambah beberapa kelonggaran di antaranya iaitu tanpa sekatan umur dalam perhubungan perdagangan.

Sukacita saya menjelaskan di sini bahawa dasar hubungan Kerajaan dengan Kerajaan dalam semua bidang yang diamalkan sekarang tetap tidak berubah dan Kerajaan harus mengambil kira kepentingan-kepentingan politik dan keselamatan negara.

Walaupun bagaimanapun, di mana peluang-peluang hubungan ekonomi yang memberi faedah kepada negara dapat diwujudkan, usaha-usaha tersebut haruslah diberi galakan di dalam lingkungan dasar dan peraturan-peraturan yang ada.

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM KE-SEKOLAH- SEKOLAH

30. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah penerapan nilai-nilai Islam telah diserapkan ke dalam sekolah rendah dan sekolah menengah jenis kebangsaan dan agama kepunyaan Kerajaan dan swasta dan juga maktab-maktab perguruan dan universiti-universiti di seluruh Malaysia. Memandangkan bahawa mata pelajaran nilai-nilai Islam yang berubah status dari mata pelajaran opsyen kepada mata pelajaran wajib dan seterusnya mata pelajaran yang diuji, apakah darjat kejayaan yang diperolehi daripada usaha penerapan nilai-nilai tersebut. Apakah rancangan yang baru yang telah disediakan untuk mempertingkatkan lagi proses penerapan selanjutnya.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Di sekolah rendah dan sekolah menengah nilai-nilai Islam telah diserapkan dengan mewajibkan mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam kepada murid-murid Islam dan mata pelajaran moral kepada murid-murid bukan Islam. Nilai-nilai diserapkan juga melalui perhimpunan mingguan sekolah, kegiatan ko-kurikulum dan latihan amal ibadat.

Di Maktab Perguruan, nilai-nilai Islam diserapkan dalam Kurikulum Maktab Perguruan dan peraturan maktab. Hal yang sama juga dilaksanakan di institusi pelajaran tinggi penuntut-penuntut didedahkan kepada mata pelajaran Tamaddun Islam. Setiap asrama disediakan kemudahan tempat/bilik sembahyang. Menerusi kegiatan dan aktiviti-aktiviti persatuan, diadakan ceramah, dialog dan perbincangan berhubung dengan agama Islam.

Adalah sukar untuk mengesani dan mengukur sejauh mana kejayaan yang dicapai daripada usaha-usaha penerapan nilai-nilai Islam. Walau

bagaimanapun kesedaran menyempurna dan menunaikan rukun Islam dari segi teori dan amali di kalangan pelajar-pelajar Islam telah meningkat. Kerajaan juga sedang giat mempertingkatkan rancangan-rancangan yang sedia ada.

BAYARAN BANTUAN KEPADA PEKEBUN KECIL

31. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) sebab-sebabnya seramai 36,000 pekebun kecil masih belum menerima bayaran bantuan tahun ini;
- (b) apakah masalah ini akan berulang lagi pada tahun-tahun hadapan; dan
- (c) apakah tindakan Kementerian beliau untuk membantu pekebun-pekebun yang berkeinaan.

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:

- (a) Ramainya pekebun kecil yang masih belum menerima bayaran geran tanam semula pada tahun ini adalah kerana RISDA menghadapi masalah kekurangan Tabung Wang Ses akibat daripada kenaikan kadar geran tanam semula semenjak tahun 1981 lagi.
- (b) Kementerian ini yakin bahawa masalah ini tidak akan berulang lagi pada tahun-tahun hadapan.
- (c) Sebagai langkah untuk mengatasi masalah tersebut Kementerian telah mendapatkan persetujuan Kerajaan supaya memberi peruntukan kepada RISDA bagi menampung apa-apa kekurangan Tabung Wang Ses untuk melaksanakan program penanaman semula dan dengan

demikian bayaran kepada pekebun kecil akan berbentuk geran dan bantuan.

PILIHANRAYA UMUM

32. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan bilakah pilihanraya umum akan diadakan dan sama ada benar situasi politik di Sabah telah menjejaskan keputusannya untuk mengadakan pilihanraya lebih awal.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Pilihanraya Umum akan diadakan apabila tiba masanya. Situasi politik di Sabah tidak ada kena mengena dengan peraturan yang ditetapkan untuk urusan ini.

TANAH TERBIAR DI BAWAH AGENSI I.A.D.P.

33. Tuan Haji Seroji dan Haji Haron minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah hektar tanah terbiar telah dipulih di bawah agensi I.A.D.P. sejak dilancarkan sehingga akhir bulan Jun, 1985 dan adakah mendapat sambutan hangat dari para petani sekalian.

Dr Goh Cheng Teik: Jumlah kawasan tanah terbiar yang telah dipulihkan di kawasan projek pembangunan pertanian-pertanian bersepadu (IADP) sehingga bulan Jun, 1985 ialah 17,668.44 hektar. Sambutan petani-petani secara umumnya terhadap usaha pemulihan tanah terbiar adalah menggalakkan.

PENAGIH ARAK

34. Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa ramai sebenarnya

rakyat Malaysia yang menagih arak dan pelbagai minuman lain yang memabukkan. Adakah benar ia dianggarkan seramai 25,000 orang. Berapa ramai yang mendapatkan rawatan, di mana dan apa bentuk pemulihannya yang disediakan oleh Kerajaan.

Dato' K. Pathmanaban: Kementerian saya tidak mempunyai maklumat tepat tentang berapa ramai rakyat Malaysia yang menagih arak kerana tidak semua penagih arak datang ke hospital untuk dirawat. Walau bagaimanapun, bilangan kes mabuk kerana arak yang dirawat di Hospital Besar Kuala Lumpur, Hospital Besar Seremban dan Hospital Bahagia Ulu Kinta dalam tahun 1982 adalah 52, tahun 1983 adalah 90 dan tahun 1984 adalah 131.

Kes-kes serious adalah jarang dikesan dan bagi kes yang mengakibatkan penyakit jiwa atau cirrihosis kerana ketagihan arak boleh dirawat di hospital Kerajaan atau swasta.

KEKOSONGAN JAWATAN DI JABATAN KERAJAAN

35. Dr George Chan Hong Nam minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kekosongan jawatan dalam Kumpulan A, B, C dan D mengikut Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan masing-masing di Sarawak yang masih belum diisi dan apakah langkah-langkah yang sedang atau akan diambil untuk mengisikan kekosongan-kekosongan jawatan tersebut.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Mengikut rekod yang ada di Jabatan Perkhidmatan Awam, kedudukan kekosongan jawatan dalam Kumpulan

A, B, C dan D bagi tiap-tiap Jabatan-jabatan Persekutuan di Sarawak adalah seperti berikut:

Sehingga 30hb Oktober, 1984

<i>Nama Kementerian/Jabatan</i>	<i>A</i>	<i>B</i>	<i>C</i>	<i>D</i>
Jabatan Akauntan Negara	10	20	13	17
Arkib Negara	—	—	—	1
Biro Bantuan Guaman	—	—	1	4
Badan Pencegah Rasuah	4	9	11	1
Jabatan Bomba ..	2	3	19	313
Jabatan Buruh ..	4	7	16	3
Jabatan Alam Sekitar	—	4	1	3
Jabatan Galian ..	—	—	1	—
Jabatan Hasil Dalam Negeri	19	2	16	10
Jabatan Ikatan Relawan Rakyat	1	—	20	3
Jabatan Imigresen ..	8	11	103	18
Jabatan Keselamatan Negeri	1	3	4	—
Jabatan Kajibumi ..	8	—	24	13
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	20	29	33	39
Rascom	3	10	23	29
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan	—	1	7	4
Jabatan Kehakiman	9	2	33	23
Jabatan Perancang Pembangunan Negara	3	—	1	4
Jabatan Kebajikan Am	—	—	—	1
Kementerian Perdagangan dan Perindustrian	2	19	2	14
Kementerian Pertahanan	—	2	52	164
Pejabat Kewangan Persekutuan	—	—	3	3
Jabatan Kilang dan Jentera	1	—	—	—
Jabatan Kimia ..	1	—	3	2
Jabatan Kemajuan Tenaga Rakyat	—	—	1	8
Jabatan Laut	6	11	56	57
Jabatan Audit ..	7	23	19	1
Jabatan Pelajaran ..	160	474	718	2,172
Pembangunan Koperasi	3	9	9	12
Pemegang Amanah Raya	—	—	2	1

<i>Nama Kementerian/Jabatan</i>	<i>A</i>	<i>B</i>	<i>C</i>	<i>D</i>
Pemegang Harta ..	—	—	1	3
Pendaftar Pertubuhan	1	—	1	1
Pendaftaran Negara	3	18	31	28
Jabatan Penerbangan Awam	18	16	24	190
Jabatan Penerangan	14	17	42	40
Jabatan Perkhidmatan Penilaian	—	—	—	—
Jabatan Penjara ..	6	14	27	66
Jabatan Penyiaran ..	9	42	74	84
Jabatan Perangkaan	1	3	21	7
Jabatan Percetakan Negara	1	2	24	15
Jabatan Perikanan Laut	7	2	57	47
Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan	99	79	254	654
Jabatan Pos	5	3	20	54
Pertahanan Awam ..	—	—	—	3
Perkhidmatan Pekerjaan	—	—	—	—
Pilihanraya	1	—	—	—
KEMAS	1	—	—	1
PERKESO	—	1	—	1
Polis Diraja Malaysia	15	6	203	887
Pegum Negara ..	1	1	—	—
Pendaftaran Kesatuan Sekerja	—	1	1	1
Pejabat Perjawatan Persekutuan	—	—	3	1
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	2	—	2	3
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	—	—	1	—
Jabatan Telekom ..	15	60	462	902
SERU	—	—	—	—
MAMPU	2	1	1	5
Jabatan Pengangkutan Jalan	1	5	18	20
Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan	—	—	6	14

Bersabit dengan langkah-langkah pengisian jawatan kosong tersebut mana-mana Jabatan yang telah mendapat kelulusan Perbendaharaan untuk mengisi jawatan tersebut bolehlah menghubungi pihak

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi tujuan pengisian kekosongan tersebut.

**PERBINCANGAN PERDANA
MENTERI MALAYSIA—
ROMANIA**

36. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menyatakan apakah yang dibincangkan dengan rakan sejawatnya Perdana Menteri Romania Encik Constantin Dascalescu dalam lawatannya ke negara ini bersama-sama dengan 18 orang anggota rombongannya baru-baru ini.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Lawatan Perdana Menteri Romania, Encik Dascalescu ke Malaysia pada 10hb-13hb Mei, 1985 adalah bagi membalas lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke Romania pada bulan Mei 1983. Lawatan ini telah membolehkan Y.A.B. meneruskan perbincangan yang diadakan di Bucharest semasa lawatan Y.A.B. itu di dalam perkara-perkara dua hala, dan antarabangsa.

Di dalam perkara perhubungan dua hala mereka berdua telah menyatakan kepuasan terhadap perhubungan yang sedia baik di antara Malaysia dan Romania dan telah bersetuju untuk meneruskan usaha-usaha bagi meningkat dan memperkembangkannya lagi perhubungan ini. Perdagangan dua hala merupakan perkara yang penting di dalam perbincangan Y.A.B. dengan Perdana Menteri Dascalescu. Mereka telah bersetuju yang kedua-dua negara mempunyai potensi yang besar untuk memperkembang dan mempelbagaikan jumlah perdagangan yang masih kecil sekarang ini. Y.A.B. telah meminta pihak Romania mengadakan kempen penggalakan barangannya supaya barang-barang pengeluarannya lebih dikenali lagi oleh pembeli-pembeli Malaysia. Kerjasama ekonomi dan teknik juga dibincangkan

di antara mereka berdua. Setakat ini pihak Romania ada mengambil bahagian di dalam beberapa projek pembangunan di Malaysia di dalam bidang pembangunan elektrik. Begitu juga Romania mempunyai kerjasama teknik dengan PETRONAS dari segi mendapat pakar-pakar petroleum dari negara tersebut. Di samping itu organisasi-organisasi perdagangan seperti MOIC, MITCO dan PERNAS telah berjaya mengadakan "counter-trade" dengan pihak Romania yang mana bahan-bahan utama Malaysia seperti getah, bijih timah dan minyak sawit termasuk di dalam pengendalian perniagaan ini.

Berkenaan isu antarabangsa, Y.A.B. telah menerangkan kepada Encik Dascalescu, usaha-usaha ASEAN yang berterusan untuk mencapai penyelesaian politik di dalam masalah Kampuchea. Perdana Menteri Dascalescu telah memberi penghargaan beliau terhadap usaha-usaha ini. Romania juga menyokong Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea (CGDK). Mereka juga telah bertukar-tukar fikiran berkenaan isu-isu Afghanistan, Palestin, Perang Iran-Iraq, disarmament dan keadaan ekonomi dunia.

**KOR AGAMA ANGKATAN
TENTERA (KAGAT)—SAMBUTAN**

37. Tuan Baharum bin Haji Bakar minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapakah terdapatnya kurang sambutan terhadap Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) di kalangan anggota-anggota awam selepas pelaksanaannya pada 16hb April, 1985 yang lalu.

Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Sebenarnya Angkatan Tentera Malaysia masih belum menawarkan jawatan dalam Kor Agama Angkatan

Tentera (KAGAT) kepada anggota-anggota awam, tetapi buat permulaan ini hanya ditawarkan kepada kakitangan-kakitangan awam yang bertugas sebagai pegawai-pegawai agama yang bertugas di Kementerian Pertahanan. Oleh itu adalah masih awal untuk menyatakan yang sambutan terhadap Kor ini adalah kurang atau tidak menggalakkan.

INSTITUSI PENDIDIKAN BERHUBUNG DENGAN KEDUTAAN ASING

38. Tuan Peter Chin Gan Onn minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebab atau rational melarang institusi-institusi pendidikan dari berhubung secara langsung dengan kedutaan-kedutaan asing jika hubungan sebegini berkenaan dengan perkara-perkara pendidikan yang tidak menjadi risiko keselamatan bagi misalnya komunikasi untuk mengumpul maklumat untuk mendapatkan visa, pendidikan lanjutan di luar negeri, dan kesediaan tempat-tempat dalam Universiti-universiti dan maktab-maktab di luar negeri.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Kementerian Pelajaran ada mengeluarkan arahan melarang sekolah-sekolah, Maktab-maktab, persatuan-persatuan yang ditubuhkan di Sekolah dan Maktab termasuk Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan Persatuan-persatuan yang didaftarkan di bawah Akta Pelajaran 1961, daripada menghubungi secara langsung Kedutaan-kedutaan Asing atau Badan-badan Kebudayaan dan Pendidikan Kedutaan Asing. Larangan ini juga merangkumi institusi-institusi pelajaran persendirian.

Larangan perhubungan ini adalah terhad kepada negara-negara komunis dan sosialis sahaja. Setiap perhubungan yang hendak dibuat ke negara-negara ini perlulah mendapat kelulusan daripada Kementerian

Pelajaran. Arahan ini adalah demi menjaga kepentingan keselamatan negara. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penuntut-penuntut sekolah adalah golongan yang mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir dan dakyah yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Rukun Negara. Jika keadaan ini tidak diawasi, kemungkinan besar penuntut-penuntut sekolah akan dipergunakan bagi mengancam keselamatan negara.

DASAR PANDANG KE TIMUR—PENCAPAIAN

39. Tuan Ling Sie Ming minta Perdana Menteri menyatakan sehingga sekarang, apakah yang telah dicapai daripada “Dasar memandang Ke Timur”; berapakah orang telah dihantarkan ke negara Jepun untuk menerima latihan; berapakah yang dari mereka telah balik dan sedang berkhidmat di negara kita; apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dalam proses latihan dan perkhidmatan; apakah langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh kakitangan yang terlatih di Jepun.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Semenjak Dasar Memandang ke Timur dilancarkan pada tahun 1982, seramai 1,038 pelatih perindustrian dan teknikal, 84 pelajar akademik, 872 pelajar teknikal dan 26 pegawai eksekutif telah dihantar menjalani latihan dan pengajian di universiti/kolej teknik di negeri Jepun. Seramai 803 pelatih perindustrian dan teknikal dan 26 pegawai eksekutif telah pun balik ke Malaysia setelah tamat latihan mereka, sementara pelajar-pelajar akademik dan teknikal masih mengikuti pengajian mereka di negara itu.

Di antara masalah utama yang dihadapi ialah penguasaan bahasa Jepun khususnya bagi pelatih-pelatih

perindustrian dan teknikal, pelajar-pelajar akademik dan teknikal kerana bahasa itu adalah merupakan bahasa asing yang baru diperkenalkan kepada mereka. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (a) memanjangkan tempoh kursus intensif bahasa Jepun kepada 6 hingga 7 bulan bagi pelatih-pelatih perindustrian dan teknikal sebelum menjalani latihan di negeri Jepun.
- (b) menambahkan jumlah keseluruhan pembelajaran bahasa Jepun dari 800 jam kepada 900 jam bagi pelajar-pelajar Kelas Persediaan Akademik Jepun yang dijalankan di Universiti Malaya.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE CHINA

40. Tuan V. Govindaraj minta Perdana Menteri menyatakan tujuan utama lawatan Y.A.B. Dato Seri ke Negara China, pada ketika ini, adakah asas lawatan Y.A.B. Dato' Seri bertujuan politik, sosial atau Ekonomi.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab bagi pihak Y.A.B. Perdana Menteri dan saya juga akan menjawab soalan ini sekaligus dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching pada 24-7-85 dan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan pada 25-7-85 memandangkan persamaan soalan tersebut yang dikemukakan kepada Y.A.B. Perdana Menteri.

Tujuan-tujuan Y.A.B. Perdana Menteri ke RRC adalah untuk membincang isu-isu dua hala dan isu-isu serantau dan antarabangsa selain dari membalas lawatan Perdana Menteri China ke Malaysia pada tahun

1981. Dalam perbincangan beliau dengan pemimpin-pemimpin China mengenai hal-hal dua hala, saya menjangka Y.A.B. Perdana Menteri akan memberi penumpuan kepada isu-isu ekonomi. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia sentiasa mengalami pengurangan perdagangan dengan China oleh itu Y.A.B. Perdana Menteri akan berbincang cara-cara yang konkrit untuk membetulkan ketidak-seimbangan perdagangan dua hala dan pertukaran ekonomi. Dalam hal ini, Kerajaan akan juga meneliti perdagangan yang masih kecil sekarang ini. Y.A.B. telah meminta pihak Romania mengadakan kempen penggalakan barangannya supaya barang-barang pengeluarannya lebih dikenali lagi oleh pembeli-pembeli Malaysia. Kerjasama ekonomi dan teknik juga dibincangkan di antara mereka berdua. Setakat ini pihak Romania ada mengambil bahagian di dalam beberapa projek pembangunan di Malaysia di dalam bidang pembangunan elektrik. Begitu juga Romania mempunyai kerjasama teknik dengan PETRONAS dari segi mendapat pakar-pakar petroleum dari negara tersebut. Di samping itu organisasi-organisasi perdagangan seperti MOIC, MITCO dan PERNAS telah berjaya mengadakan "counter-trade" dengan pihak Romania yang mana bahan-bahan utama Malaysia seperti getah, bijih timah dan minyak sawit termasuk di dalam pengendalian perniagaan ini.

Berkenaan isu antarabangsa, Y.A.B. telah menerangkan kepada Encik Dascalescu, usaha-usaha ASEAN yang berterusan untuk mencapai penyelesaian politik di dalam masalah Kampuchea. Perdana Menteri Dascalescu telah memberi penghargaan beliau terhadap usaha-usaha ini. Romania juga menyokong Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea (CGDK). Mereka juga telah bertukar-tukar fikiran berkenaan

isu-isu Afghanistan, Palestin, perang Iran-Iraq, disa:rament dan keadaan ekonomi dunia.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (C) KAMPUNG BERCAM—PEMBINAAN

41. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan akan mula pembinaan sebuah bangunan sekolah berharga satu juta ringgit di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di Kampung Bercam, Ipoh, Perak mengikut pengumuman yang dibuat oleh Kerajaan pada 8-10-1982.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Untuk makluman Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa buat masa sekarang Kementerian ini tidak dapat menentukan tarikh mula pembinaan SRJK(C) Kampung Bercam, Ipoh, Perak. Ini adalah kerana sekolah tersebut belum lagi diluluskan oleh Agensi Pusat walaupun permohonannya telah dikemukakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Pembinaan projek ini dijangka akan dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kelima jika peruntukan mencukupi.

TOL DI JAMBATAN PULAU PINANG

42. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) sama ada sebarang keputusan telah dibuat terhadap amaun tol yang akan dikutip daripada tiap-tiap kenderaan bagi kegunaan "Jambatan Pulau Pinang";
- (b) bilakah jambatan tersebut akan dibuka untuk kegunaan orang awam; dan
- (c) sama ada Kerajaan negeri Pulau Pinang telah menandakan

sebarang tarikh bila mereka akan membeli jambatan tersebut daripada Kerajaan Pusat.

Dato S. Samy Vellu:

- (a) Kadar-kadar tol yang akan dikutip daripada tiap-tiap kenderaan bagi mengguna Jambatan Pulau Pinang belum lagi diputuskan.
- (b) Jambatan ini akan dibuka untuk kegunaan orang awam pada 15hb September, 1985.
- (c) Kerajaan Pulau Pinang belum lagi memaklumkan sebarang tarikh bila mereka akan membeli Jambatan tersebut daripada Kerajaan Pusat.

PERGOLAKAN KUASA DI SABAH

43. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada siasatan ke atas pergolakan kuasa di Sabah sejak 22 April, 1985 lalu telah dijalankan. Jika ya, apakah hasil penyiasatan. Adakah maklumat yang melibatkan perbuatan jenayah di antara mereka yang terlibat telah diperolehi. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan. Jika tidak, mengapa. Siapakah yang berhak sekali menyiasatkan perkara ini. Sudahkah pihak tersebut berbuat demikian. Apakah hasil siasatan pihak tersebut. Jika tidak, mengapakah sikap acuh tidak acuh ini telah diamalkan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Atas arahan Peguam Negara, pihak polis kini sedang menjalankan penyiasatan rapi mengenai perkara yang dibangkitkan itu. Walaupun penyiasatan itu belum selesai lagi setakat ini dan belum dapat dipastikan sama ada perbuatan-perbuatan jenayah telah dilakukan oleh mana-mana pihak.

Sekiranya terdapat bukti-bukti bahawa perbuatan jenayah telah

dilakukan, tindakan undang-undang yang sewajarnya akan diambil.

Pada masa sekarang pihak polis masih mengawasi dan mengawal keadaan sungguhpun tiada kejadian-kejadian lanjut berlaku. Keadaan di Sabah adalah terkawal dan kehidupan rakyat berjalan seperti biasa.

Adalah tidak benar sama sekali bahawa pihak Kerajaan telah mengamalkan sikap acuh tidak acuh dalam perkara ini.

LARANGAN WANITA ISLAM MEMAKAI PURDAH

44. Tuan Othman bin Abdul minta Perdana Menteri menyatakan apakah alasan-alasan yang munasabah bagi kerajaan mengenakan larangan ke atas wanita-wanita Islam memakai purdah, adakah Kerajaan sedar bahawa larangan ini bertentangan dengan ajaran Islam iaitu "tidak ada paksaan dalam agama" dan apakah bahaya-bahaya yang ditakuti oleh kerajaan terhadap wanita-wanita Islam yang memakai purdah ini.

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohammad Nor: Kerajaan melarang kakitangan wanita dalam perkhidmatan awam memakai pakaian yang menutup muka ialah kerana untuk mengawal keselamatan di tempat bekerja dan juga untuk memelihara suasana perhubungan di antara kakitangan awam serta dengan orang ramai.

Larangan ini tidak bertentangan dengan ajaran Islam kerana pakaian yang menutup muka tidak disyaratkan ke atas wanita-wanita Islam. Sebilangan besar ulamak-ulamak (Jumhur) berpendapat bahawa muka dan tapak tangan bukanlah aurat, yakni kedua-dua bahagian badan itu boleh dibuka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tegahan ke atas pakaian yang menutup muka ini hanya

boleh dikuatkuasakan bagi kakitangan awam semasa mereka berada di tempat kerja dalam waktu pejabat sahaja.

PERLANTIKAN TUN DATU MUSTAPHA SEBAGAI KETUA MENTERI SABAH

45. Tuan Chan Kok Kit minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Peguam Negara telah mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap Presiden USNO Tun Mustapha, Datuk Yahya Lampong dan Ketua Penerangan Parti Berjaya, Datuk Majid Khan, ekoran pendedahan yang dibuat oleh Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Haji Mohamed Adnan Robert, dalam kenyataan membela diri di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di mana Tun Adnan telah menyatakan bahawa beliau terpaksa menjalankan upacara perlantikan Tun Datu Mustapha sebagai Ketua Menteri Sabah pada 22hb April 1985 kerana desakan, tekanan dan ugutan; jika ya, beri butir-butir lanjut, jika tidak, mengapa.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Pihak Polis telah diarah menyiasat pengaduan yang dibuat dalam hubungan ini. Setakat ini penyiasatan itu belum selesai.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

SKANDAL PINJAMAN BMF— MEMBAWA PENGADILAN PESALAH-PESALAH

3.30 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) untuk memohon supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat dengan tujuan hendak merundingkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, Usul yang saya ingin bercadang adalah seperti berikut:

“Bahawa Majlis Mesyuarat ini mengizinkan Ketua Pembangkang Parlimen, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, di bawah Peraturan 18 (1) untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk membincang keputusan dan pengumuman Peguam Negara pada 10hb Julai, 1985 bahawa pihak berkuasa Malaysia tidak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan bekas pegawai-pegawai Bumiputra Malaysia Finance terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh mereka berhubung dengan skandal pinjaman BMF sebanyak \$2.5 billion di Hong Kong kerana perkara tersebut adalah satu perkara tertentu dan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan berasas kepada sebab-sebab berikut:

Pertama, keputusan dan pengumuman Peguam Negara telah menghancurkan harapan dan kepercayaan rakyat Malaysia bahawa Kerajaan akan menepati janji-janji yang sering diberikannya bahawa ia akan menghadapi ke mahkamah pesalah-pesalah BMF dan ini telah melemahkan seluruh kredibiliti dan kewibawaan Kerajaan;

Kedua, keputusan dan pengumuman Peguam Negara telah menimbulkan persoalan mengenai kerelevanan dan tujuan Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin ke dalam BMF apabila laporan-laporan dan ikhtisar-ikhtisar Jawatankuasa tersebut seperti “Ikhtisar mengenai Kes-kes Prima Facie Rasuah” (Brief on Prima Facie Cases of Corruption) yang telah mengesyorkan supaya tindakan jenayah diambil berhubung dengan berbagai transeksi pinjaman dan kewangan ditolak sebagai tidak relevan kepada Kamar Peguam Negara;

Ketiga, adalah menjadi tanggungjawab Parlimen untuk mengiktirafkan dengan serta-merta akan suatu keadaan yang tidak boleh dibiarkan di mana pesalah-pesalah BMF yang terlibat dalam skandal kewangan dan banking yang terbesar sekali dalam negara ini boleh terlepas tanpa apa-apa hukuman di Malaysia; dan Parlimen demi menegakkan keadilan hendaklah sama ada (i) mengkaji semula keputusan Peguam Negara itu; (ii) mencari jalan-jalan yang sedia ada untuk membawa ke muka pengadilan pesalah-pesalah BMF itu; atau (iii) menimbang tindakan perundangan yang perlu untuk membetulkan kekurangan yang sedia ada dalam undang-undang untuk membawa pesalah-pesalah BMF itu ke muka pengadilan”.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahuan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) dari Yang Berhormat Ahli dari Kota Melaka pada tengahari Hari Sabtu, 13hb Julai, 1985. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat, saya sendiri sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuashati bahawa perkara yang dibangkitkan itu memenuhi tiga syarat iaitu ia perkara tertentu, ia berkenaan dengan kepentingan orang ramai dan ianya berkehendak disegerakan. Saya telah menimbang dan meneliti perkara ini dengan mendalam dan berpendapat bahawa:

- (1) Perkara ini memanglah satu perkara yang tertentu yang juga sangat menyedihkan dan yang telah berlaku seperti apa

disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu.

- (2) Juga pada fikiran saya perkara ini adalah mengenai kepentingan orang ramai. Orang ramai tidak akan berpuas hati jika tidak ada satu tindakan positif terhadap orang-orang yang melakukan perkara jenayah yang tidak dibawa ke muka pengadilan.
- (3) Tetapi tentang perlu disegerakan itu, saya tidak dapat menerimanya kerana perkara pengkajian keputusan Peguam Negara mencari jalan hendak membawa orang-orang terlibat ke muka pengadilan dan perkara membetulkan Undang-undang itu bukanlah perkara-perkara yang perlu dibuat secara tergesa-gesa. Perkara-perkara seperti ini perlu memakan masa mengkajinya supaya mendapat keputusan yang elok dan bukan boleh dibuat di dalam masa yang singkat.

Selain daripada itu saya difahamkan Kerajaan sedang mencari jalan dan berikhtiar hendak membawa orang-orang yang terlibat itu ke muka pengadilan. Oleh itu, saya terpaksa menolak Usul ini.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1985)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1985 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk

maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) (No. 2)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilyah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN (PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-peruntukan Khas) 1975; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG BADAN BERKANUN GETAH

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) 1958 dan Akta Institut Penyelidikan Getah Malaysia 1966 dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perusahaan Utama; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

ULANG TAHUN 25 PARLIMEN MALAYSIA

3.48 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini sempena dengan ulang tahun 25 Parlimen Malaysia memandang dengan beratnya hakisan prinsip-prinsip dan amalan demokrasi berparlimen sejak tahun-tahun kebelakangan ini dan menyeru semua rakyat Malaysia berikrar semula komitmen mereka terhadap sistem demokrasi berparlimen di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tiga bulan dahulu Malaysia telah merayakan Ulang Tahun ke 25 Parlimen Malaysia dengan penganjuran suatu Pameran dan Majlis Makan Malam penuh dengan kerinduan atau "nostalgia" bekas dan Ahli-ahli Parlimen sekarang. Parlimen Malaysia sejak 25 tahun ini, untuk mendapat tahu di manakah kita telah berjaya dan di manakah kita telah gagal supaya kita akan dapat menggariskan asas yang akan menentukan kefungsiannya berterusan Parlimen untuk 25 tahun atau lebih lagi. Atas sebab inilah saya ada mencadangkan usul ini untuk membolehkan satu perbahasan diadakan ke atas 25 tahun demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, idea merdeka untuk mengadakan Parlimen sebagai badan perundangan dan perbincangan yang tertinggi sekali di negara ini yang mewakili kemahuan agung rakyat (supreme will of the people), dengan izin, telah diserang secara sistematik sejak 25 tahun kebelakangan ini sehingga menjadikan Parlimen sebagai "rubber stamp" untuk memberi kelulusan formal semata-mata kepada apa yang sudahpun diputuskan oleh kabinet atau Perdana Menteri sendiri.

Pada teorinya, pihak eksekutif adalah bertanggungjawab kepada Parlimen akan tetapi perampasan kuasa-kuasa dan peranan Parlimen oleh pihak eksekutif telah berlanjutan sehingga Parlimen telah menjadi seolah-olah satu tambahan atau "appendage" kepada kerajaan.

Rakyat telah begitu membiasakan diri dengan peranan penyusutan (diminution) Parlimen yang telah menjadi seolah-olah sebuah jabatan kecil Pejabat Perdana Menteri sehingga tidak ada seorang pun yang merasa tak kena apabila perayaan Jubli Perak Parlimen Malaysia diputuskan dan dianjurkan oleh kerajaan dan bukannya Parlimen sendiri.

Kakitangan Parlimen yang pada teorinya adalah anggota satu perkhidmatan yang bebas dan tertutup yang bertujuan mengawasi dengan rapinya kebebasan Parlimen daripada campur tangan atau arahan pihak eksekutif atau pentadbiran telah begitu membiasakan diri untuk menganggap diri mereka sebagai kakitangan kerajaan, sehingga mereka apabila mengumumkan urusan Parlimen sebelum setiap mesyuarat Parlimen meninggalkan usul-usul atau urusan Pembangkang, dengan anggapan salah bahawa cuma urusan Kerajaan sahajalah merupakan urusan Parlimen.

Sejak suku abad yang lepas, prinsip dan amalan demokrasi berparlimen telah mengalami secara tubi-tubi. Yang berikut ialah pencerobohan-pencerobohan utama terhadap prinsip dan amalan demokrasi berparlimen. Sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas kebebasan berucap, melahirkan pendapat, berhimpun dan berpersatuan telah menjadikan begitu sukar bagi rakyat untuk menggunakan hak pilihan demokratik mereka dalam sebuah demokrasi berparlimen.

Malaysia mempunyai media massa dan akhbar yang terkongkong menerusi undang-undang seperti Akta

Mesin Cetak dan Penerbitan, Ordinan Hasutan dan Akta Rahsia Rasmi. Baru-baru ini, monopoli akhbar telah menjadi satu masalah berat di mana satu golongan politik melalui pertubuhan-pertubuhan front berlainan menguasai milikan seluruh spektrum surat-suratkhabar Malaysia sama ada akhbar harian bahasa Malaysia, Inggeris atau Cina.

Ini tidak termasuk lain-lain akhbar yang dimiliki dan dikuasai oleh lain-lain partai politik yang mempunyai hubungan dengan golongan politik ini yang kini hampir-hampir telah mewujudkan "monopoli akhbar" di Malaysia. Trend-trend media massa seumpama ini adalah amat berbahaya kepada pertumbuhan sihat demokrasi kerana surat-suratkhabar akan digunakan sebagai alat kerajaan untuk mengubah dan membentuk pemikiran orang ramai dan bukan sebaliknya bertindak sebagai satu perantaraan untuk menyampaikan pandangan dan pendapat orang ramai untuk mengubah dan membentuk pemikiran Kerajaan sendiri.

Pengharaman yang dikenakan oleh kerajaan ke atas rapat-rapat umum telah menafikan rakyat saluran berkesan yang tunggal untuk menerima pandangan-pandangan alternatif atau "dissent" yang berlainan daripada kerajaan dan ia adalah bertujuan melumpuhkan komunikasi politik suara pihak Pembangkang dan "dissent".

Apabila kerajaan mula-mula mengharamkan rapat-rapat umum sebelum pilihanraya umum 1978, kerajaan telah memberi alasan bahawa ia bimbang kemungkinan akan berlakunya kekacauan sempena ulang tahun ke 30 Partai Komunis Malaya. Bukan sahaja tidak ada apa-apa kejadian yang berlaku akan tetapi pengharaman tersebut telah dilanjutkan sungguhpun ia tidak mencegah pemimpin-pemimpin kerajaan seperti Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri daripada menganjurkan rapat-rapat umum haram sama ada semasa krisis Perlembagaan tahun 1983 atau baru-baru ini dalam lawatan-lawatan pra-pilihanraya (pre-election) ke beberapa negeri-negeri.

Undang-undang yang bersifat menyekat ke atas partai-partai politik, kesatuan-kesatuan sekerja, pertubuhan-pertubuhan pelajar dan golongan-golongan desakan telah berjaya dalam tujuannya untuk menghalang ekspresi demokratik serta membantut pertumbuhan demokrasi berparlimen.

Politik ketakutan dan ugutan, wang dan rasuah seperti seekor hydra berbagai kepala telah menegakkan kepalanya yang hodoh untuk mencemar dan melemahkan demokrasi berparlimen di Malaysia. Untuk selama sembilan tahun, politik seumpama itu telah bermaharajalela di Sabah sehingga ia ditolak oleh rakyat Sabah dalam pilihanraya umum April lalu. Dalam keadaan begitu sekalipun, satu percubaan perampasan kuasa untuk menafikan PBS dan ketuanya, haknya untuk menubuhkan kerajaan negeri Sabah telah dicuba.

Sungguhpun prinsip-prinsip dan "decency" demokrasi telah berjaya pada akhirnya di Sabah dengan penubuhan kerajaan PBS, namun percubaan-percubaan telah dijalankan untuk menggoncangkan atau "destablise" kerajaan PBS dengan mencipta ketidakpastian, ketakutan, kebimbangan dan ketegangan termasuk siri letupan-letupan bom di Kota Kinabalu, sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan bahawa tidak ada tujuan politik, tetapi orang ramai tidak percaya dan menerimanya.

Politik ketakutan dan ugutan sama ada kompleks atau mentaliti Tambunan yang memangsa serta

mendiskriminasikan pengundi-pengundi yang tidak milik calon parti-parti pemerintah atau senjata sulit semacam ugutan Peristiwa Mei 13 yang digunakan untuk memberi amaran tentang akan berlakunya tumpahan darah sekiranya calon-calon pembangkang dipilih merupakan satu tanda hitam terhadap demokrasi berparlimen Malaysia disebabkan politik wang dan rasuah di mana calon-calon atau wakil-wakil rakyat merendahkan darjat mereka sama ada dengan membeli undi atau menjualkan diri mereka kepada penawar yang tertinggi.

Tuan Yang di-Pertua, persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri yang secara tidak adil melanggar prinsip "seundi seorang" mengekalkan ketidakseimbangan politik tanpa menghiraukan matlamat penyusunan semula negara yang harus juga termasuk bukan sahaja fungsi ekonomi tetapi juga fungsi politik.

Penurunan Parlimen dari tempatnya yang ditetapkan oleh Perlembagaan sebagai badan tertinggi sekali yang mewakili kemahuan agung rakyat kepada rubber stamp semata-mata di mana Ahli-ahli Parlimen tidak diharapkan untuk memahami pelbagai perundangan yang dibentangkan di dalam Dewan tetapi cuma memberikan kelulusan formal kepadanya.

Salah satu cara untuk menilai peranan, fungsi dan kerelevanan Parlimen Malaysia sempena perayaan Jubli Peraknya ialah untuk memeriksa rekodnya berhubung dengan skandal kewangan dan bank yang terbesar sekali yang berlaku di negara ini iaitu skandal \$2.5 billion Bumiputera Malaysia Finance.

Dengan mengambil pendirian untuk menentang pendedahan umum penuh mengenai skandal pinjaman BMF dan juga dengan menolak seruan supaya ditubuhkan sebuah Suruhanjaya

Penyiasatan di Raja ke dalam skandal pinjaman BMF, Parlimen Malaysia telah bertindak menentang arus pendapat orang awam Malaysia.

Pada bulan Mac 1983, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah cuba menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk membahaskan satu perkara tertentu kepentingan ramai yang perlu disegerakan yakni laporan Asian Wall Street Journal di mana laporan tersebut telah menghuraikan secara perinci transeksi-transeksi pinjaman dan kewangan yang dilakukan secara salah dan berasuah oleh pegawai-pegawai BMF dengan kumpulan syarikat-syarikat Carrian dan Eda. Yang Berhormat dari Bandar Kuching telah gagal dalam usahanya sungguhpun 20 bulan kemudian. Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin ke dalam BMF telah mengesahkan pendedahan yang termuat dalam Asian Wall Street Journal itu.

Apabila dipandang kembali, sekiranya Parlimen bersikap berwaspada dan bertanggungjawab seawal Mac 1983 dengan menuntut supaya satu pengakaunan yang penuh dan sempurna diberi mengenai skandal pinjaman BMF, ia mungkin akan menjimatkan negara kira-kira \$350 juta. Ini disebabkan kerana mengikut laporan sementara Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin ke dalam BMF, pinjaman-pinjaman BMF kepada kumpulan Carrian dan Eda telah meningkat daripada \$1.497 juta dalam tahun 1982 kepada \$1.841 juta dalam tahun 1983—tambahan sebanyak kira-kira \$350 juta.

Apakah Parlimen akan menjimatkan sebanyak \$350 juta daripada skandal pinjaman \$2.5 billion BMF sekiranya ia campur tangan dalam bulan Mac 1983 seperti dicuba oleh Ahli-ahli Parlimen DAP?

Perkembangan-perkembangan baru mengenai skandal BMF sekali lagi telah menghadapkan Parlimen kepada ujian. Pertama, Perdana Menteri telah secara awam menentang menjadikan Kerajaan lebih terbuka seperti berhubung dengan penerbitan laporan-laporan Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin ke dalam BMF. Kedua, keputusan dan pengumuman Peguam Negara bahawa Malaysia tidak mempunyai bidangkuasa ke atas pegawai-pegawai BMF terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh mereka di Hong Kong berhubung dengan skandal BMF sungguhpun Ketua Hakim Negara terpaksa menafikan pada hari kemudiannya bahawa beliau bukanlah otoriti bagi pandangan yang disampaikan oleh Peguam Negara. Ketiga, kenyataan Timbalan Perdana Menteri kepada wartawan-wartawan asing yang meliputi Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN bahawa Malaysia akan bekerjasama penuh dengan pihak berkuasa Hong Kong serta keyakinannya dalam keadilan British di Hong Kong nampaknya menandakan pendirian baru dalam dasar Kerajaan untuk mencuci tangan daripada tanggungjawabnya untuk membawa pesalah-pesalah BMF ke muka pengadilan.

Kini Parlimenlah yang menjadi forum yang terakhir sekali bagi rakyat Malaysia untuk membatalkan atau overrule keputusan Peguam Negara, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri malah seluruh Jemaah Menteri dengan menuntut bahawa satu pengakaunan yang penuh dan tidak terbatas mengenai seluruh peristiwa kotor skandal BMF diberi dan bahawa pihak berkuasa Malaysia hendaklah berusaha membawa pesalah-pesalah BMF itu ke muka pengadilan di Malaysia kerana wang awam Malaysia sebanyak \$2.5 billion adalah terbabat.

Apakah Parlimen akan lulus ujian ini berhubung dengan skandal BMF atau ia akan tunduk untuk mewujudkan

satu lagi skandal dengan sendirinya akibat sikap acuh tak acuh, ketiadaan tindakan dan sikap tidak pedulinya mengenai skandal BMF.

Inilah soalan-soalan yang kita harus memikir apabila kita membincang dan membahaskan peranan Parlimen dalam Demokrasi Berparlimen kita.

Parlimen dan Ahli-ahli Parlimen tidak boleh hidup dalam kekosongan atau, dengan izin, "vacuum" tetapi harus menyahut cita-cita dan aspirasi demokratik rakyat. Inilah sebabnya mengapa pra-syarat terhadap pertumbuhan sihat demokrasi parlimen memerlukan rakyat Malaysia berkomited kepada sistem tersebut melalui pendidikan di rumah, sekolah dan tempat bekerja selain daripada sistem politik. Ia harus menjadi sebahagian daripada ethos politik kebangsaan.

Ini sebabnya mengapa di dalam usul saya, saya telah menyeru semua rakyat Malaysia untuk berikrar semula komitmen mereka terhadap sistem demokrasi berparlimen di Malaysia dengan mengambil bahagian secara cergas dalam mewujudkan keadaan demokratik serta penyebaran nilai-nilai demokratik.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang hendak buat satu pindaan kepada usul saya di bawah Peraturan 28.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan berapa Yang Berhormat hendak pinda?

Tuan Lim Kit Siang: Saya menambah perkataan-perkataan "memutus untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk mengkaji dan melaporkan mengenai operasi sistem demokrasi berparlimen sejak 25 tahun kebelakangan ini serta membuat perakuan-perakuan untuk meningkatkan kecekapannya" selepas perkataan "kebelakangan ini", dalam barisan 3.

Tuan Yang di-Pertua: Barisan tiga.

Tuan Lim Kit Siang: Barisan tiga, selepas "berparlimen sejak tahun-tahun kebelakangan ini", tambahlah pindaan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan kepada usul yang saya ada cadangkan bahawa ada sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen ditubuhkan dengan tujuan yang saya ada sebutkan.

Oleh kerana satu Jawatankuasa Pilihan Parlimen seumpama itu bukan sahaja hendaklah menjalankan pengkajian menyeluruh ke atas undang-undang yang menyekat perjalanan demokrasi berparlimen tetapi juga ke atas perkembangan-perkembangan yang berlaku di dalam Dewan Rakyat berkait dengan perubahan-perubahan kepada Peraturan Majlis Mesyuarat, Konvensyen-konvensyen dan tradisi-tradisi Parlimen yang telah menurunkan darjat Parlimen kepada sebuah "appendage" atau tambahan kepada Kerajaan yang memerintah.

Parlimen hendaklah diletakkan semula di tempat dan peranan asalnya sebagai Dewan Perundangan dan perbincangan yang tertinggi sekali agar demokrasi berparlimen dapat diberi makna dan isi yang lebih dengan laluan setiap tahun dan bukan sebaliknya dicekik secara progresif sehingga menjadi sebuah dewan rubber stamp.

Jawatankuasa Pilihan Parlimen hendaklah juga diberi kuasa yang luas dan tugas yang luas untuk memeriksa kecekapan institusi-institusi dan sistem-sistem Parlimen. Umpamanya, ia harus menimbang sama ada Dewan Negara hanyalah satu "sham" dan langsung tidak relevan serta Gajah Putih yang telah menggalakkan tujuan perlembagaannya untuk menjadi sebuah dewan pengkajian semula

(review chamber) untuk mengkaji undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Dewan Negara telah digunakan secara terang-terang sebagai tempat buangan bagi mereka yang gagal dalam politik atau "political rejects" atau calon-calon partai-partai komponen Barisan Nasional yang tewas. Cara sinis dengan mana perlantikan-perlantikan ke Dewan Negara dianggap sebagai spoils of office dapat dilihat dalam perebutan untuk kerusi Dewan Negara di Kedah oleh kedua-dua puak MCA baik pun puak Neo Yee Pan dan Puak Tan Koon Swan.

Akibat perebutan kuasa dalam MCA, kebuntuan telah berlaku berhubung dengan perlantikan seorang Senator MCA dari Kedah. Akhirnya, satu kompromi telah dicapai di mana Bee Yang Sek dari puak Tan Koon Swan dalam MCA telah dilantik untuk berkhidmat separuh penggalnya sahaja iaitu selama 18 bulan sementara baki 18 bulan yang lain dalam penggal 3 tahun itu akan dipenuhi oleh Chan Kok Hong dari puak Neo Yee Pan.

Apakah yang akan terjadi sekiranya satu hari nanti katakanlah terdapat enam puak dalam MCA? Apakah ini akan bermakna tempoh 3 tahun seorang Senator akan dibahagikan kepada enam bahagian untuk membolehkan enam orang bergilir-gilir menjadi Senator, setiap daripadanya selama enam bulan?

Perihal memendekkan penggal seorang Senator kepada satu penggal yang singkat untuk membolehkan calon-calon atau pihak-pihak yang bersaing berkompromi bukan sahaja adalah terlalu sinis tetapi juga mencabuli semangat Perlembagaan dan demokrasi berparlimen.

Ini menunjukkan bahawa kriteria bagi pemilihan seorang Senator bukanlah bergantung kepada mana satu calonnya yang mempunyai

kelayakan yang tertinggi sekali untuk berkhidmat dalam Dewan Negara tetapi kepada sebaik mana kepentingan calon-calon, puak-puak atau partai-parti Komponen Barisan Nasional yang bersaing dapat dipenuhi, dan ini memalukan Dewan Negara pada keseluruhannya serta sistem demokrasi berparlimen kita.

Partai saya menyeru supaya Dewan Negara dipilih atau dimansuhkan untuk memastikan institusi-institusi yang tidak membawa apa-apa manfaat kepada negara tidak dibiarkan membazirkan wang negara.

Perlembagaan Negara mempunyai peruntukan-peruntukan untuk mengadakan sebuah Dewan Negara yang dipilih. Umpamanya, Perkara 45 (4) memperuntukkan bahawa Senator-senator dari setiap negeri dipilih secara langsung oleh pemilih-pemilih Negeri tersebut (direct vote of the electors of the State), bilangan ahli-ahli yang dipilih oleh setiap negeri boleh ditambah kepada tiga serta bilangan Senator-senator yang dilantik boleh dikurangkan atau dimansuhkan sama sekali.

Maka Jawatankuasa Pilihan Parlimen mempunyai bidang yang luas untuk mengkaji dan melaporkan dan saya tidak ragu-ragu bahawa sekiranya Jawatankuasa Pilihan Parlimen seumpama itu ditubuhkan, ia akan merupakan satu tanda penting atau "milestone" dalam perkembangan demokrasi berparlimen di Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah ada yang menyokong iaitu Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Ya, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching menyokong?

Tuan Sim Kwang Yang: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat.

4.15 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, tadi Ketua Pembangkang merangkap Setiausaha Agong DAP Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menganalisis secara terperinci butir-butir penghakisan yang berterusan ke atas prinsip-prinsip asas demokrasi berparlimen bersempena dengan ulang tahun ke-25 Parlimen negara kita. Ini juga termasuk perkara meraupkan kekuasaan institusi-institusi perundangan dan perhakiman serta wujudnya institusi eksekutif sebagai badan yang lebih berkuasa sehingga Parlimen telah diturunkan tarafnya kepada hanya sebagai sambungan institusi eksekutif tersebut sahaja.

Di dalam demokrasi berparlimen ketiga-tiga institusi ini iaitu eksekutif, perhakiman dan perundangan mestilah diasingkan, hak-hak asasi serta kebebasan manusia di samping penghormatan dan pemerintahan hak-hak perbantahan juga mestilah wujud di dalam negara kita. Dengan lain perkataan, Kerajaan yang mengamalkan demokrasi berparlimen mestilah belajar hidup bersama-sama dengan mereka yang membantah. Pada 12hb Julai tahun ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bahawa majoritilah yang akan memerintah (majority must rule). Tambahan lagi tugas seorang pemimpin adalah untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara dan bukan untuk diri sendiri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menambah, seseorang pemimpin adalah wakil suara orang ramai walaupun mereka ini bebas untuk mengemukakan pandangan-pandangan mereka tetapi pandangan majoriti juga mesti turut serta diterima

untuk menjamin bahawa pendapat majoriti akan dihormati oleh yang lain. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah suatu aspek prinsip-prinsip demokrasi berparlimen.

Kita pernah mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyarankan kepada ahli-ahli UMNO supaya menghormati kehendak serta pendapat majoriti. Di satu pihak yang lain kita masih belum kedengaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan tanpa sebarang syarat prinsip-prinsip demokrasi ini terutamanya di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan akhbar pada 22hb April tahun ini Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas bersama-sama dengan Tun Datu Mustapha telah cuba merampas kuasa di Sabah melalui pembentukan sebuah Kerajaan campuran di antara Parti BERJAYA dengan USNO. Pada jam 3.40 pagi hari itu Ahli Yang Berhormat tersebut telah menelefon Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mendapatkan kebenaran berbuat demikian, akan tetapi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak dapat memberikan kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat tersebut. Seterusnya pada pukul 5.30 pagi hari yang sama Tun Datu Mustapha telah dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah yang baharu setelah berjaya kononnya mempengaruhi Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Fasal 6 Perlembagaan Sabah telah dipergunakan bagi membolehkan Kerajaan campuran tersebut memperolehi lebih banyak kerusi di Dewan Undangan Negeri Sabah daripada parti yang berjaya iaitu Parti Bersatu Sabah (PBS). PBS telah memenangi 26 daripada 48 buah kerusi manakala BERJAYA dan USNO masing-masing memenangi 6 buah kerusi dan 16 buah kerusi. Hanya pada jam 8.15 malam itu baharulah Ketua Menteri yang sah dan berhak iaitu

Datuk Joseph Pairin Kitingan yang berjaya mengumpul 4,104 undi daripada 4,872 undi yang dibuang, manakala Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas telah kalah kepada Encik Kadoh Agundong dengan 1,727 undi berbanding dengan 2,622 undi daripada jumlah 4,858 undi yang dibuang selepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menasihatkan Yang Berhormat dari Ulu Padas jangan menubuhkan satu Kerajaan campuran dan sementara Yang di-Pertua Negeri Sabah disuruh menarik balik perantikan Tun Datu Mustapha.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersikap bisu dari mengenai keseluruhan isu ini. Dari pandangan demokrasi berparlimen, keputusan serta tindakan yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada pagi 22hb April tahun ini adalah selaras dengan prinsip-prinsip asas demokrasi berparlimen dan kami mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana kewibawaan mengambil sikap yang demikian.

Tuan Yang di-Pertua, kemenangan PBS membolot 26 daripada 48 buah kerusi itu telah menunjukkan dengan jelasnya bahawa PBS memanglah parti terpilih oleh majoriti dan telah diberi tanggungjawab memerintah negeri Sabah. Sebarang pakatan usaha memutarbelitkan kebenaran dan percubaan untuk menghasilkan porak-perandaan supaya memperdayakan pihak Kerajaan Persekutuan untuk campurtangan dalam negeri Sabah adalah bertentangan dengan prinsip-prinsip demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, pada 7hb Julai tahun ini bekas Ketua Menteri Sabah iaitu Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas di dalam satu majlis makan tengahari dengan Ketua-ketua Jabatan-jabatan Persekutuan telah

menyeru kepada pegawai-pegawai tersebut supaya jangan didesak melakukan kerja atau bertindak dalam cara yang tidak selaras dengan konsep-konsep rancangan-rancangan dan dasar-dasar Barisan Nasional. Ahli Yang Berhormat tersebut sebenarnya tidak berhak untuk mengucapkan perkataan-perkataan sedemikian di khalayak ramai. Apakah agaknya tujuan Ahli Yang Berhormat untuk berbuat demikian?

Tuan Yang di-Pertua, Haji Abdul Malek Chua telah membuat suatu kenyataan akhbar bahawa Kerajaan PBS mengimport pekerja-pekerja yang beragama Kristian. Sejauh mana yang diketahui oleh saya, ini adalah karut sama sekali. Beberapa akhbar yang kurang bertanggungjawab telah memperheboh-hebohkan perkara ini dengan hasrat untuk mengapi-apikan perasaan orang ramai mengenai isu-isu agama.

Terdapat banyak contoh lagi di mana isu-isu perkauman dikemukakan untuk melemahkan sistem demokrasi, untuk melemahkan Kerajaan PBS. Segelintir orang ini berbuat demikian kerana bertujuan untuk mewujudkan kekeliruan dan porak-perandaan supaya pihak Kerajaan Persekutuan dapat mencampurtangan.

Keadaan yang meledak di negeri Sabah telah merosot sedikit menjadi permulaan peperangan ala-Beirut di mana pengeboman berlaku di beberapa tempat di Sabah. Dua letupan bom yang awal sekali berlaku di dalam sebuah Kompleks Membeli-belah di Segama, Kota Kinabalu, letupan ketiga berlaku pada 4hb Jun, 1985 di luar sebuah kedai kopi di Tanjung Aru, Kota Kinabalu. Walaupun kedua-dua letupan yang awal tidak menyebabkan kecederaan yang serius kepada orang ramai tetapi letupan yang ketiga itu telah mengakibatkan kematian seorang nelayan di samping mencederakan 4 orang yang lain. Kumpulan orang yang

tersebut di atas tadi dipercayai adalah bertanggungjawab bagi perbuatan yang keji ini, walaupun Kerajaan masih ataupun Polis masih menjalankan siasatan yang selanjutnya untuk mengetahui siapa yang bertanggungjawab dan atas tujuan apakah letupan-letupan melibatkan bom ala-Beirut ini diadakan.

Saya telah diberitahu bahawa golongan ekstrimisme ini sama ada dari negeri Sabah ataupun dari Semenanjung Malaysia bertekad untuk menghasilkan kacau-bilau di Sabah dengan harapan Kerajaan Pusat akan mengumumkan keadaan darurat dan seterusnya keputusan pilihanraya dimansuhkan dan mereka juga berharap bahawa suatu pilihanraya yang baru dapat diadakan di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, daripada salah satu akhbar Jawi di negara kita dipaparkan pada halaman pertamanya laporan-laporan seperti berikut:

Pada 21hb Mei, 1985—"USNO tuntutan haknya melalui Mahkamah—Yahya Lampong. Kedudukan Kerajaan baru Sabah tercabar." Di halaman pertama dan besar, dan ini dapat mengelirukan. Nampaknya pihak yang tertentu sengaja memperheboh-hebohkan perkara ini untuk menambahkan kacau-bilau di negeri Sabah.

Pada 22hb Mei, juga di halaman yang pertama akhbar tempatan yang sama—"Menurut Perlembagaan Yang di-Pertua. Negeri tidak boleh melucutkan jawatan Ketua Menteri. Kerajaan PBS tidak sah—Tun Datu Mustapha."

Dan hari yang ketiga pula berturut-turut, 23hb Mei, 1985—"Halang Pairin jalankan tugas Ketua Menteri—USNO kemukakan saman di Mahkamah Tinggi."

Jadi satu gambaran diadakan oleh setengah-setengah akhbar tempatan untuk memperhebohkan perkara-perkara yang boleh mendatangkan porak-perandaan di negeri Sabah. Terdapat banyak lagi surat-surat khabar yang mempermain-mainkan serta menghasut sentimen-sentimen tersebut seolah-olah mereka ini ingin meletuskan satu perang di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian pihak Kerajaan mestilah menyasiat kegiatan-kegiatan golongan ekstrimis ini. Mereka yang tertangkap haruslah dikenakan hukuman yang tegas. Mereka yang bermain dengan api harus dihadapkan ke hadapan mahkamah untuk menerima hukuman yang berpatutan. Mengapakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hanya membisukan diri sahaja sepanjang masa peristiwa-peristiwa seperti ini berlaku? Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mempunyai sepatah dua perkataan pun yang hendak diucapkan mengenai perkara-perkara ini?

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, di dalam sistem Kerajaan kita, pihak Kerajaan Negeri mestilah hidup bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dan sebaliknya pihak Kerajaan Pusat juga mesti hidup bekerjasama dengan Kerajaan Negeri walaupun ianya adalah terdiri daripada parti Pembangkang. Selanjutnya kita juga menanti-menanti amaran daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada mereka yang ingin menyebabkan kacau-bilau di negeri Sabah. Jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengeluarkan amaran seperti ini maka kedua-dua pihak Parti USNO dan BERJAYA akan terpaksa menerima teguran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi amaran kepada Kerajaan PBS bahawa tidak sesiapa pun yang

diberi hak memerintah daripada Tuhan, dengan izin, "no one has the devine right to rule." Pihak Kerajaan PBS telah membuat janji-janji bahawa mereka akan menubuhkan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Janji-janji tersebut mestilah ditepati. Kerajaan Sabah yang baru ini mestilah menjauhi diri daripada dipengaruhi oleh kegiatan rasuah. Jika pemimpin-pemimpin PBS didapati terlibat di dalam kegiatan-kegiatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa, maka rakyat Sabah juga berkuasa untuk membubarkan Kerajaan ini melalui proses pilihanraya, sama seperti yang pernah dialami oleh Kerajaan Tun Datu Mustapha dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Padas.

Tuan Yang di-Pertua, saya menekankan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus membuat satu kenyataan yang berterus terang mengenai keadaan Negeri Sabah mengikut prinsip-prinsip demokrasi berparlimen bahawa kehendak atau kemahuan orang ramai mestilah diutamakan. Tindakan yang tegas harus diambil terhadap sesiapa yang mencuba untuk melemahkan demokrasi serta menimbulkan kacau-bilau di dalam negara ataupun di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan keperluan untuk satu pengkajian semula ke atas taraf demokrasi berparlimen yang wujud di dalam negara kita. Satu langkah yang wajar dilakukan untuk menentukan semangat dan nilai-nilai demokrasi berparlimen bertentangan dengan sistem pemerintahan yang alternatif, sistem diktator, sistem otokrasi dan otoritarian itu yang kami tidak mahu dan saya percaya rakyat Malaysia tidak mahu. Sebab itulah kita terpaksa mengkaji semula akan nilai-nilai dan amalan demokrasi berparlimen negara kita. Walaupun pada tiorinya Parlimen merupakan satu badan yang bebas dan berasingan daripada Kerajaan, tetapi

Malaysia pada praktisnya seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka, Parlimen bukan sahaja dikongkong tetapi juga diperalatkan oleh pihak Kerajaan sebagai sebuah "rubber stamp" bagi undang-undang yang pihak tersebut hendak meluluskan.

Ahli-ahli Parlimen dari parti Pembangkang kurang mendapat peluang menyuarakan kehendak rakyat yang mereka mewakili dengan berkesannya disebabkan oleh pelbagai perubahan yang dilakukan ke atas susunan serta kandungan atau urusan mesyuarat. Contohnya di mana pada masa dahulu Ahli-ahli Parlimen dibenar mengemukakan Rang Undang-undang Ahli-ahli Persendirian untuk mencadangkan undang-undang mereka yang baru. Pihak Kerajaan yang bermaharajalela telah menggunakan kekuasaan yang secara tidak langsung diberi kepada mereka oleh rakyat umum dalam pilihanraya umum ketika memilih mereka sebagai wakilnya untuk meminda Peraturan Mesyuarat dan seterusnya menubuhkan peruntukan tersebut menerusi pengubahan susunan Aturan Urusan Mesyuarat di Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, di samping ini Rang Undang-undang yang penting seperti Rang Undang-undang Perlembagaan, Rancangan Malaysia sama ada kedua, ketiga, keempat selalunya dibentangkan secara terburu-buru sehingga Ahli-ahli Parlimen tidak mempunyai jangka masa yang mencukupi untuk meneliti dengan mendalam dan cermatnya Rang Undang-undang tersebut. Tambahan lagi masa perdebatan yang dibenarkan di dalam Parlimen amatlah singkat. Hasilnya adalah undang-undang yang kadangkalanya adalah berat sebelah serta belum dipertimbangkan dengan menyeluruh dan baiknya telah diluluskan. Ini bukan sahaja menyebabkan kehendak sebahagian daripada masyarakat

negara ini tidak dapat dikemukakan, akan tetapi ia akan menghasilkan juga pembaziran sumber-sumber pengeluaran apabila sesuatu rancangan tersebut gagal. Pada akhirnya rakyat jelatalah yang perlu memikul beban hutang dan menerima akibat tindakan Kerajaan. Ini adalah sangat tidak adil memandangkan bahawa pada permulaannya iaitu pada masa pembentangan dasar-dasar tersebut, wakil-wakil mereka ini tidak diberi peluang dan masa yang mencukupi untuk membahaskannya. Seperti yang boleh kita lihat dengan Dasar Ekonomi Baru, sekarang lima belas setengah tahun selepas pelaksanaan pihak pemerintah mengakui kaedah-kaedah tidak sempurna dan kadar pertumbuhan tidak mencukupi untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru dari kebanyakan aspek termasuk pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, jika demokrasi berparlimen benar-benar wujud, maka ada kemungkinan besar bahawa setengah-setengah dasar tersebut mungkin akan diluluskan setelah beberapa pembaikan dibuat ke atasnya. Dengan cara ini, jika rancangan-rancangan itu juga gagal, maka rakyat sekalian juga akan bersedia memikul beban kesalahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi contoh yang dapat menunjukkan sikap acuh tak acuh serta mempersendakan institusi Parlimen yang mulia itu adalah ketika korum digunakan sebagai alasan untuk menjejaskan peluang serta hak Ahli-ahli Parlimen daripada parti Pembangkang daripada menyuarakan ucapan-ucapan dan kemahuan-kemahuan rakyat jelata. Memandangkan bahawa Parlimen adalah satu tempat di mana setiap ahli diberi peluang yang sama untuk berucap dan menyuarakan ketidakpuasan mereka terhadap sebarang dasar Kerajaan, perbuatan menggunakan korum adalah tidak

demokratik dan peluang yang telah diperuntukan bagi urusan tersebut merupakan satu cemuhan ke atas Parlimen dan segala yang terkandung di dalam peranannya.

Tuan Yang di-Pertua, dapatkah kita menentukan bahawa negara kita adalah berdemokrasi berparlimen serta adil jika hanya parti pemerintah sahaja dibenarkan untuk mengadakan kegiatan-kegiatan perhimpunan, rapat umum yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka. Malahan kongkongan pihak pemerintah ke atas media massa, surat-surat khabar tempatan yang disekek dengan teruk sehingga suara pihak Pembangkang jarang disiarkan kecuali yang buruk yang sengaja memburukkan imej parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan bahawa di dalam demokrasi berparlimen, rapat-rapat umum terpaksa dibenarkan supaya rakyat jelata dapat mendengar, dapat mengetahui, dapat menyedari pendapat-pendapat sama ada daripada pihak pemerintah ataupun daripada pihak pembangkang terutamanya di masa pilihanraya dan dengan kesedaran ini, dengan pengetahuan ini, mereka dapat memilih pihak yang layak untuk memerintah negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, pihak parti yang memerintah dan Kerajaan harus menunjukkan keikhlasan mereka untuk berkhidmat kepada rakyat sekalian tanpa mengira kaum dan kepada negara dengan mengkaji semula demokrasi berparlimen serta prosedur-prosedur termasuk prosedur-prosedur kewangan Parlimen negara kita. Aturan-aturan Mesyuarat Parlimen harus dirombak semula supaya melahirkan sebuah Parlimen yang lebih ideal, lebih sempurna dan mengembalikan kepadanya status yang

mulia yang merupakan hak semula jadi institusi Parlimen dan rakyat negara Malaysia.

Sebagai sebuah negara yang berdemokrasi berparlimen rakyat jelata juga berhak untuk mengetahui butir-butir siasatan skandal BMF seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dalam bentuk asalnya tanpa ditokok-tambahkan maklumatnya, dan pesalah-pesalah yang terlibat harus juga dihukum melalui mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang menghargai demokrasi berparlimen saya mempercayai pergolakan politik yang saya sebutkan di negeri Sabah membayangkan kesedaran rakyat, ia boleh menjadi satu contoh untuk pendidikan, sosial dan semangat demokrasi berparlimen. Ia juga menunjukkan terdapatnya setengah-setengah nilai dan sistem politik yang terdapat di Sabah yang boleh menukarkan pemerintah yang korup dan pemerintah yang diktator. Sementara itu masih wujud banyak kelemahan-kelemahan di dalam sistem politik termasuk pemimpin-pemimpin walaupun kalah di tangan rakyat masih sanggup melakukan apa sahaja untuk merampas kuasa bertentangan dengan kemahuan rakyat.

Dari segi ini, pemimpin-pemimpin USNO dan BERJAYA telah menonjolkan sikap dan tindakan yang tidak mempunyai unsur, prinsip-prinsip demokrasi berparlimen termasuk peristiwa rampas merampas kuasa. Kami mempunyai tanggungjawab mendidik prinsip-prinsip demokrasi berparlimen kerana alternatifnya yang saya sebutkan tadi seperti sistem diktator dan autokrasi adalah tidak sesuai untuk negara yang berbilang bangsa ini.

Kami mempunyai tugas untuk memelihara nilai-nilai yang sihat untuk menegakkan demokrasi berparlimen. Sebaliknya amalan-amalan yang tidak

demokratik seperti pengharaman rapat umum, penggunaan akta-akta yang mencabuli hak-hak asasi manusia misalnya Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan orang-orang yang memperolehi ideologi yang tidak serupa dengan Kerajaan, sekatan ke atas kebebasan bercakap dan sebagainya telah melemahkan sistem demokrasi berparlimen di negara ini. Kerana kongkongan Akta dan kuasa eksekutif inilah yang menyebabkan banyak orang yang tidak berani menyoalkan kewibawaan pihak pemerintah. Mereka takut di tahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Hanya Akta-akta yang menghakiskan hak-hak asasi manusia tidak akan mewujudkan kestabilan di negara ini. Dengan tiga perkara dunia ini diselenggarakan. Dengan keadilan, dengan kebenaran dan dengan keamanan. Dengan kesedaran dan pendidikan yang sentiasa hendak dipupuk oleh semua pihak nilai semangat demokrasi berparlimen di kalangan rakyat dapat dipertingkatkan. Dengan kesedaran nilai, semangat dan kemahuan rakyat inilah demokrasi berparlimen yang lemah ini dapat diperkukuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila politik duit menjadi satu amalan biasa yang dibangkit-bangkitkan juga oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri-menteri yang lain seperti yang Berhormat Menteri Pertanian, maka wujudlah satu sistem pemerintahan plutokrasi iaitu Kerajaan oleh orang yang kaya untuk orang yang kaya dan dengan orang yang kaya seperti yang timbul masa kini. Kalau seorang calon hendak menjadi Ketua Bahagian terpaksa membelanjakan misalnya \$600,000 ataupun \$800,000 saya tidak dapat mempercayai calon-calon seperti ini walaupun menang ataupun kalah dapat menjalankan tugas dengan bersih, cekap dan amanah kerana wang yang telah dilaburkan itu telah

banyak. Dan kerana itulah sekali lagi saya menyokong cadangan Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya satu pengkajian semula diadakan ke atas sistem demokrasi berparlimen supaya sistem plutokrasi yang kita lihat sekian hari ini dapat dihapuskan dan diganti dengan pemerintahan demokrasi berparlimen yang tulen iaitu Kerajaan oleh rakyat dengan rakyat untuk rakyat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Balik Pulau.

4.49 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menentang dengan sekeras-kerasnya cadangan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang Tuan Lim Kit Siang yang menyatakan bahawa demokrasi berparlimen di Malaysia ini sudah banyak terhakis.

Pada mulanya saya mengharap hujah-hujah yang baru, bukti-bukti yang jelas yang akan menyokong pendapat Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan rakannya tadi dari Kepong. Setelah saya meneliti ucapan-ucapan kedua-dua beliau itu tidak ada perkara yang baru. Apa yang dibangkitkan hujah yang besar, hutang BMF. Saya fikir sudah 20 kali dia cakap hutang BMF ini, semua orang tahu. Ini tidak ada lain, tidak ada bahan lain, tidak ada perkara-perkara lain yang hendak dibangkitkan. Kemudian dibangkitkan pula masalah tidak boleh adakan rapat umum. Itu pun masalah lama. Tidak ada masalah baru.

Kemudian kebebasan akhbar. Saya fikir di Malaysia ini kita terlalu memberi kebebasan kepada suratkhbar, tetapi Ketua Pembangkang tidak pula mengkritik, ada sebuah Kerajaan, bekas bossnya dahulu hanya membenarkan sebuah suratkhbar sahaja disiarkan, dicetak di negaranya, ini ditutup mata sebab itu bekas bossnya dan sebagainya. Tetapi

di Malaysia ada berpuluh-puluh suratkhobar, berbagai-bagai majalah diberi kebebasan untuk menyatakan perasaan, untuk menyatakan pendapat dibiarkan diberi peluang. Kata Yang Berhormat dari Kepong tadi, suratkhobar di Malaysia ini tidak pernah menyiarkan suara-suara dan pendapat dari ahli pembangkang. Saya fikir ini satu pembohongan yang nyata.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat terutama suratkhobar *The Star*, ucapan-ucapan pihak pembangkanglah menjadi tajuk beritanya, sampai ada orang bergurau menyatakan walaupun suratkhobar *The Star* ini dipunyai, dibiayai oleh MCA, dijalankan, diuruskan oleh MIC bagi pihak DAP. Ini cakap-cakap orang ramai, saya hendak beritahu dalam Dewan ini bahawa di Malaysia demokrasi berparlimen itu lebih daripada had yang patut, kalau kita lihat negara-negara lain tak semacam negara kita ini memberi kebebasan bercakap, kebebasan bersuara dan sebagainya. Jadi DAP mendapat media massa yang percuma dan ini semua orang sedar, semua pihak sedar dan kita beri peluang, tidak ada satu langkah yang dibuat oleh pihak tuan punya suratkhobar untuk membuang Ketua Pengarang kerana menyiarkan ucapan-ucapan Ketua Pembangkang lebih daripada tuan punyanya sendiri. Ini menunjukkan betapa demokrasinya Kerajaan kita.

Yang Berhormat daripada Kepong tadi ini bertanya Perdana Menteri kita ini diam sahaja terhadap apa yang berlaku di Sabah, tidak bercakap, tidak bersuara.

Kita di dalam parti Barisan Nasional sentiasa membahagi-bahagikan tugas, kalau seorang sudah bercakap orang lain tidak payah bercakap, berlainan dengan DAP yang boleh bercakap hanya Lim Kit Siang ketuanya, betul atau tidak? Kalau orang lain bercakap—pecat, berapa orang yang cuba menentang ketua DAP ini

dipecat, dia sebagai Setiausaha lebih daripada Yang di-Pertuanya. Presiden DAP itu tidak boleh bercakap apa-apa—diam, dia kata duduk—duduk. Ini dia demokrasi yang dimahu oleh DAP.

**Seorang Ahli Yang Berhormat:
Betul!**

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:
.....dia beri arahan, selalu kita tengok di hantar surat kecil, awak bercakap, awak bercakap pada orang dia. Kita diberi kebebasan, saya tidak disuruh oleh Whip bercakap pada hari ini kerana ini spontan, kita rasa apa yang dibawa oleh pihak DAP tidak betul. Kalau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah bercakap hal Sabah sudah mengambil tindakan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak payah lagi, kerana tugas itu kita membahagi kita mempunyai kerja yang banyak, tugas yang banyak, kita bahagi-bahagikan, ini nama demokrasi, bukan sebagai DAP hanya seorang sahaja boleh bercakap, jurucakap DAP ialah Setiausaha Agongnya, Presidennya diam, orang-orang lain tidak boleh bercakap. Adakah demokrasi ala DAP yang disetujui oleh DAP kita? Kita hendak tahu.

Satu lagi bukti yang nyata bahawa demokrasi berparlimen masih berjalan di negara kita ini adalah kemenangan sebuah Kerajaan Pembangkang di Sabah bila PBS memang, maka bersoraklah parti pembangkang dan Setiausaha Agongnya telah awal-awal lagi pergi mengadap Ketua Menteri yang baru. Tujuan dibawa perkara-perkara mengenai Kerajaan Sabah yang ditimbulkan oleh DAP ini bukan kerana demokrasi sudah dihakis, tetapi dia cuba hendak ambil hati, hendak jadi pejuang, hendak menjadi pembela bagi pihak PBS supaya PBS ini masuk ataupun bersekutu dengan DAP, tetapi setakat ini tindakan yang dibuat oleh DAP ini tidak mendapat layanan yang baik daripada PBS dan ini sesuai

dengan pepatah Melayu yang menyatakan "Hidung tak mancung, pipi tersorong-sorong" (*Tepuk*).

Dalam Dewan ini dua orang ahli pembangkang membela lagi PBS dan Ketua Pembangkang sanggup dalam ucapannya, saya catat di sini menuduh Kerajaan yang menggalakkan ugutan, letupan bom yang berlaku di Sabah. Saya minta Yang Berhormat dari Kota Melaka di atas tuduhannya itu kalau berani betul-betul beritahu Kerajaan yang buat ini supaya boleh membuktikan bahawa kejadian bom, ugutan dan sebagainya yang berlaku di Sabah itu betul dibuat oleh Kerajaan, beliau mesti buktikan tuduhan itu dengan bukti-bukti yang nyata, tidak boleh membuat tuduhan liar begitu.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ketua Pembangkang minta penjelasan, adakah Yang Berhormat izinkan?

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Masa beliau bercakap tadi saya tidak ganggu.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak beri jalan—kalau takut tidak apa.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya tidak takut.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Bukan bila saya tidak beri peluang dia hendak tanya bererti saya takut—tidak, tetapi supaya bahan-bahan yang saya hendak cakap ini boleh saya sambung dengan baik dan dengan licin, tidak mahu ada gangguan-gangguan dan saya beri peluang, ahli-ahli kita daripada pihak Barisan Nasional memberi peluang kepada beliau bercakap, bukan sahaja memberi peluang kepada beliau bercakap, tetapi memberi peluang kepada beliau mengemukakan cadangan ini yang menyatakan demokrasi kita sudah terhakis. Ini sekali lagi menunjukkan

bahawa demokrasi kita tidak terhakis, peluang kita beri kepada Ketua Pembangkang membawa usulnya, menyatakan perasaannya, menyatakan fikiran dan pendapatnya dalam Parlimen ini. Di sinilah tempat orang hendak bercakap, kalau di sini kita kongkong, kita tahan, kita boleh dengan majoriti yang ada pada kita, kita boleh tahan usul Ketua Pembangkang ini daripada dibawa dan dikemukakan kepada Dewan. Tetapi di dalam briefing Pre-Council kelmarin kita diarah, kita beri peluang kepada Ketua Pembangkang bercakap, kita berani jawab, berani kerana benar, bukan kerana kita takut.

Tuan Lim Kit Siang: Dia sudah akui, Tuan Yang di-Pertua, patut dia dapat arahan, itu satu pengakuan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya tidak beri peluang beliau bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Mendapat arahan Whip.....

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan arahan, kita adakan perjumpaan macam mana kita hendak adakan peraturan, kita hendak bercakap, sebab ramai daripada Backbenchers kami menentang hendak memberi peluang kepada Ketua Pembangkang bercakap dalam mengemukakan usul-usul yang tidak berfaedah, tetapi pihak Kerajaan hendak menyatakan, hendak menunjuk bahawa negara kita ini betul-betul demokrasi, maka kita beri peluang semua orang boleh bercakap dan ketua pembangkang mengemukakan usulnya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana beliau telah menjalankan satu usaha iaitu dengan mengarahkan pihak-pihak yang tertentu menubuhkan Kerajaan

dan pihak-pihak yang tertentu pula menarik diri daripada Kerajaan dan jangan mengganggu demokrasi berparlimen di negeri Sabah.

Ini sekali lagi membuktikan kita mempunyai tanggungjawab. Kita sedar bahawa negara kita ini mengamalkan demokrasi berparlimen, maka itu Kerajaan sendiri yang ambil tindakan, bukan Ketua Pembangkang, bukan pihak DAP. Kerajaan yang memastikan bahawa demokrasi berparlimen di Malaysia ini berjalan dan akan berjalan beberapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pembangkang tadi menyatakan kebebasan akhbar sudah tidak ada lagi. Saya ingin menyoal beliau dan memberitahu Dewan ini di manakah negaranya di mana orang boleh bercakap sesuka hati dalam akhbar? Di mana negaranya yang pihak tuan punya suratkhbar boleh membiarkan siaran-siaran dalam akhbarnya sesiapa juga boleh menyatakan pendapat, sama ada pendapat itu berlawanan dengan dasar sesebuah akhbar dan sebagainya. Saya fikir tidak ada tetapi barangkali beliau boleh dapat menunjukkan mana-mana negara, terutama negara di kawasan kita ini, negara-negara di sekeliling kita ini yang memberi kebebasan yang tidak terhingga kepada suratkhbar-suratkhbar. Apa yang kita tahu ada negara-negara yang suratkhabarnya itu langsung di bawah arahan Kerajaan, Pihak Berkuasa di negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong tadi telah memberi satu hujah, hujahnya itu modalnya dia ambil daripada ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan beliau menyeru semua ahli-ahli UMNO supaya memastikan orang-orang yang bertanding untuk merebut jawatan dalam UMNO itu hendaklah jangan

menggunakan duit dan pihak ahli-ahli diminta supaya orang-orang yang macam ini disingkirkan daripada parti. Ini menunjukkan bahawa kita mengamalkan demokrasi. Walaupun perkara yang buruk itu berlaku atau akan berlaku, tetapi kita daripada awal lagi sudah memberi amaran dan tindakan akan diambil terhadap orang-orang yang berkenaan. Ini bukan bererti sudah berleluasanya perkara ini dalam UMNO tetapi ini adalah amaran awal yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada ahli-ahli parti menyedarkan mereka akibat sekiranya ahli-ahli parti membiarkan orang-orang yang tertentu menggunakan duit untuk mendapatkan kuasa. Ini adalah seruan pihak Parti Barisan Nasional, khususnya Parti UMNO, kita berani bercakap, berani menegur ahli-ahli kita di khalayak yang ramai supaya menentukan bahawa pilihan terhadap ketua-ketua yang akan meneraju Parti UMNO ini terdiri daripada orang-orang yang benar jujur, yang betul-betul ikhlas, yang betul-betul layak untuk memimpin parti, negara dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak ada perkara-perkara lain, perkara-perkara baru yang telah dibangkitkan oleh kedua-dua orang wakil tadi, pembawa usul dan penyokong usul, perkara-perkara baru yang hendak kita cakapkan. Masalah BMF yang beliau rasa kesal atas maklumat yang disiarkan oleh suratkhbar mengenai kenyataan oleh Peguam Negara. Peguam Negara menyatakan perkara yang benar bahawa dalam Perlembagaan Malaysia tidak ada satu perbekalan di mana orang-orang yang melakukan kesalahan di luar negeri pihak kita ini boleh membicarakan mereka dalam negeri. Saya yakin sebagai seorang peguam, Yang Berhormat dari Kota Melaka faham perkara ini dan tahu perkara ini, kalau kita tidak mempunyai perbekalan undang-undang bagaimana kita

hendak ambil tindakan. Maka itu, sesuatu langkah mestilah dibuat, barangkali menambah ataupun membuat pindaan terhadap Perlembagaan kita ini supaya membolehkan pihak Kerajaan mengambil tindakan terhadap rakyat Malaysia yang melakukan kesalahan orang-orang yang melakukan kesalahan di luar negeri pihak kita ini boleh membicarakan mereka dalam negeri. Saya yakin sebagai seorang peguam, Yang Berhormat dari Kota Melaka faham perkara ini dan tahu perkara ini, kalau kita tidak mempunyai perbekalan undang-undang bagaimana kita hendak ambil tindakan. Maka itu, sesuatu langkah mestilah dibuat, barangkali menambah ataupun membuat pindaan terhadap Perlembagaan kita ini supaya membolehkan pihak Kerajaan mengambil tindakan terhadap rakyat Malaysia yang melakukan kesalahan di luar daripada Malaysia. Saya yakin perkara ini Kerajaan bukan berdiam diri sahaja, tetapi untuk mengambil satu tindakan undang-undang membawa orang-orang ini ke muka pengadilan mestilah dengan bukti-bukti yang nyata, bukti-bukti yang cukup, bukan seperti Ketua Pembangkang kita ini dia dengar desas-desus satu perkara terus bawa, ini kita mesti buat untuk menunjukkan bahawa beliau sahaja yang sanggup bertindak dengan serta-merta, tetapi dalam perkara undang-undang ini kita faham mestilah kita mengambil masa supaya kita dapat membuat undang-undang yang berkesan supaya tindakan kita ini boleh membawa ke muka pengadilan mereka yang terlibat itu dan bila kita bawa dan bila ada bukti-bukti yang cukup, bolehlah pihak mahkamah mengambil tindakan menghukum orang-orang yang berkenaan. Tanpa bukti-bukti yang cukup dan jelas, maka kita tidak dapat berbuat apa-apa terhadap mereka ini kerana negara kita ini menjadikan undang-undang itu sebagai satu perkara menjunjung kedaulatan

undang-undang. Kita mesti mempunyai bukti-bukti yang jelas untuk menghukum seseorang rakyat yang dituduh membuat kesalahan. Kalau tidak cukup bukti-bukti, kita tidak dapat menghukum seseorang, inilah yang dinamakan demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan sebelum saya duduk, saya sekali lagi menentang dengan sekeras-kerasnya usul yang dibawa oleh pihak Ketua Pembangkang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.07 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau mengakui bahawa hakikat pembawa usul adalah sememangnya tidak mempunyai sesuatu apapun yang penting untuk kita perbahaskan pada hari ini selain daripada hanya untuk mengemukakan pandangannya mengenai isu BMF dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kepong untuk menceritakan sebagai seorang pemberita soal-soal perkembangan politik Sabah pada hal DAP meletak calon-calon menentang calon PBS. Ada seorang calon DAP yang kalah di peringkat Negeri daripada Dewan yang mulia ini hari ini mungkin hendak bercakap juga, saya tak tahulah.

Mengikut pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong dengan wujudnya rapat umum-rapat umum yang mungkin diluluskan bahawa rakyat boleh memilih Kerajaan yang sempurna, yang baik bagi membolehkan rakyat memilih Kerajaan dan saya merasa yakin bahawa memang kalau ada rapat umum pun bahawa DAP sampai bila-bila pun tidak akan mendapat kemenangan bagi memerintah negara ini. Telah cuba di Sabah letak calon dia

kalah lagi, cubaan paling akhir di Sabah tak laku di Sabah. Kalau di Malaysia ini (*Disampuk*)—kalau hendak bercakap bangun, saya beri kebenaran.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Tuan Othman bin Abdul: Boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah UMNO laku dalam Sabah dalam pilihanraya besar Sabah di mana pemimpin-pemimpin UMNO semua pergi dan semua ditolak, dihalau termasuk Perdana Menteri. Menteri-menteri UMNO semua dihalau, ada laku.

Tuan Othman bin Abdul: Saya rasa Ketua Pembangkang ini seorang yang bodoh, dungu, tidak tahu bahawa UMNO tidak ada di Sabah, UMNO tidak wujud tetapi DAP ada di Sabah. Ini Ketua Pembangkang yang bodoh, tidak tahu kenyataan, bodoh sekali, 10 kali bodoh, saya tak erti. DAP ada di Sabah, UMNO tidak ada di Sabah, sebab itu UMNO tidak bertanding tetapi DAP bertanding dan kalah di Sabah. Begitu bodoh sekali tidak mengetahui kenyataan, itupun telah mendabik dada sebagai Ahli Parlimen paling berpengalaman.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang lagi Yang Berhormat minta jalan!

Tuan Othman bin Abdul: O.K., berilah DAP, hendak takut apa kepada dia? (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, walaupun UMNO tidak ada cawangan di Sabah tetapi UMNO ada adik kecil, iaitu BERJAYA yang tidak laku di Sabah juga.

Tuan Othman bin Abdul: BERJAYA ada juga menang tetapi bukan adik kecil—komponen, sahabat, bukan adik kecil—menang, tetapi DAP tumbuh di Sabah tetapi

kalah. Inilah menunjukkan kebodohan pemimpin-pemimpin DAP yang dunggu, yang saya katakan tadi. Lagi hendak bercakap? Tak ada lagi?

Soal demokrasi berparlimen, soal penghakisan prinsip-prinsip dan amalan demokrasi. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Ketua Pembangkang tak sebut apa yang dikatakan, cuma disebut rapat umum tidak dibenarkan, beberapa Akta diwujudkan untuk menghalang hak asasi manusia. Itu dua perkara.

Yang ketiga, kalau tak silap saya Parlimen rubber stamp. Inilah dakwaan-dakwaan yang saya rasa tidak perlu kita dengar dan kita perbincangkan dalam Dewan yang mulia ini, walhal DAP pun memang tidak demokratik.

Saya hendak tahu dua minggu lagi apabila seorang bekas Setiausaha Penerangan DAP Perak, Encik Kong Weng Kok sedang menunggu DAP, sedang menunggu Ketua Pembangkang sama ada berani atau tidak untuk berdepan dengan ahli-ahli DAP bagi satu masalah kes saman Syarikat Esso. Kalau dia berani, dia boleh kemukakan hari ini semasa menggulung hujah-hujahnya mengapa sebab-sebab beliau menarik balik samannya terhadap Syarikat Esso. Kalau dia berani, dia selalu minta Kerajaan mendedahkan segala-galanya kepada rakyat.

Hari ini kita minta pula kepada Ketua Pembangkang supaya mendedahkan sebab-sebab mengapa beliau menarik saman terhadap Syarikat Esso, penyelesaian di luar mahkamah. Ini kita hendak tengok. Rapat umum ada perbezaan. Rapat umum DAP yang diminta kepada pihak berkuasa untuk menyampaikan pandangan-pandangan ekstrimis DAP kepada masyarakat, untuk menunjukkan keburukan-keburukan Kerajaan kepada masyarakat, untuk menimbulkan suasana yang tidak baik di kalangan masyarakat.

Dr Mahathir tidak pernah mengadakan rapat umum tetapi rakyat yang cintakan pemimpin, berhimpun untuk menyambut kepulangan pemimpin mereka, untuk menyambut kedatangan pemimpin mereka dan Perdana Menteri berceramah memohon kepada rakyat, meminta rakyat supaya bersatu-padu, menceritakan soal-soal yang baik untuk keamanan negara, itu yang dibuat oleh pemimpin kita, bukan seperti DAP untuk berlaga, bergaduh, untuk suruh orang berkelahi. Ini tugas DAP. Inilah kerja DAP. Kalau ada rapat umum pun DAP tidak akan menang.

Saya cuma boleh bersetuju satu perkara dengan DAP sepertimana ucapan Yang Berhormat dari Kepong "belajar hidup bersama". Ini kalau DAP bawa—bagus, supaya bersyarah kepada pengikut-pengikut DAP, supaya kita hidup bersama. Ini yang kita hendak, sepertimana pemimpin-pemimpin Barisan Nasional selalunya menjelaskan kepada masyarakat supaya rakyat hidup bersama. Cuba buat yang ini, tetapi cagak tak serupa bikin, seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul. Cagak suruh belajar hidup bersama tetapi apabila berdepan dengan pengundi menceritakan soal-soal yang karut, soal-soal yang tidak sepatutnya dikeluarkan oleh seorang rakyat yang menyatakan hasrat yang murni, cintakan kedaulatan negara kita ini. Inilah perkara yang kita sebutkan.

Saya beberapa kali di dalam Dewan ini mencabar DAP supaya mencari sebuah negara yang ideal, paling demokratik di dalam dunia ini, malahan kalau hendak diikutkan "Doctrine Communist Classes Society" itu pun tidak wujud, tidak berlaku negara tanpa kelas, tidak wujud.

Saya hendak menyarankan di sini kalaulah ahli-ahli DAP boleh menunjukkan sebuah negara yang

paling demokratik, ideal, pindahlah, pergilah ke negara itu. (*Ketawa*) hidupkan DAP di negeri itu supaya DAP dapat memerintah sebuah negara yang ideal dari segi demokratiknya, yang semua ada kebebasan boleh bercakap di mana-mana sahaja, jangan pembohong di dalam Dewan ini, kita tidak mahu mendengarnya.

Soal rubber stamp. Rubber stamp ini, saya rasa DAP ini sekali lagi saya hendak katalah bodoh, sebab tiap-tiap Rang Undang-undang yang dibawa masuk ke dalam Parlimen ini dibahaskan oleh DAP sendiri sampai pukul 10.00 malam, 11.00 malam kita pernah berdebat di atas Rang Undang-undang yang dibawa oleh Kerajaan itu. Soal sesuatu Akta yang diluluskan itu mengikut dakwaan DAP bahawa untuk menyekat kebebasan rakyat, saya rasa ini bukanlah untuk menyekat tetapi pandangan sempit DAP itulah yang menyebabkan berlakunya perkara itu.

Kita mengadakan Akta-akta tertentu itu adalah untuk kepentingan negara, untuk kepentingan rakyat seluruhnya, bukan untuk kepentingan DAP, bukan untuk kepentingan Kerajaan semata-mata tetapi untuk kepentingan seluruh rakyat yang ada di dalam negara kita ini sedar. DAP mesti kena sedar dan berkewajipanlah DAP untuk menjelaskan kepada pengundi-pengundi, pengikut-pengikut DAP bahawa kegiatan-kegiatan Kerajaan itu adalah untuk menimbulkan suatu keadaan masyarakat yang aman, baik, sempurna demi kestabilan masyarakat yang berbilang kaum ini.

DAP harus berterima kasih kepada Kerajaan sehingga sekarang ini telah mengekalkan perpaduan masyarakat, perpaduan rakyat di dalam negara ini, kita harus berterima kasih. Ini tidak. Sepatah perkataan pun kita tidak pernah mendengar daripada DAP memberi tahniah atau terima kasih

kepada Kerajaan yang telah berjaya mengekalkan perpaduan rakyat di dalam negara kita ini selain daripada menceritakan soal kekecuaan MCA. Apa sangkut-paut dengan Usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang ini, saya tak tahulah. Membuat cerita UMNO, cerita PBS di dalam negeri Sabah semua, dengan izin, irrelevant; cuma mengambil kesempatan untuk berucap atas perkara-perkara yang menjadi topik DAP untuk penggal ini, untuk musim ini di dalam Parlimen. Itu sahaja pada pandangan saya.

Dalam kebebasan hendak bercakap, saya berasa pelik, hairan sekali lagi. DAP dua orang bercakap sudah dua jam, mereka kata Kerajaan masih menyekat lagi, masih menyekat, tidak memberi kebebasan kepada Pembangkang untuk membawa Usul.

Dalam penggal ini sahaja saya tidak teringatlah berapa Usul. Telah banyak Usul DAP kita perbahaskan. Ini kesempatan-kesempatan yang kita berikan. Cuma hendak memuaskan hati Ketua Pembangkang itu saya rasa tidak adalah Kerajaan di dalam dunia ini yang boleh memberikan kepuasan itu kepada pihak DAP.

Saya bersetuju kalau kita hendak menentang rasuah, kita bersetuju; hendak menentang penyalahgunaan kuasa, kita bersetuju; semua orang setuju, kita juga tidak bersetuju dengan kes BMF, sebab itulah Kerajaan masih lagi mengkaji sama ada kita boleh meminda undang-undang untuk melakukan itu, tetapi ini tidak. Kepala dia panas, selalu membangkitkan dengan mendadak sesuatu isu untuk mencari publisiti murah di kalangan DAP. Inilah saya rasa politik yang berlaku di dalam negara kita ini, di kalangan anggota-anggota DAP untuk menimbulkan ketegangan, untuk menimbulkan salah faham, untuk menimbulkan perkara-perkara yang tidak baik di dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, usul tambahan untuk menubuhkan suatu Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk mengkaji soal-soal amalan demokrasi di dalam negara kita ini, usulnya berbunyi: "Untuk mengkaji".

Ketua Pembangkang menyebutkan bahawa Kerajaan ini tidak demokratik—Parlimen rubber stamp. Kalau tubuh jawatankuasa pun rubber stampah juga. Apa hendak kaji? Hendak kaji Pembangkang—DAP. Apa hendak kaji? Apa yang kita hendak kaji, kalau sudah kata Parlimen rubber stamp, Ahli Parlimen rubber stamp, kalau tubuh jawatankuasa pun rubber stampah juga. Itulah yang dikata bodoh tadi, tak mengerti. Jadi, soal rubber stamp ini, saya ada sebut tadi, kita berbahas, banyak perkara yang kita perlukan, banyak perkara yang kita perlu sama-sama bincang untuk melihat kepentingan negara dan rakyat keseluruhannya, bukan segelintir masyarakat. Sudut pandangan kita lain, sudut pandangan DAP lain, sebab itulah DAP jadi Pembangkang dan Barisan Nasional menjadi pemerintah. Kalau sudah ada sudut pandangan yang sama maka tidak adalah Pembangkang di dalam Dewan yang mulia ini dan tidak ada Pembangkang di dalam negara kita ini. Mestilah wujud satu parti pemerintah yang memerintah negara kita ini.

Cerita-cerita politik di Sabah yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong langsung tidak ada berkaitan dengan usul yang dibawanya. Inilah yang saya katakan bahawa mereka ini tidak mempunyai isu lain seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, hanya untuk mencari kesempatan di dalam Dewan ini untuk meluahkan pandangan dan secara tidak langsung kononnya untuk menyokong PBS di Sabah, walhal mereka telah menentang sepertimana yang saya sebutkan di awal-awal tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini menolak sekeras-kerasnya cadangan Ketua Pembangkang bagi menubuhkan suatu Jawatankuasa Pilihan Parlimen bagi mengkaji hakisan prinsip-prinsip dan amalan demokrasi yang kononnya ada di dalam negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong.

5.20 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk membahaskan Usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang iaitu Wakil dari Kota Melaka yang ingin menyeru rakyat Malaysia berikrar semula terhadap komitmen mereka kepada sistem demokrasi berparlimen di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pemimpin-pemimpin di negara ini, kita semua pada prinsipnya memanglah menganuti dan menjunjung tinggi sistem demokrasi berparlimen kerana sistem ini pada pendapat kita merupakan satu sistem yang sesuai sekali untuk negara Malaysia dan telah diamalkan selama 27 tahun.

Sungguhpun begitu, Tuan Yang di-Pertua, kita haruslah mengkaji di sini sama ada Usul yang dibawa itu diperlukan atau tidak ataupun seolah-olah hanya satu Usul untuk mendapat publisiti sahaja ataupun untuk mendapatkan peluang supaya hujah-hujah dan isu-isu yang lain dapat dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua bahagian daripada Usul itu. Yang pertamanya ialah hujah Ahli dari Kota Melaka bahawa terdapatnya penghakisan prinsip-prinsip dan amalan demokrasi berparlimen di negara kita pada beberapa tahun kebelakangan ini.

Yang penting ialah pada beberapa tahun kebelakangan ini. Yang keduanya ialah Usul ini menyeru rakyat berikrar semula komitmen mereka terhadap sistem ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi hujah-hujah atau ulasan saya terhadap hujah yang pertama itu iaitu mengenai penghakisan prinsip-prinsip demokrasi. Memanglah benar bahawa sistem demokrasi berparlimen di negara kita ini seperti yang telah diamalkan bukanlah 100% mengikut ideal tetapi yang ideal itu juga berbagai bentuk idealnya, ada sistem demokrasi berpandukan kepada sosialisme, ada yang berpandukan kepada kapitalisme dan sebagainya dan saya tidak berhasrat untuk mendebatkan sistem-sistem dan ideal yang berbeza-beza itu.

Tetapi apabila kita mengatakan bahawa berlakunya penghakisan maka kita bermaksud adalah kekurangan dan sekiranya adanya kekurangan maka kita haruslah membuat satu perbandingan iaitu satu perbandingan dengan negara-negara yang lain dan satu perbandingan dengan tempoh ataupun zaman yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita membandingkan sistem demokrasi berparlimen di negara kita ini dengan negara-negara yang lain akan didapati bahawa pada hitung panjangnya sistem demokrasi berparlimen di negara kita ini jauh lebih demokratik daripada negara-negara yang lain terutamanya negara-negara yang sedang membangun.

Sekiranya kita membandingkan negara kita dengan negara-negara dari Barat mungkin boleh dikatakan bahawa amalan di negara-negara Barat itu ada setengahnya tidak dipraktikkan dengan 100% di negara kita. Tetapi kita haruslah mengkaji dengan lebih teliti bahawa negara-negara itu sebenarnya mempunyai latar belakang politik dan keadaan sosial yang berlainan dan juga dalam negara-negara yang sedang mengamalkan

sistem demokrasi berparlimen buat beberapa ratus tahun ini mereka mengambil satu masa yang panjang untuk memperbaiki ataupun untuk mendatangkan satu evolusi terhadap sistem itu sehingga sistem itu dapatlah berlancar dengan baiknya.

Sekiranya dibandingkan dengan sistem-sistem yang telah diamalkan itu sistem kita masih muda. Masih muda ini bermaksud bahawa haruslah dipelihara, haruslah dijaga, dipraktikkan dengan berjaga-jaga, dengan awas supaya tidak terjejas nanti sistem yang terdapat kepada kita pada masa ini. Tetapi sekiranya kita membandingkan kita sendiri dengan negara-negara yang lain termasuk negara-negara jiran bolehlah dikatakan bahawa sistem kita ini jauh lebih maju dan lebih berjaya daripada sistem yang terdapat di negara-negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita mengambil satu perbandingan apa yang terdapat sekarang dengan apa yang terdapat dahulu maka kita boleh mengatakan bahawa apa yang dapat sekarang ini tidaklah semestinya kurang daripada apa yang kita telah amalkan dahulu.

Ketua Pembangkang telah menyebut beberapa Akta yang saya bersetuju yang merupakan sekatan-sekatan yang tertentu sekiranya kita mengambil ideal demokrasi yang tunggal yang unggul tetapi yang harus kita sedari ialah Akta-akta ini sebenarnya digubal pada tahun 60an dan pada tahun-tahun awal 70an iaitu selepas Peristiwa 13 Mei dan bukanlah digubal dalam tahun-tahun kebelakangan iaitu pada tahun-tahun 80an seperti yang diujulkan oleh Ketua Pembangkang itu.

Sekiranya kita mengkaji Akta-akta ini dengan memandang kepada perspektif sejarah mungkin boleh dikatakan pada ketika Akta-akta itu

digubalkan ada sebab-sebabnya, misalnya darurat dan keadaan politik pada masa itu. Maka saya sendiri berpendapat bahawa Kerajaan haruslah mempertimbangkan untuk melonggarkan sekatan-sekatan ini sekiranya keadaan politik dan juga syarat-syarat ataupun keadaan-keadaan yang lain telah pun berubah. Ini adalah satu pendirian umum yang harus dipegang bukan sahaja oleh pihak Kerajaan tetapi oleh rakyat jelata.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa sungguhpun bertentangan dengan satu prospect yang begitu "gloomy" dengan izin, seperti yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang, terdapat yang sebenarnya tanda-tanda yang positif misalnya, pindaan kepada Akta Pertubuhan pada tahun 1983 yang telah dapat memperbetulkan pindaan-pindaan yang dibuat sebelumnya merupakan satu tanda kemajuan.

Yang Kedua, penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas untuk Mengkaji Rang Undang-undang Dadah Merbahaya untuk tahun 1984 dan tahun 1985 merupakan satu tanda yang baik dan positif kerana Rang Undang-undang ini dianggap menjejaskan hak asasi manusia di negara ini.

Selain daripada itu pada pendapat saya media massa pada beberapa tahun kebelakangan ini pula telah mulai memainkan satu peranan yang lebih aktif dan positif, misalnya di beberapa buah surat khabar telah diadakan ruangan yang khas untuk para pembaca menyuarakan pendapat mereka secara bebas dan beberapa isu telah dibincangkan secara terbuka dalam suratkhbar melalui kaedah ini. Dan pada pendapat saya tanda-tanda yang positif, tanda-tanda yang baik ini harus juga kita mempertimbangkan, bukanlah sahaja kita mengkritik

kekurangan-kekurangan yang sebenarnya merupakan satu "historical legacy".

Mengenai bahagian yang kedua iaitu usul ini menyeru rakyat jelata untuk berikrar semula komitmen mereka terhadap sistem demokrasi berparlimen, pada pendapat saya ini tidak perlu. Ini tidak perlu kerana pada pendapat saya rakyat negara kita sudah penuh kesedaran terhadap hak demokrasi mereka. Mereka sudahlah memahami dengan penuh dan telah berkali-kali menggunakan hak mereka itu untuk menyuarakan pendapat mereka sama ada melalui peti undi ataupun melalui saluran-saluran yang lain.

Sebagai bukti saya ingin menyebutkan bahawa peratus undi iaitu peratusan pengundi yang membuang undi dari bilangan pengundi yang didaftarkan itu tetap berada di satu paras yang tinggi iaitu di lingkungan 75%. Inilah keadaannya sejak tahun 1959. Misalnya peratusan undi untuk kerusi Parlimen pada tahun 1959 ialah 73% meningkat kepada 79% pada tahun 1964 tetapi turun sedikit pada tahun 1969 pada 74%, meningkat lagi pada tahun 1974 kepada 75% sehingga 77% pada tahun 1978 dan pada tahun 1982 pula lebih kurang 75% iaitu pada tahun 1982, lebih tinggi daripada apa yang terdapat pada tahun 1959 dan 1969. Ini penuh menunjukkan bahawa kesedaran rakyat jelata dan pengundi-pengundi terhadap hak mereka itu adalah tinggi.

Yang keduanya dalam "exercise" pendaftaran pengundi yang diadakan baru-baru ini, saya dapati bahawa sambutan adalah begitu hangat daripada rakyat yang berkelayakan untuk menjadi pengundi. Ini menjadi satu petunjuk lagi bahawa rakyat kita sudah sedar dan sekiranya masih tidak mencukupi sebenarnya beratus-ratus ribu rakyat Malaysia pada tahun 1983 dan 1984 sudah berikrar secara

langsung (directly) tidaklah payah Dewan ini menyeru mereka berikrar semula. Itulah pendapat saya.

Pada pendapat saya, mungkin yang harus berikrar ialah pemimpin-pemimpin politik terutamanya pemimpin-pemimpin politik dari parti-parti Pembangkang haruslah berikrar supaya mereka tidak memperalatkan isu-isu sensitif untuk keuntungan mereka sendiri tanpa mengira apakah akibatnya. Inilah pada pendapat saya yang harus diikrarkan.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan pandangan saya secara am mengenai sistem demokrasi berparlimen dan juga peranan-peranan khasnya pemimpin-pemimpin politik di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sistem demokrasi berparlimen di negara kita ini diamalkan dan dijelmakan sebagai satu sistem perwakilan yang dipilih oleh rakyat. Oleh kerana adanya pilihanraya umum, maka terdapatlah persaingan hebat yang memang tidak dapat dielakkan di kalangan parti-parti politik dan calon-calon untuk mendapatkan sokongan dari pengundi-pengundi. Maka di sini, Tuan Yang di-Pertua, wujudlah satu masalah terutamanya dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ini. Dalam kehangatan berebut-rebut untuk mendapatkan sokongan dan undi, partai-partai dan orang-orang yang bersaing itu lazimnya yang lebih cenderung mempergunakan seribu satu macam sepak terajang dan taktik politik untuk menewaskan musuh-musuh politik mereka masing-masing. Oleh itu beberapa isu terutama isu-isu sensitif misalnya yang melibatkan isu-isu kebudayaan dan keagamaan dan sebagainya dipergunakan sebagai modal politik oleh petualang-petualang ataupun "opportunist" politik yang tidak bertanggungjawab. Akibatnya ahli-ahli politik yang bertanggungjawab yang pada mulanya

tidak berhasrat untuk membuat demikian, turut dibabitkan dalam perbuatan hangat tersebut.

Malangnya mekanisme politik perkauman di Malaysia telah menimbulkan satu "momentum" yang begitu besar sudah menjadikan "putaran ganas", satu "vicious cycle" dan inilah merupakan satu faktor penting yang mengakibatkan timbulnya fahaman perkauman dan pelampau (extremist) dan juga polarisasi kaum yang kini sedang menyerap ke dalam masyarakat kita, sekiranya dibenarkan berkekalan, kemungkinan besar "putaran ganas" (vicious cycle) ini pada akhirnya akan menghancurkan sistem demokrasi berparlimen di Malaysia pada jangka yang panjang.

Oleh itu kita sebagai pemimpin-pemimpin haruslah berasa bimbang terhadap kecenderungan yang kurang sihat ini. Saya berpendapat bahawa masanya sudah sampai untuk semua ahli politik menunjukkan komitmen mereka untuk memberhentikan vicious circle ini. Di samping itu parti-parti politik dan ahli-ahli politik sama ada di dalam Kerajaan ataupun khasnya dari pihak Pembangkang harus pada setiap masa, at all times, dengan izin, berpolitik. Kalau mahu berpolitik biarlah tetapi haruslah berpolitik dengan satu perspektif nasional yang luas iaitu perspektif Malaysia, bukanlah dari sudut perkauman yang sempit. Kita haruslah berikrar untuk mengelakkan diri daripada mengeksploitasikan isu-isu tertentu untuk kepentingan perseorangan ataupun hanya kepentingan parti bagi jangka pendek. Kita juga harus berikrar untuk melawan perkauman dan fahaman pelampau. Kita sendiri haruslah berikrar tidak menggunakan isu-isu perkauman untuk melawan fahaman politik perkauman ataupun menggunakan fahaman ekstrimis untuk melawan fahaman ekstrimis.

Oleh hal yang demikian, pada pendapat saya, satu pendekatan yang baru untuk menyelesaikan masalah-masalah di negara ini sangatlah diperlukan. Kita bukanlah ingin berikrar semula komitmen kita terhadap sistem demokrasi tetapi yang kita harus berikrar ialah amalan kita sendiri, praktis kita sendiri itu. Janganlah praktis ataupun amalan itu menjejaskan sistem demokrasi kerana kita masih berkepercayaan penuh bahawa demokrasi berparlimen adalah satu sistem yang terbaik dan harus dikerjakan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu sistem itu terutamanya sistem demokrasi adalah wujudnya kerana orang yang mengamalkannya. Oleh itu pemimpin-pemimpin politik haruslah pertama kali berusaha dengan penuh dedikasi agar tercapainya matlamat sistem demokrasi berparlimen itu terus berfungsi. Bagi satu pihak, Tuan Yang di-Pertua, disebabkan pemimpin-pemimpin dalam Kerajaan dan parti-parti pemerintah memegang kuasa politik maka apa yang dikatakan dan dibuatnya sememangnya akan menentukan secara luas kuasa politik di mana sistem demokrasi boleh berfungsi. Oleh itu Kerajaan haruslah bersikap terbuka dan berresponsif terhadap cadangan-cadangan dan kritikan-kritikan yang membina. Kita harus juga memastikan wujudnya saluran-saluran yang mencukupi di mana pandangan-pandangan rakyat dari mana-mana pun dapat disampaikan dan dipertimbangkan dan melalui rundingan yang munasabah sebelum satu keputusan yang mustahak diambil. Pendek kata Kerajaan dan ahli-ahli Kerajaan haruslah mengelakkan diri daripada menyalahgunakan kuasa. Dan itu sebabnya ahli-ahli back-bencher selalu dalam Parlimen, dalam Dewan yang mulia ini membangkitkan isu-isu secara terbuka mengemukakan soalan-soalan yang tajam kepada para Menteri

supaya mereka ini dapatlah memahami hasrat dan cita-cita rakyat dengan sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi satu pihak yang lain pula pemimpin-pemimpin Pembangkang haruslah mengkritik dengan secara membina dan bertanggungjawab. Mereka ini haruslah mengelakkan diri daripada mengeksploitasikan isu-isu dan sengaja menyekat ataupun menghalang penyelesaian masalah-masalah supaya mereka ini dapatlah memperolehi modal politik dengan harapan untuk mendapat kuasa politik ataupun semata-mata memporak-perandakan kestabilan politik kerana disebabkan kekecewaan ataupun satu sikap membalas dendam kerana kalah dalam pilihanraya. Sementara parti pemerintah tidak dibenarkan menyalahgunakan kuasa, pihak Pembangkang haruslah tidak dibenarkan menyalahgunakan demokrasi atas nama demokrasi, dengan izin, "The Opposition should not abuse democracy in the name of democracy while the Government should not abuse power."

Tuan Yang di-Pertua, pihak Pembangkang sama seperti pihak Kerajaan bertanggungjawab yang sama beratnya untuk memelihara setakat mana yang boleh kestabilan politik dalam negara. Janganlah kestabilan politik ini dijadikan tanggungjawab tunggal pihak Kerajaan kerana demokrasi tidak akan berfungsi tanpa kestabilan. Ini haruslah diingat oleh semua pihak sama ada Kerajaan ataupun Pembangkang.

Dengan perkataan, kita memerlukan pemimpin-pemimpin politik di semua peringkat sama ada dalam Kerajaan ataupun Pembangkang, pemimpin-pemimpin yang jujur, saksama serta berpengetahuan luas. Kita memerlukan pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab bukanlah

pemimpin-pemimpin yang selalu suka menimbulkan kekacauan terutamanya dalam Dewan yang mulia ini sehingga dipecat. Kita memerlukan pemimpin-pemimpin yang benar-benar bersih, cekap dan amanah dan betul-betul boleh memimpin melalui teladan. Itulah kehendak rakyat, itulah yang harus pemimpin-pemimpin politik berikrar.

Yang lebih mustahak yang ingin saya tegaskan di sini ialah sekiranya kita menjaguhkan demokrasi, apa yang lebih penting ialah demokrasi itu haruslah dipelihara dan diamalkan dalam setiap parti politik.

Tidak ada gunanya menamakan parti sendiri dengan adanya perkataan "demokratik" menyuarakan demokrasi dengan sekuat-kuatnya dan mengutuk pihak-pihak lain tidak demokratik. Sekiranya seseorang pemimpin itu tidak mahu ataupun pun enggan mengamalkan demokrasi dalam partinya sendiri pendek kata seseorang itu haruslah mempraktikkan apa yang diujahkannya, apa yang disokongnya (one must practise what one preaches). Dan itulah mungkin yang harus kita berikrar.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya parti-parti politik di Malaysia haruslah meneliti dan menyemak Perlembagaan struktur dan juga amalan politik di dalam partinya. Matlamatnya ialah untuk menjamin bahawa proses demokrasi dipatuhi di dalam pemilihan pemimpin dan juga mempunyai satu mekanisme yang sewajar untuk melayani berbagai pendapat yang berlainan dalam parti. Sebenarnya demokrasi dalam parti adalah satu microcosm, demokrasi dalam masyarakat pada umumnya. Tidak ada jalan yang lebih baik untuk memperolehi keyakinan rakyat jelata dalam sistem demokratik berparlimen melainkan memberikan mereka satu teladan yang baik bagaimana sistem ini dapat benar-benar dipraktikkan dan berfungsi di parti kita sendiri. Kalau

hendak berikrar mungkinlah tiap-tiap parti politik haruslah berikrar dahulu sebelum menyeru rakyat jelata berikrar, sebelum menyeru rakyat yang lebih berfahaman ataupun lebih memahami hak-hak demokrasi mereka itu.

Itulah tujuan saya mengemukakan secara panjang lebar pendapat-pendapat saya mengenai sistem demokrasi berparlimen. Kerana pada pendapat saya tidaklah berguna sekiranya kita berikrar seratus kali tetapi kita tidak berikhtiar langsung, itulah yang lebih penting, Tuan Yang di-Pertua. Dan dengan ini saya tidak dapat menyokong usul yang dibawa oleh Ketua Pembangkang kerana saya menganggap bahawa usul ini tidak diperlukan kerana rakyat Malaysia sudah faham dan sudah sedar akan hak demokrasi mereka itu sedangkan pemimpin-pemimpin kita nampaknya ada setengahnya tidak begitu memahaminya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Terengganu.

5.54 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Terengganu): Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama dengan rakan-rakan saya, saya bercakap menentang usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, usul ini paling baik (at best) adalah seperti anggur masam. Demokrasi di Malaysia menurut anggapan Usul ini sudah dihakiskan sejak akhir-akhir ini. Dan Usul ini meminta supaya rakyat Malaysia berkirar semula komitmen mereka terhadap sistem demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya usul ini tidak perlu terutama perenggan yang kedua yang meminta supaya rakyat Malaysia berikrar semula komitmen mereka tentang demokrasi.

Oleh kerana kita akan menghadapi pilihanraya paling lama bulan April tahun 1987, mungkin lebih awal dan pada masa itu rakyat Malaysia termasuk orang-orang yang menentang Kerajaan akan bersama-sama dengan orang-orang yang menyokong Kerajaan menyatakan komitmen mereka akan keluar memilih sebuah Kerajaan yang mereka suka. Tidak perlu ada usul ini oleh kerana itu adalah kehendak Perlembagaan. Dan kita akan melihat DAP bertanding, parti-parti pembangkang yang lain bertanding berganding bahu bersama-sama dengan parti Kerajaan dan insya Allah, kita akan melihat rakyat akan menolak parti-parti pembangkang seperti juga mereka telah menolak mereka di masa-masa yang lepas. Saya katakan anggur masam oleh kerana sebenarnya demokrasi yang kita jalankan sekarang, yang kita amalkan sekarang ini sudah cukup demokratik sekiranya DAP menjadi pemerintah tetapi ia tidak demokratik oleh kerana DAP tidak menjadi pemerintah dan tidak dapat menjalankan apa yang dikehendakinya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya amalan demokrasi di negara ini dihakiskan bukan oleh Kerajaan, bukan oleh parti pemerintah, bukan oleh UMNO, bukan oleh MCA, MIC dan lain-lain parti komponen Barisan Nasional tetapi amalan demokrasi di Malaysia dihakiskan oleh parti-parti pembangkang itu sendiri. Di dalam Parlimen ini kita sudah banyak kali melihat tingkah laku Ahli-ahli Pembangkang yang bersikap paling tidak demokratik walaupun mereka mewakili sebuah parti yang bernama Democratic Action Party. Memakai nama Democratic Action Party belum bererti parti itu sudah cukup demokratik dan belum bererti orang-orang yang menjadi pemimpin parti itu sebagai seorang demokrat.

Sejarah Parlimen ini penuh dengan perintah-perintah yang terpaksa dikeluarkan oleh Tuan Yang di-Pertua

sendiri atau melalui Usul-usul yang dikemukakan oleh pihak Kerajaan untuk menjinakkan wakil-wakil daripada parti pembangkang dan untuk menyedarkan mereka bahawa Parlimen berjalan menurut peraturan-peraturan yang telah ditentukan (established practices) dan Parlimen Malaysia seperti juga Parlimen mana-mana sekali pun dalam dunia ini tidak mungkin berjalan mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan oleh nafsu seseorang Ahli Dewan. Kalau itu dibenarkan berlaku demokrasi tidak ada lagi. Kalau itu dibenarkan berlaku maka yang akan timbul ialah suatu suasana anarki di dalam Dewan yang paling tinggi.

Hakikat bahawa Parlimen ini dan Tuan Yang di-Pertua sendiri telah mengenakan beberapa hukuman demi hukuman, demi hukuman terhadap Ahli dari Parti DAP kerana tingkah laku mereka yang tidak menurut amalan-amalan demokrasi, tidak menurut peraturan, membuktikan bahawa DAP sebenarnya paling tidak layak bercakap tentang demokrasi. Dan bukan sahaja di dalam Dewan ini tetapi di dalam Dewan-dewan Negeri yang lain pun di mana Ahli-ahli DAP ada juga kelakuan-kelakuan yang serupa telah ditunjukkan. Itu tidak banyak Ahli DAP, dalam Dewan ini tidak ramai, dalam Dewan-dewan Negeri juga tidak ramai tetapi satu dua yang ada telah menunjukkan bahawa mereka sebenarnya adalah kumpulan-kumpulan yang tidak hormat kepada peraturan-peraturan yang telah disusun dan dibuat dengan penuh cara demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti yang saya katakan tadi, parti Pembangkang adalah pihak yang paling layak bercakap tentang demokrasi kerana merekalah yang sebenarnya cuba menghancurkan demokrasi atau mungkin mereka cuba membentuk satu demokrasi, satu bentuk demokrasi bentuk mereka

sendiri. DAP menggunakan demokrasi untuk memecahbelahkan perpaduan rakyat dengan cara menimbulkan isu-isu yang sensitif kepada lain-lain kaum dengan cara melaga-lagakan rakyat berbagai kaum, antara orang Melayu dengan orang Cina, orang Melayu dengan India dan sebagainya. Ada lagi satu jenis demokrasi yang diamalkan oleh satu lagi parti Pembangkang iaitu parti PAS yang menjalankan pemecahan di kalangan rakyat dengan cara yang lebih dahsyat iaitu memecahbelahkan orang Melayu sesama orang Melayu sendiri, dan orang Islam sesama orang Islam sendiri; sehingga mereka tergamak merombak semua nilai-nilai kehidupan murni yang terdapat di kampung-kampung, merombak semua nilai-nilai kebudayaan murni yang diamalkan oleh nenek moyang kita; sehingga mereka tergamak mengajar anak-anak muda menderhakai ibu bapa; sehingga mereka tergamak mengajar jiran sesama jiran bermasam muka dan pulau memulau. Inilah hakikat yang ada dalam Malaysia ini, hakikat demokrasi telah dipersalahkan oleh parti-parti Pembangkang semata-mata untuk mencapai tujuan politik masing-masing.

Dalam Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, manusia politik lebih-lebih lagi parti Pembangkang, berpolitik bukan untuk mempertahankan demokrasi tetapi berpolitik semata-mata untuk tujuan politik dengan mengenyepikan nilai-nilai demokrasi itu sendiri, dengan mengenyepikan norma-norma hidup yang luhur turun-temurun semata-mata kerana berpolitik. Akibatnya usaha yang telah dijalankan dengan penuh khusyuk dan penuh gigih oleh pihak Kerajaan sejak tahun 1957 untuk menyatupadukan manusia yang berbagai jenis keturunan dalam Malaysia ini, untuk menyatupadukan satu kaum dengan satu kaum yang lain dan menyatupadukan kaum-kaum yang ada tidak berhasil dalam ertikata yang

sebenarnya. Oleh kerana demokrasi nampaknya telah memberi peluang dan kesempatan yang amat luas kepada puak-puak Pembangkang untuk bertindak dan mengatur strategi-strategi perjuangan mereka dengan menggunakan kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam sistem demokrasi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kebebasan akhbar adalah satu daripada ciri demokrasi. Perkara ini telah disentuh oleh Wakil dari Kepong sebagai seorang yang pernah berkhidmat di dalam dunia kewartawanan begitu lama, saya tidak dapat mendiamkan diri kepada ulasan-ulasan yang tidak tepat yang telah dibuat oleh Ahli dari Kepong. Kebebasan akhbar secara mutlak tidak wujud di mana-mana juga, kecuali di negara-negara yang sistem kehidupannya sudah bertukar menjadi sistem anarki. Demokrasi tidak boleh digunakan oleh akhbar-akhbar untuk manusia membunuh manusia lain, untuk manusia bermusuhan dengan pihak manusia lain, demokrasi tidak boleh digunakan oleh akhbar-akhbar dan media-media massa untuk mengeruhkan suasana, untuk meruntuhkan ekonomi, untuk meruntuhkan ketahanan negara. Ini adalah jelas dan kalau ini merupakan suatu constraint yang dianggap sebagai suatu kelemahan di dalam sistem demokrasi di Malaysia ini, saya terima dan saya percaya rakyat akan bersetuju dengan kita bahawa kita mesti mengadakan constraint-constraint ini demi untuk menjaga perpaduan rakyat kita; demi untuk menjaga ekonomi kita yang, dengan izin, sentiasa dalam keadaan fragile. Demi untuk menjaga mertabat manusia di Malaysia ini kita mestilah mengadakan beberapa constraint yang tertentu baik yang diarah atau diamalkan secara sukarela oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab di dalam akhbar.

Kalau pihak akhbar-akhbar dan media massa tidak menyiarkan kegiatan-kegiatan atau ucapan-ucapan

puak Pembangkang dalam Malaysia ini, maka itu bukanlah mencerminkan suatu kelemahan demokrasi dalam Malaysia ini, bukanlah mencerminkan adanya kongkongan terhadap akhbar, tetapi itu membuktikan bahawa kegiatan-kegiatan dan ucapan-ucapan oleh pemimpin-pemimpin Pembangkang tidak ada yang, dengan izin, worth reporting. Apakah yang hendak direportkan kalau sekiranya Ahli-ahli Dewan daripada DAP misalnya datang ke Dewan ini hanya bekerja untuk menjerit-jerit kepada Ahli-ahli yang lain, menunjukkan sikap degil dan tidak hormat kepada Standing Orders dan kepada Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada yang perlu direpotkan, tidak ada yang perlu direportkan kalau sekiranya pihak Pembangkang bersikap menentang semata-mata untuk menentang. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ada satu Ahli daripada DAP yang telah menunjukkan bahawa beliau boleh bersikap objektif, boleh bersikap rasional, dengan izin, dalam menghadapi tindak-tanduk Kerajaan.

Wakil dari Kuala Lumpur Bandar baru sehari dua ini telah menyatakan sokongan terhadap syor Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan meminta supaya kelayakan untuk menjadi calon diterima secara automatik dan juga lain-lain isu yang pihak Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sentiasa menunjukkan sikap yang lebih objektif daripada lain-lain ahli Pembangkang dan pihak Yang Berhormat itu sentiasa mendapat publisiti di dalam akhbar-akhbar, kerana memang ada yang "worth reporting". Sikapnya, sikap seorang ahli Pembangkang yang berasional, tidak membangkang semata-mata untuk membangkang. Kalau ada ahli-ahli lain yang tidak mendapat tempat di akhbar-akhbar dan lain-lain media massa, mereka tidak boleh menyalahkan media massa, tetapi mereka harus memeriksa diri mereka sendiri dahulu, apakah mereka sudah

bersikap objektif dalam menjalankan career mereka sebagai ahli Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ketua Pembangkang minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat dari Ulu Terengganu sedar atau tahu bahawa perkara seorang calon dalam pilihanraya besar yang diletakkan calon sepatutnya menjadi calon automatik. Perkara ini sudah dibangkitkan oleh DAP dalam Dewan yang mulia ini di tahun 1974 selepas pilihanraya besar 1974 di mana ramai calon-calon telah hilang kelayakan oleh kerana kesilapan-kesilapan yang sangat sedikit dan masa itu kita ada mendesak Kerajaan untuk memudahkan borang-borang supaya sesiapa yang mahu menjadi calon tidak hilang kelayakan oleh kerana kesilapan-kesilapan dalam mengisi borang, tetapi ditentukan oleh pengundi-pengundi dan bukankah ini menunjukkan bahawa parti UMNO lebih daripada 10 tahun kebelakang. Oleh kerana dalam pilihanraya besar 1982, ada calon UMNO sendiri menjadi mangsa dan di Sabah di mana pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai UMNO pergi ke Sabah untuk membantu calon-calon BERJAYA dan menghadapi masalah-masalah ini barulah mereka sedar. Mereka sedar bukan oleh kerana sistem ini sudah lama patut tidak dibetul, tetapi oleh kerana mereka secara langsung sudah menjadi mangsa. Tetapi ini menunjukkan bahawa apa DAP kemukakan, hujah-hujah DAP dalam Dewan yang mulia ini tahun 1974, sekarang sudah diterima oleh Barisan Nasional sungguhpun mereka tidak mahu mengakui dan tentulah kita tidak akan mengharap bahawa Barisan Nasional akan mengakui, tetapi inilah kenyataan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, itulah satu lagi tanda yang menunjukkan bahawa Ahli dari Kota Melaka itu tidak pernah merasa puas dengan pihak Kerajaan. Dibuat pun marah, tidak dibuat pun marah. Tidak dibuat pun marah, dibuat pun lagi marah juga. Kalau sudah sah buat, pujilah.

Tuan Lim Kit Siang: Buat tidak marah, saya boleh puji, jangan kata kita tidak puji.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk dahulu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Standing Order nombor berapa bangun?

Timbalan Yang di-Pertua: Duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk dahulu! Kedua-dua orang sekali sila duduk! Ahli Yang Berhormat dari Ulu Terengganu sila berdiri. Adakah Ahli Yang Berhormat beri izin untuk membuat penjelasan?

Tuan Alias bin Md. Ali: Adakah dia bangun untuk membuat penjelasan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat beri izin.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam perkara ini kita tidak marah bahawa Kerajaan memudahkan borang-borang, kita puji dan Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bagi pihak DAP ada memuji Kerajaan atas perkara ini tetapi kenyataan ialah bahawa perkara ini pada tahun 1974 sudah ditimbulkan oleh kami dan janganlah kata bahawa ini menunjukkan bahawa Barisan Nasional semua maha tahu dan apa yang dikemukakan oleh DAP semua tidak boleh diterima, semua untuk tujuan menentang sahaja. Inilah semua tidak betul.

Tuan Alias bin Md. Ali: Kalau sudah betul, apa hendak komplek lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru sahaja bercakap tentang tanggungjawab Ahli Parlimen menghormati Peraturan Parlimen dan dengan demikian itu menghormati prinsip demokrasi. Selepas sahaja saya bercakap, Ahli dari Kota Melaka terus menunjukkan sikap tidak hormat kepada peraturan dengan cara menyampuk ucapan saya tanpa meminta izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan tadi perkara hakisan demokrasi adalah datangnya daripada puak Pembangkang itu sendiri, khususnya dari DAP. Kalau Ahli-ahli dari DAP mahu bercakap tentang reformasi Parlimen, tentang komitmen rakyat terhadap demokrasi, saya ingin tahu daripada Ahli dari Kota Melaka yang membawa usul ini tentang aspek demokrasi yang mana perlu diperbaiki, yang perlu diminta komitmen baru daripada rakyat, yang perlu dibetulkan dan kalau memang benar ada hakisan prinsip-prinsip demokrasi, tentang mana prinsip yang dihakiskan, tentang mana kita telah menyimpang jauh daripada prinsip demokrasi yang sebenarnya.

Bercerita tentang kekalahan BERJAYA di Sabah tidak boleh menolong kita memikirkan secara ilmiah di manakah kita telah menjadi lemah di dalam mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi. Tetapi walau bagaimanapun saya ingin mengingatkan Ahli dari Kota Melaka yang membawa usul ini bahawa kalau beliau memikirkan satu demokrasi yang mutlak, yang mesti diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, yang mesti diamalkan di Malaysia ini, maka saya minta beliau berfikir semula oleh kerana pengalaman demokrasi secara mutlak tidak akan menguntungkan sesiapa termasuk pihak Pembangkang sendiri oleh kerana amalan demokrasi secara mutlak tanpa "constraint" dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum, berbilang agama dan beraling kebudayaan dengan segala

sensitiviti yang wujud hanya akan bererti keruntuhan bagi negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

6.14 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Usul yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Serupa dengan rakan-rakan saya dari Barisan Nasional, saya tidak dapat menyokong Usul yang dicadangkan kerana seperti yang telah ditegaskan, rakyat pun sudah berikrar komitmen mereka terhadap demokrasi berparlimen.

Dan tentang cadangan mengadakan satu Jawatankuasa Pilihan, ini buat masa ini saya rasa tidak perlu kerana Dewan Rakyat boleh membahaskan kalau ada apa-apa kelemahan dalam sistem demokrasi di tanahair kita seperti Ahli-ahli Yang Berhormat buat sekarang.

Walaupun saya tidak menyokong Usul ini, ini tidak bermakna saya tidak menyokong konsep demokrasi. Dan sebenarnya parti Pembangkang patut memberi ucapan tahniah kepada Parti Barisan Nasional kerana di bawah pimpinan Barisan Nasional demokrasi masih lahir dan masih kuat di tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, selepas Perang Dunia Kedua, banyak negara-negara di Asia, Afrika dan Amerika Latin mencapai kemerdekaan. Setakat ini kurang 60, 70 atau 80 buah negara telah mencapai kemerdekaan. Dan biasanya selepas pengisytiharan kemerdekaan, sebuah negara yang baru ini mengamalkan sistem demokrasi baik pun model Ingeris ataupun model Amerika.

Tetapi hari ini 40 tahun selepas Perang Dunia Kedua, dari 60, 70 atau 80 buah negara yang demokratik, berapa tinggal dalam perlumbaan demokrasi di dunia ini. Malaysia, Singapura, India; berapa lagi kita boleh sebutkan. Kalau Ahli Yang Berhormat pergi ke Africa untuk menghadiri persidangan di situ, beliau sendiri boleh tengok, satu continent yang besar langsung tidak ada negara yang demokratik. Dan kejayaan Malaysia ini sangat-sangat cemerlang kerana pada permulaannya bukan sahaja pemerhati-pemerhati politik di barat percaya bahawa demokrasi tidak boleh hidup di Malaysia; mereka kata oleh kerana masyarakat Malaysia satu masyarakat berbilang kaum jadi jangan kata demokrasi, kestabilan politik pun tidak boleh tahan lama. Ada orang yang kata kalau hari ini tentera Inggeris undur, besok orang Melayu, orang China, orang India dan sebagainya tentu bertempur di Malaysia. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, tentera Inggeris telah undur selama 27 tahun dan dalam tempoh 27 tahun ini negara kita rakyat kita perlu menghadapi masalah, misalnya, selepas peristiwa 13hb Mei yang mengakibatkan pengisytiharan darurat.

Tetapi pemimpin-pemimpin agung negara kita pada waktu itu, terutama sekali Allahyarham Tun Abdul Razak bila sahaja keadaan normalcy pulih beliau panggil Parlimen bersidang semula, kembali ke demokrasi berparlimen. Dan tradisi commitment ini kepada demokrasi diteruskan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional hari ini.

Jadi, ada orang, pemikir-pemikir dan penganalisa-penganalisa politik percaya bahawa demokrasi berjaya di Malaysia. Ada beberapa sebab tetapi antara sebab-sebabnya paling mustahak ialah politik musyawarah yang diamalkan oleh parti kolisi yang memerintah, dulu Perikatan dan sekarang Barisan Nasional.

Jadi, masyarakat kita, masyarakat berbilang kaum, memang ada masalah, memang ada perbezaan pandangan dan sebagainya, memang ada tekanan dari golongan ini atau golongan itu. Tetapi bila timbul masalah, pemimpin-pemimpin dalam Barisan Nasional yang mewakili penduduk-penduduk di seluruh tanahair kita bermusyawarah, bermesyuarat dalam bilik yang tertutup, cari jalan untuk mengatasi masalah.

Jadi oleh kerana politik musyawarah yang diamalkan oleh Barisan Nasional, oleh kerana pimpinan yang bertanggungjawab yang ditunjukkan oleh Barisan Nasional, jadi hari inilah Malaysia berjaya sebagai sebuah demokratik dan di antara dunia tidak banyak negara seperti Malaysia yang masih demokratik di Dunia Ketiga.

Dan sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka rasa khuatir tentang masa depan demokrasi, jadi saya ada satu cadangan kalau beliau rasa khuatir, beliau rasa kita patut memperkuat demokrasi di Malaysia, saya haraplah Ahli Yang Berhormat itu bila timbul masalah besar, ada conflict of views, antara penduduk-penduduk kita yang berbilang kaum ini, Ahli Yang Berhormat itu tidak mengeksploitasikan corak berbilang kaum masyarakat kita. Dan saya haraplah ahli-ahli Pembangkang kritik Kerajaan, kritik dengan sekeras-kerasnya kalau longkang tidak cuci, sampah tidak buang, bekalan api putus, kritik-kritik. Dan sebagai seorang anggota dalam kerajaan, saya memang mengakui memang ada kelemahan-kelemahan dalam pentadbiran tanahair kita. Dan kalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, kalau saya boleh sebutlah contoh Wakil Rakyat dari bandar Melaka seperti yang disebutkan tadi beliau bangun di sini katalah bandaraya ini tidak betul, itu tidak buat—bagus. Dan pegawai-pegawai yang duduk di belakang ini pun rasa suka hati kerana beliau mengkritik

secara membina. Tetapi janganlah bila ada isu besar atau emosi yang terlibat janganlah eksploitasikan isu-isu itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah tiba, saya mesti hentikan perjalanan mesyuarat.

Dr Goh Cheng Teik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengemukakan Usul supaya mesyuarat ditangguhkan sekarang mengikut Peraturan Mesyuarat 13.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

6.31 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

FLET UDA DI TANJONG TOKONG PULAU PINANG

6.32 ptg.

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato Musa Hitam ke kampung Tanjong Tokong pada 16hb Mac tahun ini telah membawa kekeciwaan dan kekejutan kepada penduduk-penduduk kampung tersebut apabila mereka diberi kata dua olehnya, bahawa mereka boleh menerima tawaran penempatan

semula oleh UDA ataupun menghadapi perintah usir. Kata dua itu kasar tidak bersimpati dan amat angkuh. Penduduk-penduduk ini yang telah dilayan seperti sebiju bola selama ini, kini diberi layanan yang lebih teruk oleh Timbalan Perdana Menteri. Kata dua Timbalan Perdana Menteri itu amat dikesali dan ianya menjadi punca kekeciwaan kerana dalam bulan September 1981 semasa Timbalan Perdana Menteri melawat kampung tersebut beliau telah memberi jaminan kepada penduduk-penduduk di situ bahawa tanah mereka menduduki adalah kepunyaan mereka dan ini tidak boleh ditukar pemilikannya serta UDA akan hanya memajukan tanah itu sekiranya diminta berbuat demikian oleh penduduk-penduduk.

Jaminan Timbalan Perdana Menteri tentang hak penduduk-penduduk kampung tersebut memang tepat dan munasabah oleh kerana kampung tersebut telah wujud lebih daripada 200 tahun lebih awal daripada pendaratan Captain Francis Light. Tanah tersebut sepatutnya diberi kepada penduduk-penduduk kampung tersebut lebih awal-awal lagi, tetapi nampaknya jaminan itu diberi hanya untuk memancing undi dalam pilihanraya besar 1982 dan bukan mengkotakan selepas pilihanraya itu.

Saya tidak perlu mengingatkan Kerajaan Barisan Nasional bahawa walaupun pilihanraya besar 1982 sudah lepas, tetapi pilihanraya besar akan datang, akan tiba bila-bila masa sahaja. Oleh yang demikian, saya mengambil kesempatan ini menggesa Kerajaan menarik balik kata dua Timbalan Perdana Menteri itu dan menimbang semula permintaan penduduk-penduduk kampung tersebut, khasnya rayuan yang dikemukakan oleh Persatuan Penduduk-penduduk Tanjong Tokong.

Saya ingin mencadangkan supaya rundingan baru dimulakan oleh pihak Kerajaan dengan Persatuan

Penduduk-penduduk kampung ini. Penduduk-penduduk kampung ini harus diberi layanan yang adil seperti yang diberi kepada penduduk-penduduk Kampung Balik Batu, di pinggir Tanjong Tokong di mana mereka semuanya diberi rumah-rumah gantian yang selesa dengan percuma.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah tidak memberikan perhatian yang sewajarnya di atas kedudukan penduduk-penduduk di Tanjong Tokong sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak UDA dan penduduk-penduduk Tanjong Tokong telah pun bersetuju mengiktiraf sebuah Jawatankuasa Perunding sebagai badan perantaraan yang rasmi di antara penduduk-penduduk Tanjong Tokong dengan UDA. Segala rayuan-rayuan, maklumbalas, aduan-aduan dan rasa tidak puas hati penduduk-penduduk Tanjong Tokong disalurkan kepada UDA melalui badan perunding ini. Mesyuarat-mesyuarat, perundingan-perundingan di antara UDA dan badan perunding ini senantiasa diadakan dari masa ke semasa untuk membincangkan perkara-perkara yang timbul.

Rayuan Persatuan Penduduk-penduduk Tanjong Tokong memang diberikan perhatian dan pertimbangan mengikut kemampuan pihak UDA. Begitu juga penderitaan yang dimaksudkan oleh penduduk-penduduk hendaklah disalurkan melalui badan perunding tersebut dan sekiranya ianya didapati benar maka tindakan yang sewajarnya akan

diambil oleh UDA dan setelah berbincang dengan Jawatankuasa Perunding tersebut.

UDA melalui Jawatankuasa Perunding telah mengadakan perbincangan sejak tahun 1983 lagi di mana segala rungutan-rungutan, aduan-aduan penduduk-penduduk Tanjong Tokong yang disampaikan oleh berbagai-bagai badan diambil kira oleh Jawatankuasa Perunding ini. UDA sememangnya meletakkan kepentingan dan kebajikan penduduk-penduduk Tanjong Tokong sebagai perkara yang utama di dalam menentukan supaya setiap perancangan projek pembangunan di kawasan ini ianya senantiasa diberikan perhatian. Hasil daripada perundingan dan perbincangan melalui Jawatankuasa Perunding ini berbagai-bagai ketetapan telah dibuat dan dilaksanakan oleh UDA, antaranya ialah keutamaan membeli rumah pangsa yang dibangunkan oleh UDA diberikan kepada bekas-bekas pemegang T.O.L. atau waris-waris mereka yang terlibat serta memberi kemudahan menyewa rumah pangsa berkenaan dengan kadar sewa yang istimewa bagi mereka yang tidak mampu membeli rumah-rumah pangsa yang tersebut, malah dalam urusan pemilihan lot-lot rumah mereka juga diberikan keutamaan sebelum pembeli-pembeli lain.

Bagi pembangunan kompleks perdagangan di kawasan pembangunan Tanjong Tokong ini, UDA pada prinsipnya telah bersetuju untuk melibatkan semua penduduk-penduduk di Tanjong Tokong dengan syarat mereka menganggotai koperasi Tanjong Tokong dan adalah merupakan satu lagi keistimewaan yang diberikan kepada mereka yang mana memberikan mereka peluang-peluang perniagaan di masa-masa yang akan datang. Hakikat ini menunjukkan bahawa Kerajaan melalui UDA adalah sedang berusaha untuk mengatasi sebarang kesulitan yang mungkin

dihadapi oleh penduduk-penduduk setempat berikutan dari projek pembangunan ini. Yang jelas faedah dari pembangunan kawasan ini akan disalurkan kepada penduduk-penduduk yang tersebut.

Adalah menjadi harapan kami agar semua penduduk-penduduk yang terlibat dalam pembangunan projek Tanjong Tokong ini dapat memberikan kerjasama yang lebih erat lagi kepada Jawatankuasa Perunding penduduk-penduduk Tanjong Tokong dan UDA supaya rancangan-rancangan penempatan semula dapat dilaksanakan dengan lebih licin dan teratur lagi. Ini termasuklah mengisi dan mengemalikan borang-borang untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting yang telah dihantar oleh UDA kepada penduduk-penduduk tersebut yang banyak lagi belum disampaikan lagi kepada UDA.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3) Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.